

Jilid II
Bil. 15



Hari Khamis
10hb Ogos, 1972

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 1975]

USUL²:

**Waktu Meshuarat dan Urusan Yang di-Bebaskan daripada Peratoran Meshuarat
[Ruangan 2016]**

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1972 [Ruangan 2016]

Jawatan-kuasa—

Kepala P. 7 [Ruangan 2051]

Kepala P. 24 [Ruangan 2051]

Kepala P. 27 [Ruangan 2054]

Kepala P. 28 [Ruangan 2055]

Kepala P. 29 [Ruangan 2055]

Kepala P. 34 [Ruangan 2055]

Kepala P. 40 [Ruangan 2055]

Kepala P. 47 [Ruangan 2055]

KANDONGAN-NYA—(samb.)

USUL²—(samb.)

Jawatan-kuasa—(samb.)

Kepala P. 50 [Ruangan 2055]

Kepala P. 51 [Ruangan 2056]

Kepala P. 52 [Ruangan 2056]

Kepala P. 53 [Ruangan 2056]

Kepala P. 57 [Ruangan 2056]

Kepala P. 61 [Ruangan 2056]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perikanan (Pindaan) [Ruangan 2057]

UCHAPAN PENANGGOHAN—

Pengechualian dari Menggunakan Topi Keledar [Ruangan 2079]

Jambatan Pejalan² Kaki untuk Keselamatan Jalanraya [Ruangan 2081]

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Khamis, 10hb Ogos, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. S.P.M.K. (Pontian Utara).

„ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).

„ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).

„ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

„ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATO' WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (LIMBANG-LAWAS).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Yang Berhormat TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).

- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ DATO' KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- .. DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- .. WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- .. TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- .. TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- .. DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- .. TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- .. TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- .. RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- .. PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- .. TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- .. TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- .. DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- .. TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- .. TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- .. DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- .. TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- .. TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- .. WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- .. TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- .. PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- .. TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- .. TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- .. DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- .. TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- .. TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- .. TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- .. TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- .. TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- .. TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- .. TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- .. TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- .. TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

Yang Berhormat TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA
(Kota Star Selatan).

„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.
(Sungei Siput).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Melaka Utara).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU
SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

„ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E.
(Johor Bahru Timor).

„ Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD
GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N.
(Kuala Kedah).

„ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

„ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).

„ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

„ TAN SRI SYED JAAFAAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ DATO' PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).

„ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Kota Bharu Hulu).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).

„ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.,
K.V.O., O.B.E. (Marudu).

„ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

„ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI
PERTANYAAN²MATLAMAT 30% MELAYU DALAM
INDUSTRI DAN PERDAGANGAN

1. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri, memandangkan pengumuman matlamat-polisi yang telah di-buat bahawa di-dalam tempoh 20 tahun, orang² Melayu dan bumiputra² yang lain akan mentadbir atau memiliki sa-kurang²-nya 30% daripada jumlah aktiviti² industri dan perdagangan, dan memandang kepada hal bahawa dalam tahun 1969, dari jumlah \$4,678 juta modal saham, 62.1% di-punya² oleh bangsa² asing di-bandingkan dengan 22.8% oleh orang² China, 1.5% oleh orang² Melayu dan 0.9% oleh orang India, menyatakan:

- (i) apa-kah langkah² yang sedang di-ambil oleh Kerajaan di-dalam rancangan Malaysia Kedua untuk mengurangkan penguasaan asing dalam modal saham di-Malaysia;
- (ii) sama ada menjadi tujuan polisi Kerajaan di-akhir Rancangan Malaysia Kedua pada tahun 1975 hendak mengurangkan jumlah kepunyaan asing sa-banyak 62.1% daripada jumlah modal saham dan jika ya, hingga sa-banyak mana agak-nya; dan
- (iii) sama ada Kerajaan akan berchadang mengambil (expropriating) atau menjadikan milek negeri (nationalising) sharikat² asing jika polisi Kerajaan tidak berjaya mengurangkan penguasaan asing di-dalam aktiviti² industri dan perdagangan Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) dasar yang di-titek-beratkan oleh Kerajaan dalam lapangan ini ia-lah mewujudkan satu masyarakat orang² Melayu dan lain² ra'ayat bumiputra, yang akan berganding sama sa-taraf dengan ra'ayat² Malaysia yang lain dan orang² asing dalam pemilikan dan pengurusan usaha² perdagangan dan perusahaan yang moden. Matlamat 30% yang di-tetapkan bagi penyertaan

orang² Melayu dan lain² ra'ayat bumiputra dalam masa 20 tahun tidak-lah terhad kepada sektor sharikat atau sektor "corporate" sahaja bahkan kepada semua sektor.

Strategi Kerajaan ada-lah khusus-nya, strategi memperluaskan lagi dengan chepat-nya aktiviti² perdagangan dan perusahaan² moden, supaya pada dasar-nya, daripada pengluasan tersebut akan memungkinkan orang² Melayu dan lain² ra'ayat bumiputra untuk memiliki dan mengurus bahagian yang lebeh besar. Adalah di-harapkan mereka akan men-chapai bahagian purata sa-banyak 30% dalam jumlah bidang sektor moden yang lebeh besar, dalam jangka-masa yang di-tetapkan itu.

- (ii) Bukan-lah satu dasar Kerajaan hendak menchuba menarek atau mengurangkan kedudukan sa-siapa pun, dalam menjalankan tujuan Kerajaan untuk men-chapai penyertaan yang sa-imbang oleh semua kaum dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Soal menarek-balek atau menjadikan milek Negara harta kepunyaan sa-siapa tidak-lah timbul sama sa-kali.
- (iii) Sa-saorang tentu dapat menggambarkan keadaan yang akan datang. Menerusi usaha² dan galakan² Kerajaan, orang² asing dan juga ra'ayat Malaysia akan membuat pelaburan yang lebeh banyak daripada yang di-lakukan sekarang. Menerusi usaha² bersama, saham² yang di-khaskan serta perniagaan milek sendiri orang² Melayu dan lain² ra'ayat bumiputra, harus akan memiliki dan mengurus pelaburan² yang sa-makin meningkat banyak-nya. Sambil ini berlaku, adalah terang bahawa pena'lukan modal oleh orang² asing dalam sektor "corporate" akan bertambah kurang peratus-nya.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masaalah modal asing tadi, ada-kah Kerajaan sedar bahawa modal saham yang sa-banyak 62.1% kepunyaan bangsa-asing itu dapat 400 kali ganda keuntungan tiap² tahun dengan mengirinkan keuntungan itu ka-negeri masing², dapat-lah Kerajaan meng-adakan perundingan dengan pemodal² itu

supaya menanamkan sa-mula keuntungan ka-dalam negeri ini supaya sa-jajar dengan usaha Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita ada-lah menggalakkan pemodal² yang mendapat keuntungan di-sini supaya menanamkan balek modal di-sini, tetapi modal yang di-bawa ka-luar itu tidak-lah begitu banyak seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan.

Tuan V. Veerappen: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak mengizinkan selalu². Ini sudah selalu dan menjadi kelaziman, berbalek sa-mula tidak berchakap dalam bahasa Malaysia. Chuba panduan berchakap dalam bahasa Malaysia.

Tuan V. Veerappen: Ini susah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau susah beri orang lain pula berchakap. (*Ketawa*).

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini, bagaimana-kah Kerajaan hendak menyempurnakan plan atau pun dasar Kerajaan sekarang bagi meninggikan penyertaan bumiputra dalam badan ini dengan keadaan yang ada sekarang?

The practice like this of giving incentives to foreign capital to come into our country would mean that those incentives will further widen the gap and increase foreign capital in our country. How is the Government going to reconcile this?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi ia-itu dasar kita hendak memberi bahagian yang sa-wajar-nya kepada pehak bumiputra dalam perkembangan iktisad atau in the context of expanding economy. Dalam context of expanding economy ini bahagian pehak bumiputra akan bertambah banyak daripada satu masa ka-satu masa, dan dengan chara sa-macam itu, kita berharap matlamat kita akan dapat di-chapai. Pehak Kerajaan terpaksa menggalakkan menanam modal untuk mengadakan perusahaan supaya dapat memberi pekerjaan² dan juga peluang mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan oleh ahli² bumiputra. Dan jikalau

tidak menjalankan sa-macam ini tentu-lah matlamat yang di-sebutkan oleh Kerajaan tidak dapat di-chapai.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada dasar kita ia-itu mahu menjadikan bumiputra mempunyai 30% daripada bidang ekonomi negeri ini, di-samping itu pehak Kerajaan menggalakkan pemodal² luar negeri menanam modal di-sini, jadi ada-kah pehak Kerajaan berchadang hendak membeli saham yang di-punya² oleh pemodal² di-negeri ini yang mana saham itu akan di-beri balek kepada bumiputra bagi memperimbangan antara pemodal² luar dan maksud kita untuk menchapai matlamat 30% kepunyaan bumiputra itu.

Perdana Menteri: Untuk hendak menchapai matlamat ini, kita ada menjalankan beberapa langkah kepada pemodal² asing yang suka menjual saham² mereka itu, kalau boleh kita akan beli, dan dalam tiap² perusahaan yang di-jalankan di-sini yang mendapat pertolongan Kerajaan ada di-hadkan saham² untuk ahli² bumiputra, jadi dengan chara sa-macam itu-lah peruntukan bagi ahli² bumiputra dalam lapangan perniagaan akan bertambah dari satu masa ka-satu masa.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Keadaan ekonomi dalam negara kita yang tidak sa-imbang baik pun dalam perkara kekayaan dan pendapatan, ia-lah lebeh besar antara orang Malaysia dengan orang asing daripada orang sa-puak dalam negara dan lain² puak, sama ada orang Melayu dan bumiputra dan lain² puak. Mungkin-kah lebeh elok jikalau Kerajaan menitik-beratkan perkara yang tidak sa-imbang daripada espek ini untuk sa-daya upaya menghapuskan tidak sa-imbangan dalam kekayaan dan pendapatan antara orang Malaysia dengan orang asing dan bukan macham sekarang ini. Selalu kita dengar dalam akhbar², talivishen, radio bahawa keadaan tidak sa-imbang antara sa-puak warganegara Malaysia dengan lain puak.

Perdana Menteri: Ini bukan soal-nya, ini nampak-nya hendak debate atas soal ini. Saya sudah jawab tadi perkara yang patut di-jawab dan saya fikir tidak payah saya lanjutkan lagi atas perkara ini. Saya telah terangkan dengan jelas tentang dasar Kerajaan untuk menchapai matlamat ini,

dan jawapan kepada soalan yang pertama sudah meliputi semua sa-kali.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, Overseas British Industrialists menarek balek modal-nya dalam negara kita. Kalau Overseas British Industrialists menarek modal-nya itu, boleh-kah Kerajaan kita merampas harta² mereka dalam negara kita?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia hendak tarek balek, kita tidak boleh rampas. Kalau kita hendak beli, boleh beli, saya chadangkan supaya Trade Union boleh membeli-nya supaya Trade Union boleh menjadi capitalist, lagi aman negeri ini.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Perdana Menteri menganggap akan berjaya untuk memasukkan bumiputra 30% dalam masa 20 tahun yang akan datang supaya sa-imbang dengan peniaga² bangsa asing dalam negeri ini, jika peniaga² bangsa Melayu di-kenakan sharat² yang amat ketat. Mithal-nya sa-orang peniaga, Kulop bin Ahmad hendak membuka satu lombong, maka permohonan-nya itu akan di-tanya, berapa banyak wang kamu dalam bank—apa account kamu? Bagitu juga hendak membuka hutan² balak, jika kemudahan macham ini di-tanya maka orang Melayu tidak akan dapat terchapai 30% dalam segi perniagaan 20 tahun yang akan datang. Ada-kah ini Perdana Menteri sedar sekatan² yang amat berat ini akan menyusahkan bumiputra?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan tadi ini-lah tujuan kita atau matlamat kita dan saya yakin dengan kerjasama daripada semua pehak, kita akan dapat menchapai matlamat kita dalam masa yang di-tentukan. Berkenaan dengan sharat yang di-katakan—yang di-kenakan kepada peniaga² bumiputra itu, saya fikir ini bukan sharat, ini-lah keterangan² yang Kerajaan mustahak tahu, kerana Kerajaan bimbang, kalau di-beri lesen kepada bumiputra yang tidak mampu hendak menjalankan perniagaan itu, neschaya perniagaan itu akan lepas ka-tangan orang lain. Jadi ini bukan chara hendak menolong bumiputra. Chara hendak menolong itu ia-lah kita memberi peluang kepada bumiputra menjalankan perniagaan dengan kekuatan dan kebijaksanaan mereka itu sendiri. Dan kalau tidak mempunyai kapital atau modal, Kerajaan boleh membantu modal dan kalau

berkehendakkan latehan, kita akan beri latehan, tetapi kita mesti jaga lesen² atau kemudahan² itu tidak di-beri lepas ka-tangan orang lain. Jadi ini tentu-lah berlawanan dengan dasar Kerajaan.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pada masa sekarang chuma memberi 30% dalam indastri dan perdagangan kepada orang² Melayu dan bumiputra dalam tempoh 20 tahun. Jikalau orang² Melayu dan bumiputra boleh catch up faster than expected dalam tempoh Lima Tahun Ranchangan Malaysia Yang Kedua, ada-kah Kerajaan ingin mengulangkaji (review) polisi penyertaan 20% itu di-tambah kepada 50% ia-itu to take 20% away from the 62.1% of the foreign investment and memberi kepada bumiputra?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini hypothetical question soal sa-macham mana yang hendak saya jawab, apabila sampai masa-nya, perkara ini kita akan timbangkan.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Apa-kah tempoh masa 20 tahun ini suatu jangka masa yang panjang dan ada-kah pehak Kerajaan yang ada sekarang ini yakin bahawa dalam tempoh ini tidak boleh berlaku pertukaran Kerajaan, dan ada-kah Kerajaan yang akan memerintah yang akan datang itu akan meneruskan dasar ranchangan ekonomi ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli² PAS ini patut tahu, nampak-nya tidak ada harapan hendak tukar Kerajaan. (Ketawa).

TERUSAN SEGENTING KRA—PEMBENAAN

2. **Dr S. Seevaratnam** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada terdapat apa² kajian kabinet di-atas soal pembenaan sa-buah terusan di-Segenting Kra yang akan melibatkan perkapalan, ekonomi dan perdagangan Malaysia dan jika ya, nyatakan keputusan² utama kajian tersebut dan jika tidak, sama ada Kabinet akan mamulakan kajian tersebut dengan serta merta.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saperti Ahli Yang Berhormat sendiri terma'alum, belum-lah terdapat ma'alumat² atau keterangan yang konkrit bahawa

pembinaan terusan Segenting Kra akan benar² di-laksanakan. Mengikut berita² akhbar, Kerajaan Thai sendiri belum-lah membuat keputusan mu'tamad dalam hal ini. Apa yang di-beritakan hanya-lah bahawa satu kajian permulaan sedang di-timbangkan sahaja.

Walau bagaimana pun, Kerajaan Malaysia sentiasa memberi perhatian terhadap apa² kesan terhadap ekonomi Malaysia, yang mungkin timbul daripada projek yang di-ura²kan itu, serta mengambil langkah² yang sesuai untuk memajukan pembangunan ekonomi Negara kita khas-nya di-wilayah utara Malaysia Barat.

GANJARAN PENCHEN— FAEDAH² PERSARAAN

3. Tuan Fan Yew Teng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan memberi sa-mula (restore) potongan suku ganjaran penchen kepada mereka yang terlibat, dan jika ya, bila.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab soal ini pada hari semalam dan juga kelmarin, dan saya telah terangkan sa-buah Jawatan-kuasa telah pun di-tubuhkan untuk mengkaji semua prinsip² mengenai faedah² persaraan bagi pegawai² Kerajaan dan pegawai² dalam Badan² Berkanun.

PERMIT² PERCHETAKAN— MEMBAHARUI

4. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan menimbang menghapuskan syarat yang tidak berdemokratik yang dikenakan kepada semua akhbar² tempatan untuk membaharui permit² perchetakan mereka sa-tiap tahun, dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan ia-itu saya tidak sama fahaman dengan Ahli Yang Berhormat itu bila dia mengatakan ia-itu syarat yang tidak demokratik telah di-kenakan kepada semua surat² khabar. Jadi saya suka menyatakan ia-itu kehendak² membaharui permit² perchetakan pada tiap² tahun ini maka dapat-lah Kementerian saya mengkaji

kedudukan satu² permit yang telah di-keluarkan itu dari sa-tahun ka-satahun dan dengan peratoran ini jua dapat-lah kawalan yang rapi di-jalankan terhadap pengeluaran satu² permit itu.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di-Pertua, bukan-kah syarat ini menakutkan surat-khabar² di-dalam negeri bahawa mereka mungkin tidak akan dapat permit itu pada akhir tahun?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada dengar siapa² pun daripada surat khabar yang mengatakan dia takut kepada syarat ini.

Tuan Su Liang Yu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, minta izin .

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh!

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bukan-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dalam editorial di-akhbar² termasuk editorial akhbar sangat memperhambakan diri kepada Kerajaan Perikatan *Straits Times*, dahulu bila ada editorial mengenai perkara ini, editorial *Straits Times*, pun tentang dan meminta bahawa Kerajaan boleh membatalkan undang² ini. Dan dengan sebab itu sudah terang bahawa akhbar tidak bersetuju bahawa peruntukan ini demokratik atau perlu. Dan bukan-kah I.P.I.—International Press Institute dan lain² badan yang mengawal kebebasan akhbar di-seluruh dunia pun menentang provision² sa-rupa ini. Dan dengan sebab itu, boleh-kah Kerajaan menimbang untuk membatalkan keperluan semua akhbar sa-tiap tahun mahu minta membaharui permit-nya?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu apa logik-nya Ahli Yang Berhormat ini. Yang pertama, dia kata *Straits Times* itu hamba kepada parti pemerintah. Jikalau dia menjadi hamba kepada parti pemerintah, bagaimana pula dia berani membuat editorial yang di-katakan tadi? Tentu dia tidak berani. Itu menunjukkan *Straits Times* ini bukan-lah hamba kepada Kerajaan. Dia satu Press yang bebas. Atas editorial² yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, mana² surat khabar yang luar daripada negeri ini, mereka mengikut keadaan dalam negeri mereka, bagaimana saya kata kerap kali dalam negeri ini, ia-itu

demokrasi dalam negeri kita ini ada berlainan daripada demokrasi di-tempat lain. Mithal-nya Ahli Parlimen di-West-minster sana berlainan sikap-nya dan chara-nya daripada Ahli Yang Berhormat itu sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri chuba dapat pandangan daripada semua akhbar di-negara ini, bertanya bahawa akhbar² baik pun akhbar berbahasa Inggeris atau China, atau Tamil, atau bahasa Malaysia samada mereka bersetuju keperluan pembaharuan permit pada tiap² tahun atau mereka rasa lebih baik itu di-batalkan dan jikalau semua akhbar memberi pandangan bahawa lebih elok kepada kebebasan akhbar membatalkan requirement, boleh-kah Yang Berhormat Menteri menimbangkan atas perkara ini?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya membaca surat khabar ini dan fahaman saya lain daripada Ahli Yang Berhormat itu. Boleh jadi kalau parti dia, saya tidak sangka parti dia boleh menjadi Kerajaan mithal-nya parti beliau menjadi Kerajaan, boleh-lah dia buat begitu; apa yang dikatakan oleh surat khabar itu, dia jalankan, jadi surat khabar-lah yang menjadi Kerajaan. Bagi diri saya, saya mengambil perhatian apa yang di-beritakan dalam surat khabar itu dan saya timbangkan, ada-kah kehendak mereka itu selaras dengan kehendak negeri dan tujuan Kerajaan, dan jikalau saya fikir tidak selaras, saya sungguh pun harga fikirannya itu, saya mesti jalankan kewajipan saya.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Menteri kata dahulu tidak ada apa² orang yang menentang provision ini, sekarang kata-nya, apa pun tentangan

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak mengingatkan, ini bukan perbahathan, ini soalan tambahan

Tuan Lim Kit Siang: Baik. Soalan saya ia-lah jikalau akhbar² di-negara ini menyeru kepada Kerajaan supaya membatalkan provision itu, boleh-kah Kementerian-nya memberi pertimbangan dan jalankan?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Itu soalan hypothetical, saya katakan, sebab soal ini ada berbagai aspek boleh di-tengokkan, semua orang tidak suka hendak ambil permit, semua orang hendak bebas sahaja. Mithal-nya

dreber² kereta, kalau di-tanya dengan dia, hendak pakai lesen kereta atau tidak? Tentu semua kata tidak mahu, dia suka hendak memandu dengan tidak pakai lesen. Kalau tanya dia, semua surat khabar tidak mahu. Kalau kita bertanya dia, chara bagaimana kita bertanya dengan-nya. Saya tidak bolehlah hendak jawab chara yang hypothetical yang tidak tegas itu.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mahu menarek kembali permit² surat khabar atau majallah dalam negeri ini, jika menyiarkan dalam majallah itu perkara² yang merosakkan akhlak ra'ayat dalam negeri ini atau pun menyiarkan gambar² sa-bagaimana yang saya bawa ini? Tiga buah majallah ini isi-nya didalam tidak lain yang tidak layak di-bacha oleh anak² sekolah dan gadis² yang berumur 16 tahun. Sa-mata²

Tuan Yang di-Pertua: Itu gambar apa yang di-bawa tunjok di-sini?

Tuan Hashim bin Gera: Gambar majallah yang biasa.

Tuan Yang di-Pertua: Gambar² tidak boleh di-tunjok di-sini. Chakap sahaja.

Tuan Hashim bin Gera: Saya menunjokkan majallah ini supaya ada bukti. Apa-kah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri akan menarek permit perchetakan itu. Ini ada kena-mengena dengan perhubungan jantina.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, ukoran² akan di-pertimbangkan satu² perkara itu menjadi moral atau immoral, Ahli Yang Berhormat itu sendiri tentu tahu sebab Ahli Yang Berhormat dahulu dalam PAS. PAS mengatakan ronggeng itu immoral. Jadi Ahli Yang Berhormat itu keluar. Kalau mengikut dia, saya terpaksa-lah bankan ronggeng itu. Itu-lah saya katakan kita ada censor di-sini. Mereka gunakan discretion mereka. Jikalau ada banyak bantahan dari orang ramai, tentu-lah saya akan menghiraukan apa² yang di-rayukan oleh orang ramai itu. Ini satu perkara yang tidak boleh di-katakan hitam putih bagaimana dia sendiri tahu tentang soal joget kelmari.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Joget sudah tamat, dan saya pun sudah keluar. (Ketawa) Tetapi soal yang di-kemukakan ini saya harap-lah mendapat keputusan

daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Soal gambar² luchah dan majallah ini tadi—mengambil satu keputusan supaya tidak merosakkan akhlak pemuda dalam negeri ini tambah² lagi saya sekarang dalam parti bebas, bebas boleh berchakap. Terima kaseh.

Tuan Yang di-Pertua: Soal itu sudah dijawab tadi

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, ada juga dalam masyarakat kita, sharikat² surat khabar ada berkata, Kerajaan selalu ada memberi amaran bagaimana tulisan dan apa² perkara yang parti Pembangkang beruchap, Kerajaan ada memberi amaran, kadang² Kementerian Penerangan ada memberi amaran. Dengan ini, kami hendak minta kepada Yang Berhormat Menteri memberi jaminan dalam Dewan ini, boleh-kah beri hidup kepada surat² khabar yang bebas dalam negara kita—Kerajaan tidak boleh paksa mereka.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Ini ta' ada kena-mengena dengan soalan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ta' tahu tentang mana yang kena-mengena-nya dengan soalan ini.

Tuan V. David: Fasal apa, selalu Kementerian Penerangan ada memberi amaran tiap² sharikat surat khabar bila apa² yang dimarahi oleh Kerajaan amaran itu di-sampaikan oleh surat khabar itu. Saya minta jaminan dalam Dewan ini yang Kerajaan tidak boleh paksa semua surat² khabar apa yang patut mengukor dan tulis yang mana yang menggunakan di-kalangan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah luar daripada soalan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan sedia mengena-kan satu peratoran baharu bila mana membaharui permit² akhbar dalam negeri ini yang mana akhbar itu tulin menggunakan bahasa asing supaya akhbar itu menggunakan halaman sedikit sa-banyak halaman dengan Bahasa Kebangsaan yang akan mendatangkan faedah kepada pembacha dan menyesuaikan surat khabar itu berchorak Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Chuba lagi sa-kali bertanya. Saya minta tepatkan soalan itu, jangan di-pusing²kan, ta' siapa boleh menjawab-nya.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Maksud saya bagini, Tuan Yang di-Pertua. Sedia-kah Kerajaan membuatkan satu peratoran baharu bila mengeluarkan permit akan datang segala surat khabar dalam negeri ini yang tulin menggunakan bahasa asing supaya surat khabar itu memuatkan di-halaman-nya Bahasa Kebangsaan bagi memberi faedah kepada pembacha dan menyesuaikan dasar Kerajaan kita hendak menchorakkan Bahasa Kebangsaan dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sendiri ta' faham (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu! Chuba tanya satu soalan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Boleh-kah tidak Kerajaan mengenakan satu syarat bila mana mengeluarkan permit surat² khabar yang tulin menggunakan

Tuan Yang di-Pertua: Yang tulin!

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Sa-penoh² bukan Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua: Kata-lah bukan Bahasa Kebangsaan!

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Bahasa China-kah, bahasa Tamil-kah, atau bahasa Inggeris di-minta surat khabar itu supaya menyelitkan di-halaman akhbar-nya itu dalam Bahasa Kebangsaan pada masa akan datang.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Ini ta' ada kena-mengena dengan soalan yang asal. Ini bukan soalan tambahan, ini soalan baharu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Ada-kah pehak Kerajaan berchadang pada masa² yang akan datang apakala permit untuk membaharui per-chetakan akhbar² mahu di-sharatkan supaya sa-kurang²-nya 60% atau pun 70% pekerja² wartawan dan sa-bagai-nya terdiri daripada ra'ayat Malaysia.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Kalau Ahli Yang Berhormat itu mengerti Malayanisation policy Parti Perikatan ini, ta' payah-lah saya menjawab-nya. Bacha-lah rekod yang lama itu bagaimana kita melaksanakan Malayanisation policy.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ta' ada rekod, minta daripada headquarters (Ketawa).

TAHANAN² DI-PENJARA MALAYSIA

5. Tuan Hashim bin Gera (*di-bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah orang² tahanan di-dalam tiap² penjara di-seluruh Malaysia;
- (b) berapa banyak orang² tahanan yang telah di-bebaskan bagi 12 bulan yang lalu daripada tiap² penjara; dan
- (c) berapa banyak lagi yang akan di-bebaskan dalam masa yang akan datang.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jika Ahli Yang Berhormat bermaksud orang² yang di-tahan di-tempat² tahanan perlindungan maka angka²-nya pada 8-8-1972 ia-lah seperti berikut:

(i) Taiping ...	10 orang (semua lelaki)
(ii) Batu Gajah ...	241 orang (202 lelaki dan 40 perempuan)
(iii) Muar ...	81 orang (semua lelaki)
(iv) Sabah ...	1 orang (lelaki)
(v) Sarawak ...	1,324 orang (1,021 lelaki dan 297 perempuan)

Jumlah ... 1,657

- (b) Angka² orang² tahanan yang di-bebaskan dari tempat² tahanan perlindungan dalam tempoh masa 12 bulan yang lalu ia-lah seperti berikut:

(i) Tempat Tahanan Perlindungan Khas, Batu Gajah ...	93
(ii) Tempat Tahanan Perlindungan, Muar ...	33
(iii) Pusat Tahanan Perlindungan, Kuching ...	975
(iv) Tempat Tahanan Perlindungan Kota Kinabalu ...	51
Jumlah ...	<u>1,152</u>

- (c) Tiap² kes orang² tahanan ada-lah di-ulangkaji dari masa ka-masa oleh Lembaga Penasehat mengikut peruntukan seksyen 13, Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun 1960. Soalan berapa banyak orang² tahanan itu akan di-bebaskan ada-lah bergantung kepada hasil ulangkaji Lembaga tersebut.

Tuan Hashim bin Gera: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan jasa baik-nya apa-lah jua kira-nya memberi kema'afan dan pengampunan kepada mereka² ini yang baharu ini di-bebaskan di-beri sa-mula kepada jawatan-nya. Mithal-nya di-kawasan saya ada 4 orang pemuda semua-nya pekerja² DID dan baharu sahaja di-bebaskan oleh Kerajaan dalam dua tiga bulan ini. Maka mereka ini telah merayu meminta saya sampaikan ka-dalam Dewan ini kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi mereka itu kerja-nya seperti biasa kerana mereka mempunyai anak tidak kurang daripada 5 tiap² sa-orang, ia-itu 2 di-buang di-Batu Gajah, 2 di-buang di-Parit dan 1 di-buang ka-Sitiawan. Ka-tempat² itu semua-nya ada pejabat DID. Kalau di-beri mereka itu kemudahan memegang jawatan ini alang-kah baik-nya tidak menyusahkan kehidupan

Tuan Yang di-Pertua: Ada-kah itu soalan? Soalan tambahan itu pun ta' betul sudah luar daripada ini hendak memberi ucapan panjang² saya ta' izinkan.

Tuan Hashim bin Gera: Had itu sahaja.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Ahli Yang Berhormat ini bila mewakili orang² yang menyoalkan ini tidak membaca soalan ini. Itu sebab datang soalan tambahan ini. Soalan ini berkenaan dengan orang tahanan, bukan orang buang tempat.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, asal soalan pokok-nya orang kena tahan juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan perbahathan. Dudok.

Tuan Hashim bin Gera: Terima kaseh.

Dr A. Soorian: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri memberi penerangan kepada Dewan yang mulia ini berapa orang² tahanan yang telah di-bebasikan dengan syarat² atau terus-menerus.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Saya boleh beri tahu, tetapi saya ini bukan-nya komputer. Kalau di-beri notis, saya boleh beri jawapannya.

Y. B. ZULKIFLI ISMAIL— MEMBEBAHKAN

6. Tuan Mustapha bin Hussain (*di-bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bila Kerajaan akan membebaskan Yang Berhormat Dzulkifli Ismail yang telah di-tahan semenjak 1970;
- (b) sama ada beliau akan di-benarkan mengangkat sumpah sa-bagai sa-orang ahli Dewan Perhimpunan Negeri, Pahang;
- (c) sebab² beliau di-tahan; dan
- (d) sama ada beliau maseh menjadi anchaman kepada kestabilan politik di-negeri kita.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jawapan kepada soalan itu ada-lah bergantung kepada ulangkaji yang di-adakan oleh Lembaga Penasehat dari masa ka-masa mengikut sekshen 13, Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun 1960.
- (b) Beliau tidak akan di-benarkan membuat demikian oleh sebab² keselamatan.
- (c) Beliau telah di-tahan di-bawah sekshen 8 Akta tersebut oleh kerana kegiatan² beliau ada-lah memudharatkan keselamatan negara ini.
- (d) Ya. Lembaga Penasehat yang telah mengulangkaji kes beliau itu pada 27hb Julai, 1972 berpendapat bahawa beliau maseh lagi menjadi anchaman keselamatan negara dan telah mengeshorkan supaya beliau terus di-tahan.

PENCHARUM² K.W.S.P.— KESUSAHAN MENGELUARKAN

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa K.W.S.P. berkehendakkan pencharum² yang sakit yang

berhajat hendak mengeluarkan charuman mereka hendak-lah mula²-nya di-pereksa oleh doktor Kerajaan kemudian oleh doktor yang di-pileh oleh K.W.S.P., dan ini menyebabkan kesusahan, dan sama ada Kerajaan berchadang hendak mengubah peratoran ini supaya sa-saorang pencharum itu hanya di-pereksa oleh doktor sa-kali sahaja. Jika ya, bila-kah peratoran baru ini akan di-jalankan.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga K.W.S.P. memang sedar akan kesusahan² yang di-hadapi oleh pencharum² bila pemereksaan doktor selanjut-nya di-kehendaki. Malangnya tidak semua pengamal perubatan ada-lah jujur, dan dengan itu Lembaga K.W.S.P. terpaksa mendirikan satu Lembaga Perubatan bagi kes yang di-shaki.

Lembaga sekarang bersetuju atas dasar semua kes pada masa hadapan akan di-pereksa oleh doktor² yang di-lantek oleh K.W.S.P. untuk tujuan ini, dan bukan oleh pengamal² perubatan yang di-pileh oleh pencharum² sendiri. Pindaan kepada peratoran yang berkenaan sedang di-buat pada waktu ini, dan bila chara baru ini mula di-pakai, dua pemereksaan perubatan tidak lagi akan di-kehendaki.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri Kewangan memberitahu bila agak-nya peratoran baharu itu dapat di-jalankan?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, lagi deras, lagi baik.

BORANG K.W.S.P. 10—MEMINDA

8. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bersedia meminda borang K.W.S.P. 10 untuk membolehkan Ahli² Parlimen dan Ahli² Majlis Undangan Negeri menjadi saksi².

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu²kan chadangan Ahli Yang Berhormat itu, dan telah mengarahkan supaya langkah² di-ambil bagi meminda Borang K.W.S.P. 10 untuk membolehkan Ahli² Parlimen dan Ahli² Majlis Undangan Negeri menjadi saksi.

LESEN PERNIAGAAN— MENETAPKAN KADAR BAYARAN

9. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa menetapkan kadar \$25 sa-bagai bayaran lesen perniagaan dengan tidak menghetongkan jumlah modal perniagaan itu ada-lah suatu penganiayaan. Jika ya, apa-kah tindakan yang akan di-ambil atas perkara ini.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, mula² saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa sijil pendaftaran perniagaan tidak di-anggapkan sa-bagai lesen. Ia hanya-lah satu sijil yang menandakan pendaftaran perniagaan sahaja.

Di-bawah sekshen 20 (2) Ordinan Pendaftaran Perniagaan, 1956 sa-saorang yang mempunyai sijil pendaftaran perniagaan maseh di-kehendaki menurut kehendak² tertentu sa-barang undang² lain, saperti undang² perlesenan, buroh, dan sa-bagai-nya.

Pendaftaran perdagangan boleh di-gunakan sa-lama sa-tahun dari tarikh pendaftaran dan boleh di-baharu² tiap² tahun jika perdagangan itu di-jalankan terus menerus.

Dalam keadaan ini, chadangan Ahli Yang Berhormat untuk menggantikan bayaran tahunan nomina sekarang dengan bayaran yang sa-benar-nya yang berdasarkan kepada modal yang di-gunakan dalam perniagaan itu tidak-lah nampak sesuai dan, oleh yang demikian, Kerajaan tidak boleh menerimanya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri Kewangan meminda bayaran yang di-kenakan untuk mendapatkan sijil pendaftaran perniagaan itu daripada \$25 kepada yang lebih rendah di-mana dahulu-nya hanya di-kenakan \$5 sahaja kepada peniaga² kecil, yang saya maksudkan ia-lah penjual pisang, penjual sayur dan lain² peniaga kecil saperti itu.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Member will, perhaps, appreciate that \$25 a year is not exactly an onerous, burdensome sum.

It is slightly more than \$2 a month, and it would be impracticable to approve scales of fees for a registration fee of this order.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa sekarang, pembawa² kereta sekolah yang membawa murid² sekolah kena bayar chukai \$25 pada tiap² tahun untuk mengambil lesen dan tidak membuat apa² perniagaan lain daripada membawa murid² sekolah, dan juga orang itu kena bayar \$70 chukai untuk membawa kereta itu. Mengapa-kah dia kena membayar \$25 untuk lesen perniagaan dan juga \$70 chukai pada tiap² tahun. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri Kewangan menerangkan-nya?

Tun Tan Siew Sin: Sir, I am not sure we are speaking on the same subject! (*Ketawa*).

Tuan Su Liang Yu: (*Dengan izin*) Sir, is the Honourable Minister aware that there are many barbers trading on the five-foot ways with a chair costing only \$2 and a razor costing about \$3 as capital? And as such is it fair for the Minister to make them pay \$25 as business registration fee when their total capital is so low as \$5?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, I am not sure whether the barbers are liable to pay this registration fee.

RUMAH PEKERJA² KERETAPI— PEMBENAAN

10. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada terdapat ranchangan² untuk membena rumah² Kerajaan yang baik bagi pekerja² keretapi di-Seremban, oleh kerana kebanyakan rumah² yang terdapat sekarang ada-lah terlalu tua dan tidak sesuai untuk di-diami mengikut taraf moden, dan kebanyakan rumah² ini tidak di-chat sa-lepas lebih dari sa-puluh tahun.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, Pentadbiran Keretapi sa-memang ada ranchangan² untuk membena rumah² yang lebih baik bagi pekerja² pentadbiran tersebut. Bagaimana pun dengan keadaan kedudukan kewangan pentadbiran itu pada masa ini ranchangan² membena rumah² bagi

kakitangan² pentadbiran terpaksa di-perhitong sa-mula untuk menentukan keutamaannya sa-laras dengan kedudukan kewangan Pentadbiran.

Pentadbiran Keretapi akan mengkaji sa-mula kedudukan yang sa-benar-nya rumah² keretapi di-Seremban itu dan jikalau didapati benar yang keadaan rumah² keretapi itu lebih burok daripada rumah² keretapi di-tempat² yang lain tindakan yang sesuai akan di-ambil.

Perlu di-ingatkan juga ia-itu oleh sebab peratoran² di-bawah gaji Suffian banyak daripada kaki-tangan keretapi akan membeli rumah² sendiri dan ini boleh melibatkan kekosongan banyak daripada rumah² keretapi yang sedia ada sekarang. Oleh itu Pentadbiran terpaksa berhati² sa-belum melancarkan pembenaan rumah² yang baharu.

JURUTERBANG² M.S.A.—BILANGAN

11. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) bilangan juruterbang² yang di-chadang akan berkhidmat dengan MAS mulai 1hb Oktober, 1972, ia-itu tidak termasuk bilangan juruterbang² yang akan tamat kursus² latehan penerbangan; dan
- (b) nyatakan juga chara pembahagian juruterbang² MSA antara MAS dan Sharikat Penerbangan Singapura.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bermula daripada 5hb Ogos, 1972 pehak MAS akan mempunyai 115 orang juruterbang² mengikut pengakuan yang hendak masuk berkhidmat dengan MAS apabila Sharikat itu mulai berkhidmat pada 1hb Oktober, 1972.
- (b) Mengikut sekim pembubaran Sharikat MSA yang telah di-persetujui oleh semua pehak chara tawaran bekerja kepada pekerja² MSA untuk berkhidmat dalam Sharikat MAS atau Sharikat Penerbangan Singapura ada-lah ditentukan sa-bagaimana berikut:

- (1) Sharikat MAS hendak-lah menawarkan pekerjaan kepada Warganegara Malaysia yang berkhidmat dalam Sharikat MSA.

(2) Warganegara² Singapura boleh memohon berkhidmat dengan Sharikat MAS dan Sharikat MAS berhak menerima atau menolak permohonan-nya.

(3) Pegawai² expatriate yang berkhidmat dalam Sharikat MSA boleh di-tawarkan pekerjaan oleh Sharikat MAS atau Sharikat Penerbangan Singapura mengikut keperluan masing².

Pemilihan juruterbang² dalam Sharikat MAS telah di-laksanakan mengikut atoran² yang tersebut di-atas.

JURUTERBANG² MALAYSIA— LATEHAN PENERBANGAN

12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perhubungan menyatakan kanegara mana-kah bakal juruterbang² Malaysia akan di-hantar untuk mengikuti latehan penerbangan sa-lain daripada Filipina dan nyatakan berapa banyak wang yang akan di-belanjakan bagi tiap² sa-orang juruterbang sa-hingga mereka tamat latehan penerbangan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Pada masa ini Sharikat MAS menghantar pelateh juruterbang²-nya untuk mengikuti latehan penerbangan di-Sydney, Australia dan pehak MARA telah menghantar pelateh² juruterbang untuk mengikuti kursus penerbangan di-Filipina. Tentang tempat latehan pada masa yang akan datang pehak MAS akan mengkaji dari masa ke-samasa tentang kelayakan dan kesesuaian tempat² latehan yang berkenaan sa-belum menghantar pelateh² juruterbang-nya. Belanja bagi melateh sa-saorang juruterbang ia-lah lebih kurang \$51,000. Dan kita senang menerangkan yang mana pehak MARA telah menghantar 17 orang telah pulang dengan mendapat kelulusan yang baik dan sa-orang daripada-nya telah dapat kelulusan yang utama dalam semua pelateh di-Filipina dalam penerbangan.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut perbelanjaan yang habis bagi melateh sa-orang juruterbang di-Filipina sa-lama 14 bulan ia-lah \$28,000. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri bahawa \$51,000 perbelanjaan \$15,000 bagi tiap² sa-orang juruterbang itu yang di-hantar berlateh di-Australia-kah, atau pun di-mana?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya dapat tahu MAS yang menghantar ka-Sydney dengan perbelanjaan \$51,000 bagi tiap² sa-orang. Tentang yang di-hantar oleh MARA, saya tidak dapat briefing daripada MARA. Saya fikir lebeh kurang di-mana² jua pun memang standardised—international standard.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri ini dapat memberi jaminan bahawa Sharikat MAS ini akan mengambil pelatoh² yang di-hantar oleh MARA pada masa ini dan juga pada masa akan datang?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, dengan sukachita memang itu menjadi dasar; MAS bekerjasama dengan pehak badan² Kerajaan, sama ada MARA atau lain² lagi yang mengeluarkan biasiswa, melainkan ada kekosongan². Kita tidak akan menghantar bagi merugikan wang ra'ayat, itu bukan satu chara yang kita membuat kerja dalam Kerajaan Perikatan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh-kah Yang Berhormat Menteri kata sama ada plan untuk menubuhkan sa-buah Sekolah Latehan Juruterbang di-Sekolah ASEAN untuk melatoh juruterbang² bagi lima buah negara ASEAN?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sendiri telah memikirkan perkara² yang macham ini dan kita akan ambil satu keputusan nanti, tetapi saya dapat tahu dalam ASEAN ada group-nya tentang hendak beri training engineering pilot, tetapi latehan sekolah itu, saya belum dengar lagi.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, untuk memandang jauh, ada-lah Menteri Perhubungan merancang untuk menarek hati daripada murid² di-sekolah menjadi juruterbang pada masa akan datang, saperti cadet corps, atau dengan memberi dia peluang menjadi aircraft engineer dan lain² lagi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, di-Malaysia Barat ada tiga buah Flying Club, pertama sa-kali di-Kuala Lumpur, di-Pulau Pinang dan di-Ipoh. Di-Malaysia Timor ada sa-buah. Maka di-sinilah kita menggalakkan ramai orang² muda masok belajar terbang sa-chara civilian dan Kerajaan memberi galakkan dengan memberi subsidy kepada mereka yang hendak belajar

dengan perbelanjaan bayar satu jam \$40.00. Kalau tidak ada chukop wang, tentu-lah dia tidak boleh mampu hendak belajar.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan berchakap kelab², kelab² itu membership-nya sangat tinggi. Yang saya katakan murid² di-sekolah. Kalau kita ada ranchangan saperti air cadet corps di-sekolah², saya ingat ini boleh menarek perhatian murid² itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ada sa-tengah² sekolah sedang hendak menguruskan, tetapi walau macham mana pun, kalau hendak belajar juruterbang itu memang mahal belanja-nya. Dengan sebab itu, kita akan timbangkan atas perkara itu.

PENTERNAK² DI-SARAWAK— MEMBANTU

13. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi lebeh banyak lagi bantuan untuk memperbaiki perusahaan ternakan di-Sarawak.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, satu ranchangan ternakan besar²an untuk pengeluaran daging dan susu telah di-luluskan bagi Negeri Sarawak. Saling dari itu Kerajaan Negeri Sarawak pun mempunyai ranchangan subs'idi untuk membantu penternak² bagi tanaman rumput fodder dengan harapan untuk memajukan ternakan daging dan susu.

ROMPAKAN KA-ATAS NELAYAN²— MENGHALANGKAN

14. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sama ada langkah² yang lebeh berkesan sedang diambil untuk menghalangkan kejadian perompakan dan pencholekan yang berlaku ka-atas nelayan² kita untuk di-jadikan tebusan; kejadian yang terbaharu sa-kali ia-lah di-mana 50 orang nelayan kita telah di-cholek sa-masa mereka menangkap ikan berhampiran dengan Pulau Jerak.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, ya, langkah² yang perlu di-ambil untuk menyelaraskan perondaan yang di-jalankan oleh Jabatan Perikanan bagi

menguatkuasakan Undang² Pelesenan Penangkapan Ikan di-persisiran pantai dan rondaan oleh Polis Laut bagi meniaga keamanan dan ketenteraman dengan rondaan keselamatan dan pertahanan oleh Tentera Laut di-Raja Malaysia termasuk dalam kawasan perayeran antarabangsa yang lebih dari 12 batu dari pantai. Perondaan Laut sa-bagai yang tersebut itu di-bantu pula oleh perondaan dengan kapal terbang oleh Tentera Udara di-Raja Malaysia. Penyesuaian dalam sistem perondaan yang tersebut itu sekarang meliputi Pulau Jerak.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri kata apa tindakan telah di-ambil untuk membantu 50 orang nelayan² yang telah jadi mangsa perompak itu dan benar-kah bahawa 50 nelayan² itu yang menjadi mangsa dalam piracy di-Pulau Jerak sudah dapat amaran daripada pihak Polis Laut bahawa mereka tidak boleh pergi ka-Pulau Jerak untuk tangkap ikan sungguh pun Pulau Jerak dalam perayeran antarabangsa.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, sa-malam Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat jawapan mengenai perkara ini dan saya pun tidak dapat memberi jawapan sama ada benar atau tidak Polis Laut memberi amaran itu. Ini boleh-lah di-tanya kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Lim Kit Siang: Yang betul-nya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak jawab soal mengenai perkara ini, dan ini sangat mustahak kerana 50 orang daripada Pulau Pangkor sudah jadi mangsa piracy dan mereka takut keluar untuk pergi tangkap ikan. Sekarang mereka tidak dapat bantuan dan boleh-kah Kerajaan beri satu keterangan yang tegas bahawa boleh-kah mereka pergi perayeran antarabangsa macham Pulau Jerak untuk dapat ikan atau tidak boleh?

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, ini agak sulit untuk beri jawapan. Saperti yang saya terangkan tadi bahawa Angkatan Tentera Udara di-Raja Malaysia, Polis Laut Malaysia dan juga Tentera Kapal Laut di-Raja Malaysia memang ada mengadakan rondaan, tetapi sa-bagaimana yang kita ma'alum laut bukan-lah satu tempat yang kecil, kadang² kapal ronda kita ada sa-belah kata-lah 38 degree tetapi perompak

akan berlaku di-tempat yang lain. Jadi inilah satu kesulitan yang besar yang di-hadapi oleh nelayan² kita yang memang Kementerian ini menyedari sangat. Dan baharu² ini saperti yang kita ma'alum satu perundingan telah di-adakan juga antara nelayan² di-Pantai Timor dengan pihak angkatan Laut di-Raja Malaysia dan juga Angkatan Udara di-Raja Malaysia. Rondaan ini memang sentiasa di-adakan tetapi sa-bagaimana saya katakan tadi ada-lah sukar untuk kita mengawasi nelayan² ini daripada rompakan dan juga lanun² di-laut.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri sudah lari daripada soalan saya, soalan saya ia-lah sangat tepat.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan cross examination.

Tuan Lim Kit Siang: Soal-nya ia-lah, boleh-kah nelayan² Malaysia pergi ka-Pulau Jerak untuk menangkap ikan dan jikalau Yang Berhormat Menteri tidak ada jawab sekarang saya harap dia boleh check dan dia boleh beri jawapan kepada saya kerana nelayan² daripada Pulau Pangkor tertarek hati dengan hal ini kerana itu mengenai kehidupan mereka.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, kewajipan Kementerian saya ia-lah mengeluarkan lesen dan lesen telah di-keluarkan.

Berkenaan dengan keselamatan di-laut dan juga di-dalam negeri ada-lah di-bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, maka perkara itu minta-lah nelayan² berhubung dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dengan kerana itu saya akan berhubung dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang ini Ahli Yang Berhormat tuju sana, tuju sini—tidak boleh. Sudah di-tujukan satu dan tidak dapat jawab, duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Itu kerana untuk kesusahan ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dia boleh beri jawapan, ikut jalan lain, bukan satu masa ini sahaja mesti di-jawab.

PENDAPATAN PESERTA² FELDA

15. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar yang terdapat rasa tidak puas hati di-kalangan peserta² FELDA, terutama-nya mereka di-Perak, terhadap kadar faedah pembayaran balek kepada Lembaga itu ada-lah terlalu tinggi dan mesti-lah di-turunkan dengan sawajar-nya, dan jika ya, nyatakan apa-kah keputusan yang telah di-chapai oleh Kerajaan mengenai perkara ini.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah sedar bahawa harga getah yang merosot telah mengakibatkan pendapatan yang sedikit di-kalangan pekebun² kecil dan ini termasuk juga peserta² FELDA. Untuk mengatasi kesulitan ini FELDA telah meminda kadar pembayaran balek hutang peserta supaya mereka tidak menderita. Potongan tidak di-buat daripada pendapatan \$70.00 yang pertama dan pendapatan lebih daripada \$70.00 ada-lah di-bahagi dua di-antara peserta dan FELDA.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Kerana jaminan atau pun persetujuan di-beri oleh Pemangku Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dua hari dahulu bahawa Kerajaan akan menimbangkan tidak akan memotong pembayaran jikalau pendapatan peneroka² FELDA tidak melebihi \$150.00, boleh-lah Yang Berhormat Menteri menerangkan bila Menteri ini akan menimbangkan perkara ini dan bila Dewan ini boleh dapat tahu keputusan Kementerian.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak ada jaminan yang di-katakan \$150.00 itu. Tetapi seperti yang telah di-tegaskan oleh Pemangku Menteri kelmarin menyatakan yang \$70.00 itu kalau pendapatan-nya bagi sa-orang tidak lebih daripada \$70.00 tidak akan di-potong. Jikalau pendapatan-nya lebih daripada \$70.00 akan di-bahagi dua, kata-lah dia dapat \$90.00—yang \$20 itu di-bahagi dua: \$10 untuk peserta dan \$10 lagi kepada FELDA. Walau bagaimana pun hal ini adalah di-kaji dari soal mengikut keadaan tetapi saya tidak dapat menjelaskan sekarang bila akan dapat di-berikan kenyataan.

Tuan Lim Kit Siang: Pada dua hari dahulu ada dalam Penyata Rasmi bahawa Pemangku Menteri ada memberi jaminan itu

dan barangkali Pemangku Menteri boleh memberi satu keterangan bahawa dia telah memberi jaminan benar atau dia mahu terek balek jaminan itu.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan dalam jawapan hari yang pertama akan di-beri pertimbangan, perkara itu akan di-timbangkan dan pihak FELDA sendiri sedang mendapati butir² berkenaan dengan hal perbelanjaan itu dan ini, kesesuaian dan sa-bagai-nya kerana kita mesti menimbangkan dari semua aspek. Kalau sa-kira-nya FELDA mendapat lebih tetapi orang kampung pula kurang jadi ini juga akan menjadi masalah pada masa akan datang. Jadi perkara itu maseh dalam pertimbangan dan keputusan akan di-buat sama ada dapat di-timbang atau pun tidak dalam sedikit masa lagi.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Pemangku Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan dalam Majlis ini peserta² FELDA itu membayar balek kepada Kerajaan tiap² di-bayar hutang itu, berapa-kah banyak hutang tiap² sa-orang peserta itu kepada Kerajaan?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini ada-lah soalan lain. Jadi elok-lah Ahli itu membuat satu soalan yang bebas tidak bergantung kepada soalan tambahan ini (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukop.

(Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukop dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 16 hingga 40 ada-lah di-beri di-bawah ini.)

JALAN BAU KA-TONDONG— PEMBENAAN

16. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan bila-kah Kerajaan berchadang hendak membena sa-mula jalan yang ada sekarang dari Bau/Tondong Kampong Daon, Singgai menghubungkan-nya dengan jalan Matang, Kuching.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Jalan dari Bau ka-Tondong pada masa ini sedang dalam pembenaan. Tetapi rancangan membena jalan yang menghubungkan Tondong dengan Jalan Matang, Kuching, tidak dapat di-laksanakan dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini oleh kerana ada projek lain yang lebih penting dan perlu di-laksanakan terlebih dahulu.

PEMBANTU-PEMBANTU HOSPITAL—TEMPOH PERCHUBAAN

17. Dr A. Soorian minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sa-tengah Pembantu² Hospital yang telah lulus baharu² ini sedang menghadapi masa'alah yang sama seperti Jururawat² berhubung dengan gaji, dalam mana sa-masa mereka masuk berkhidmat tempoh perchubaaan sa-patut-nya ia-lah 3 tahun 4 bulan dan sunggoh pun mereka telah di-tetapkan pada bulan Ogos yang lalu mereka maseh lagi menerima \$250.00 sa-bulan sama seperti Pelateh² Tahun Tiga dan tarikh kenaikan gaji yang berikut-nya ia-lah pada 1hb Julai, 1972 dengan itu menjadikan tempoh perchubaaan mereka di-lanjutkan kepada 4 tahun dan 3 bulan. Jika sedar, sudah-kah Kementerian mengambil apa² langkah bagi membetulkan keadaan yang tidak patut ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Soalan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat dari Port Dickson tidak-lah jelas dan mengelirukan. Sapanjang yang di-ketahui dan di-amalkan, tempoh perchubaaan Pembantu² Hospital dalam Latehan ada-lah 3 tahun 4 bulan sa-bagaimana yang di-nyatakan sendiri oleh Yang Berhormat itu di-dalam pertanyaan-nya. Dengan hal yang demikian soal perlanjutan tempoh perchubaaan mereka sabagaimana yang di-nyatakan-nya itu tidak timbul langsung. Tegas-nya mereka tetap di-sahkan dalam jawatan mereka setelah lulus peperiksaan mereka dan berjaya menamatkan tempoh perchubaaan selama 3 tahun 4 bulan dengan memuaskan.

Walau bagaimana pun Jumaah Menteri telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji apa yang di-katakan anomali berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Suffian. Hal ini mungkin akan di-timbangkan oleh Jawatankuasa tersebut dalam kajian mereka kelak.

PERANGAI LEMAH LEMBUT KAPADA PESAKIT²

18. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau akan melancarkan suatu kempen di-kalangan kaki-tangan hospital² umum dan kelinik² untuk menunjukkan kepada mereka perlu-nya kita berbudi bahasa dan berbaik² kepada pesakit² dan yang miskin, kerana pada masa sekarang banyak sunggoh aduan² yang mereka di-layan dengan kasar dan tidak bersopan-santun di-pusat² perubatan, mithal-nya di-Hospital Umum Melaka.

Tan Sri Lee Siok Yew: Yang Berhormat Menteri² Kesihatan yang dahulu dan juga saya sentiasa telah menitek-beratkan kepada semua perengkat kaki-tangan dalam Kementerian ini betapa mustahak-nya bagi mereka itu menunjukkan perangai lemah lembut dan sopan santun kepada sa-siapa juga termasuk-lah pesakit² dan mereka² yang miskin.

Malang-nya selalu kita tak dapat elak ada-nya beberapa orang termasuk-lah juga ahli² politik yang tidak lengkap dengan sifat² yang mulia ini dan sifat kekurangan di-sisi manusia ini susah hendak di-kikis.

HOSPITAL DAERAH BAHARU JASIN

19. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kesihatan menyatakan ada-kah beliau berchadang hendak mendirikan sa-buah Hospital Daerah yang baharu di-Daerah Jasin, Melaka bagi menampung keperluan lebih daripada 80,000 orang penduduk di-Daerah itu, jika ya bila, dan berapa peruntokkan pembenaan-nya.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tidak. Di-Daerah Jasin sudah ada sa-buah Pusat Kesihatan dengan pegawai² yang seperti berikut:

- (i) Sa-orang Pegawai Perubatan,
- (ii) Sa-orang Pegawai Pergigian,
- (iii) Sa-orang Merinyu Kesihatan Umum,
- (iv) Sa-orang Jururawat Kesihatan Umum,
- (v) Dua orang Pembantu Hospital,
- (vi) Sa-orang Dispenser,
- (vii) Dua orang Pembantu Jururawat,
- (viii) Sa-orang Bidan,
- (ix) Sa-orang Pengawas Kesihatan Umum dan
- (x) Sa-orang Kerani.

Pusat Kesihatan ini lebih kurang 22 batu daripada Hospital Besar Melaka di-mana di-sini segala kemudahan perubatan yang lengkap di-dapati dan ada-lah sangat sesuai untuk satu² kes perubatan yang memerlukan tindakan yang segera daripada Pusat Kesihatan Jasin ini dapat di-pindahkan ka-Hospital Besar Melaka.

WIND CAVE/FAIRY CAVE— MEMELIHARA TEMPAT² SEJARAH

20. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan memperbaiki dan menyediakan kemudahan² yang lebih baik di-tempat² yang indah permai dan menarik lagi bersejarah di-Sarawak seperti "Wind Cave" dan "Fairy Cave" di-Daerah Bau agar dapat menarik pelancong² luar negeri.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Di-bawah Antiquities and Treasure Trove Ordinance No. 14 tahun 1957, Museum Negara di-beri kuasa untuk mengekalkan, memperbaiki dan menyelenggarakan semua tempat² dan bangunan² yang bersejarah juga untuk menggali semula kawasan² yang indah lagi bersejarah dari segi arkeologi di-seluruh Malaysia Barat sahaja. Ordinance ini tidak meliputi Negeri Sabah dan Sarawak.

Walau bagaimana pun sekira-nya Kerajaan Negeri Sarawak memerlukan bantuan dan kerjasama untuk mengekalkan, memperbaiki dan menyediakan kemudahan² yang lebih baik di-tempat² yang bersejarah di-Sarawak. Museum Negara bersedia menjalankan ranchangan² seperti ini bergantung kepada kemampuan Kerajaan untuk mengeluarkan peruntukan yang di-perlukan untuk membiayai ranchangan ini.

KURSUS VOKESHENAL LANJUTAN BAGI BELIA

21. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan ada-kah Kementerian-nya berchadang hendak mengadakan satu kursus vokeshenal lanjutan sa-lama sa-tahun bagi belia² di-Daerah², jika ada bila.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Salah satu daripada tanggung-jawab² Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ia-lah memberi peluang² latehan kemahiran kepada belia². Latehan yang di-berikan itu ada-lah dengan chara "formal" dan "non-formal". Latehan "formal" ada-lah di-beri kepada belia² yang layak dan berumur antara 15 hingga 18 tahun di-Angkatan Belia Pelupor Negara, Dusun Tua. Latehan "non-formal" ada-lah di-beri kepada belia² bawah Ranchangan Latehan Sambil Bekerja (on-the-job training programme). Ranchangan ini sedang di-jalankan.

Ranchangan Latehan Sambil Bekerja adalah berpandukan kepada objektif² seperti berikut:

- (a) Mengadakan kemudahan² latehan sambil bekerja pada peringkat daerah dengan tujuan utama-nya untuk menimbulkan minat di-kalangan belia² yang terlatah untuk kerja sendiri (self employment).
- (b) Bagi melibatkan masyarakat tempatan di-dalam ranchangan latehan belia sesuai dengan kehendak² masyarakat tempatan itu sendiri.
- (c) Menolong ka-arrah melaksanakan polisi penyusunan semula masyarakat (re-structuring society).
- (d) Bagi mengurangkan tekanan dan permintaan bagi mengikuti latehan di-Dusun Tua.

Di-bawah Ranchangan ini belia² yang di-dapati layak dan yang berumur antara 15 hingga 18 tahun akan di-beri latehan kemahiran dalam semua bidang perniagaan di-tempat² berdekatan dengan rumah² mereka selama satu hingga tiga tahun. Belia² itu akan di-tempatkan sebagai perentis dengan peniaga², pekedai², sharikat², kilang² yang ada di-daerah². Kerjasama pekedai² dalam ranchangan ini ada-lah sangat² perlu.

Semasa belia² itu di-tempatkan dengan pehak majikan mereka akan bekerja dengan peniaga² tersebut. Dengan chara ini, belia² akan menerima latehan² dalam apa jua jenis pekerjaan. Pehak tuan punya kedai² tidak di-perlukan mengeluarkan apa² bayaran kepada belia² yang berlatah. Pelatah² ini akan di-bayar dengan elaun makan minum dan belanja perjalanan oleh Kementerian ini.

Jika sekira-nya perlu, Kementerian juga akan membantu membeli alat² dan perkakas² yang di-perlukan untuk melaksanakan latehan² ini. Pekedai² itu tidak juga akan di-ikat oleh apa² perjanjian mengenai kerja² bagi pelateh² sa-lepas tamat tempoh latehan. Belia² yang terlatah itu nanti akan di-beri dorongan dan galakan untuk menjalankan perniagaan² sendiri.

JUNIOR MIDDLE III— MENIMBANGKAN KA-KATEGORI C2

22. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan supaya semua guru yang berkelayakan yang telah lulus peperiksaan Junior Middle III Kerajaan di-masokkan ka-kategori yang sama dengan kategori Senior Middle III kerana ramai guru² yang mempunyai Sijil Senior Middle III (Sekolah Persendirian) yang tidak pun lulus dalam peperiksaan Kerajaan Middle III atas Senior Middle III, di-masokkan ka-kategori C2 dalam Laporan Aziz.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dukachita perkara ini tidak dapat di-beri pertimbangan oleh Kerajaan. Mengikut shor Surohanjaya Gaji Aziz, satakatmana yang telah di-terima dan di-laksanakan oleh Kerajaan, tangga-gaji Kategori C2 ada-lah bagi guru² yang mempunyai, di-antara lain, kelayakan Senior Middle III termasuk Senior Middle III Persendirian. Bagi mereka yang mempunyai kelayakan Junior Middle III, mereka hanya boleh di-tempatkan dalam tangga-gaji Kategori B1.

TOPLESS—PERTUNJUKAN ANJURAN NUT

23. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan sudah-kah beliau mengambil tindakan berkaitan dengan pertunjukan "topless" pada 16-5-1967 di-Pulau Pinang dan apa-kah tindakan tata-tertib yang telah di-ambil terhadap penganjor² yang berkenaan.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Pertunjukan yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah di-bawah anjuran National Union of Teachers (NUT), Chawangan Pulau Pinang. Oleh kerana NUT merupakan sa-buah Kesatuan Sekerja, maka soal tindakan tata-tertib oleh Kementerian ini tidak-lah timbul.

CHALUN² TINGKATAN VI— PENEMPATAN

24. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa Pejabat Pelajaran Negeri Perak mengambil masa dua bulan untuk memberi tempat kepada murid² dalam Kumpulan Kedua untuk memasoki Tingkatan VI, dan dengan itu mengakibatkan murid² itu hanya boleh menghadhiri satu penggal sahaja bagi kursus Tingkatan VI dan apa-kah tindakan Kementerian ini telah ambil supaya kedudukan sa-umpama ini tidak berlaku lagi.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Penempatan chalun² dalam Tingkatan VI di-semua sekolah di-lakukan sechra berperingkat² oleh Lembaga Peperiksaan sa-lepas keputusan peperiksaan SPM/MCE di-umumkan. Ini ia-lah kerana tempat² yang ada di-Tingkatan VI di-semua sekolah² ada-lah terbatas. Tawaran pertama di-buat pada bulan April bagi chalun² yang mempunyai kelayakan yang paling tinggi. Sa-lepas pengesahan di-terima daripada chalun² tersebut mengenai tawaran yang di-berikan itu dan jika ada yang menolak tawaran² tersebut maka tawaran² baru kepada chalun² yang lain di-buat pula. Jika tawaran² yang kedua ini di-tolak juga oleh chalun² yang berkenaan maka tawaran² yang baru di-keluarkan pula bagi chalun² yang lain dan sa-terus-nya. Kesulitan yang timbul ia-lah bahawa Lembaga Peperiksaan tidak dapat surat² pengesahan penerimaan daripada chalun² yang di-tawarkan tempat² di-Tingkatan VI dengan serta merta. Pada biasa-nya surat² pengesahan penerimaan ini di-hantar balek sechra beransor² hingga memakan masa yang agak panjang.

Sa-lepas Lembaga Peperiksaan mengetahui kedudukan tawaran² yang di-terima itu maka Lembaga Peperiksaan akan memberitahu kepada Jabatan² Pelajaran Negeri akan jumlah chalun² yang di-terima ka-Tingkatan VI bagi sekolah² di-negeri² masing². Sa-lepas itu Jabatan Pelajaran Negeri akan menempatkan chalun² tersebut ka-sekolah² yang tertentu. Satu masaalah yang timbul sa-lepas penempatan chalun² di-sekolah² yang di-tentukan bagi mereka itu ia-lah ada sa-tengah² chalun tidak melaporkan diri mereka sa-telah di-tempatkan. Tempat mereka itu mesti juga di-penuhi dan perkara ini terpaksa

di-tentukan balek oleh Lembaga Pepereksaan dengan memberi tawaran yang baru kepada chalun² yang lain yang mempunyai kelayakan.

Gejala² ini-lah yang menyebabkan penempatan chalun² ka-Tingkatan VI mengambil masa yang agak panjang. Walau bagaimana pun Kementerian saya sedang berusaha untuk membolehkan chalun² yang mendapat tempat di-Tingkatan VI supaya dapat belajar dengan seberapa segera.

RADIO DAN TALIVISHEN PERSENDIRIAN—MEMBENARKAN

25. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kerajaan akan membenarkan Radio dan Talivishen persendirian di-dirikan bagi mengadakan ranchangan² yang lebeh menarek di-Radio dan Talivishen dan jika tidak, beri sebab² kenapa pehak persendirian tidak di-galakkan untuk menyertai.

Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Kerajaan tidak berniat hendak membenarkan penubuhan Radio dan Talivishen persendirian.

DEWAN KEADILAN (HALL OF JUSTICE)—ANGGARAN

26. Dr A. Soorian minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan anggaran perbelanjaan bagi membena Dewan Keadilan (Hall of Justice) di-Jalan Duta dan bila-kah Dewan itu di-jangka akan di-bena dan sama ada itu satu projek kemegahan (Prestigious project) atau sa-balek-nya.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Wang yang di-untukkan bagi membena Dewan Keadilan ini ia-lah \$4,010,010. Ada-lah di-jangkakan tawaran² akan di-panggil untuk melaksanakan projek ini pada pertengahan akhir tahun 1973 dan kerja² akan di-mulakan sa-belum akhir tahun itu sa-kira-nya tidak ada apa² halangan. Bangunan ini direka bentuk supaya dapat memenohi kehendak² yang di-ranchangkan dan tidak samesti-nya sa-bagai sa-buah projek yang hanya untuk menjadi kemegahan sahaja.

PERUSAHAAN MINYAK PERTAMINA—RUNDINGAN

27. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apa-kah keputusan lanjutan yang telah di-chapai dalam rundingan Malaysia-Indonesia mengenai perusahaan minyak dengan Sharikat Pertamina.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Dalam rundingan antara Y.M. Dr Ibnu Sutowo, President Director P. N. Pertamina dan rombongan-nya dengan saya dan pegawai² Kerajaan, kita telah membincangkan perkara perusahaan minyak yang sedang di-usahakan di-Indonesia dan di-Malaysia. Kita telah bertukar² fikiran mengenai perusahaan minyak di-negara masing² am-nya dan pertubuhan P.N. Pertamina ia-itu satu Sharikat yang di-tubuhkan di-bawah anjoran Kerajaan Indonesia khas-nya.

Akibat rundingan ini, saya rasa sudah sampai masa-nya negara kita menyemak balek dasar kita mengenai perusahaan minyak dengan tujuan menyediakan satu concept baru supaya concept ini terta'alok kepada dasar ekonomi baru negara kita.

Keputusan lanjutan yang telah di-chapai ia-lah sa-orang pakar yang berkhidmat dengan P. N. Pertamina akan di-jemput pada bulan September ini supaya berunding dengan luas dan dalam lagi dengan pegawai² Kementerian saya mengenai semua aspek mengenai perusahaan minyak di-negara kita dan sa-lepas itu saya akan menghantar pula satu rombongan ka-Indonesia supaya pegawai kita dapat meneruskan pengetahuan-nya di-sana. Pertamina telah bersetuju menolong pegawai kanan kita merangka dasar dari aspek² ekonomi dan perundangan.

HARGA KELAPA KERING— MENGAWAL KEJATOHAN

28. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab² kejatoan yang begitu dahshat dalam harga kelapa kering dan langkah² yang telah di-ambil untuk mengawal harga-nya.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Kemerosotan harga kelapa kering ada-lah di-sebabkan bertambah tinggi-nya ekspot kelapa kering daripada negara² pengeluar

pengeksepot utama. Selain dari itu, pengeluaran jenis minyak² bertanding yang lain telah menyebabkan keadaan berlembaban di-pasaran dunia bagi penghujung tahun 1971 dan lantar katahuan 1972.

Eksepot kelapa kering dari Malaysia hanya merupakan sa-bahagian yang kecil sahaja dalam jumlah besar hasil ini yang di-perniagakan dalam pasaran dunia. Oleh sebab ini, tidak-lah praktik untuk Malaysia mengambil apa² langkah bersendirian untuk mengawal kejatuhan harga kelapa kering. Selain daripada ini berbagai jenis minyak yang bertanding sechara langsung dengan minyak kelapa dan penggantian di-antara jenis² minyak ini yang kian bertambah, menjalankan usaha penyesetabilan harga kelapa kering tidak berkesan. Walau bagaimanapun di-dalam usaha jangka panjang untuk mengatasi masa'alah² ini, Persatuan Kelapa Asia (Asian Coconut Community) di-dalam mana Malaysia menjadi ahli-nya, telah menhadangkan satu pengkajian yang boleh menghasilkan rancangan penggalakan pemasaran dan penggunaan minyak kelapa yang lebih sistematik.

KELAS² TINGKATAN VI DI-SARAWAK—MENAMBAHKAN

29. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan menambah bilangan Kelas² Tingkatan Enam di-Sarawak, khusus-nya untuk menubuhkan sa-buah di-Serian, memandangkan kepada keperluan yang besar untuk mendapatkan lebih banyak Kelas² Tingkatan Enam sekarang.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat harus ma'alum mengikut perenggan 17 Laporan "Inter-Governmental Committee, 1962", dasar pelajaran dan sistem pentadbiran pelajaran di-Sarawak ada-lah di-bawah kawalan Kerajaan negeri. Tetapi bagi ma'aluman, Kerajaan Sarawak merencanakan untuk memulakan dua lagi Kelas Tingkatan Enam di-Sarawak dalam tahun 1973.

IJAZAH² DAN KELULUSAN² UNIVERSITI² NANYANG/FORMOSA—ANGKA²

30. Tuan Chan Fu King minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan mempunyai angka² yang tepat bagi jumlah

ra'ayat Malaysia yang memileki ijazah² dan kelulusan² dari:

- (i) Universiti Nanyang; dan
- (ii) Universiti² Formosa dan institusi² pengajian tinggi.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tidak ada.

PENAMAAN SEKOLAH²

31. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada:

- (a) Kerajaan akan memberhentikan amalan² menamakan sekolah² dengan nama² ahli² politik dan menentukan supaya tiada ada sekolah yang di-namakan dengan nama ahli² politik atau menteri² sa-hingga ia telah berhenti menjadi ahli politik yang aktif;
- (b) arahan akan di-buat supaya nama² sekolah yang telah di-namakan dengan nama ahli² politik yang masih hidup hendak-lah di-tukarkan.

Tuan Hussein bin Dato' Onn:

- (a) Sa-benar-nya penamaan sa-sabua sekolah itu ada-lah di-buat mengikut shor Lembaga² Sekolah yang berkenaan. Dengan yang demikian ter-pulang-lah kepada sa-sabua Lembaga Sekolah untuk mengeshorkan nama yang di-fikir sesuai.
- (b) Tidak. Saperti mana yang telah saya sebutkan tadi penamaan sekolah² ada-lah mengikut shor Lembaga Sekolah yang berkenaan dan saya berasa yakin bahawa shor² yang di-buat oleh Lembaga² itu ada-lah kena bagi sekolah² itu.

LESEN² PEMANDU—MENGGUNAKAN KOMPUTER

32. Dr A. Soorian minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada benar bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan Raya akan memesan 20 set alat² kelengkapan komputer dari Amerika Sharikat untuk menyenangkan kerja² mengeluarkan dan membaharui Lesen² Pemandu dan jika ya, nyatakan adakah bermula-nya chara otomatik ini akan menyebabkan apa² kelebihan tenaga yang membawa kepada pembuangan pekerja² dalam Jabatan Pengangkutan Jalan Raya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sa-buah Jawatan-kuasa Khas telah membincangkan sistem baru pengeluaran lesen² pemandu dengan menggunakan mesin. Jawatan-kuasa itu memikirkan bahawa Sharikat N.C.R. ia-itu sa-buah sharikat dari Amerika Sharikat ada-lah yang paling layak mengadakan mesin² itu dan sa-banyak 23 buah mesin² tersebut yang di-buat khas mengikut pengkhususan Jabatan Pengangkutan Jalan telah di-pesan. Penggunaan mesin ini tidak akan mengakibatkan kelebihan tenaga di-Jabatan berkenaan kerana mereka akan di-tugaskan untuk mengendalikan perjalanan mesin² itu.

RANCHANGAN PENEMPATAN SAMULA RUMAH PANJANG

33. Tuan Andrew Mara Anak Walter Unjah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada ranchangan penempatan samula rumah panjang yang sedang di-jalankan sekarang di-Sarawak—
 - (i) melibatkan seluruh negeri Sarawak, dan
 - (ii) bertujuan menjadi perkara yang kekal;
- (b) apa-kah yang akan terjadi kepada hak² adat orang² yang di-tempatkan sa-mula itu sa-telah mereka meninggalkan kawasan² lama mereka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj):

- (a) (i) Ranchangan penempatan semula rumah panjang tidak meliputi seluruh negeri Sarawak.
- (ii) Ranchangan ini tidak bertujuan menjadi perkara yang kekal.
- (b) Hak² adat orang Iban yang di-tempatkan semula itu tidak akan hilang. Mereka boleh pergi berladang di-kawasan² lama mereka mengikut sesuka masing².

RANCHANGAN PERUMAHAN MURAH DI-SARAWAK

34. Tuan Edwin Anak Tangkun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bila-kah ranchangan² perumahan

murah akan di-mulakan di-kawasan² luar bandar di-Sarawak khas-nya di-bandar² penting dalam Bahagian Kedua dan apa-kah langkah² yang telah di-ambil untuk membantu bumiputra² di-kawasan² luar bandar mendapatkan rumah² murah.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Soalan² yang serupa telah pun di-kemukakan dan di-jawab sa-banyak 4 kali di-Dewan ini di-masa² yang lampau (ia-itu 9hb Mach, 71, 16hb Julai, 71, 10hb Dis. 71 dan sekali lagi pada 11hb Mei, 72) dan ini ada-lah kali yang kedua Ahli Yang Berhormat ini mengemukakan soalan yang sama. Pada tiap² kali soalan ini di-timbulkan, saya telah menerangkan bahawa peruntukan bagi perumahan awam di-dalam sa-suatu negeri ada-lah tanggung-jawab Kerajaan² Negeri yang berkenaan di-bawah Perlembagaan Malaysia. Pada kali yang terakhir apabila soalan ini di-timbulkan (ia-itu pada 11hb Mei, 72) saya telah menerangkan selanjut-nya bahawa sekiranya terdapat permohonan bagi meminjam wang daripada Kerajaan Persekutuan untuk ranchangan perumahan awam bagi Negeri Sarawak oleh Kementerian saya maka permohonan yang sedemikian itu akan di-timbangkan dengan berpandu kepada peruntukan kewangan yang telah dimasukkan di-bawah Anggaran Pembangunan. Saya juga telah mengeshorkan supaya Ahli² Yang Berhormat yang berkenaan meng-hubongi Kerajaan Negeri Sarawak supaya mengadakan ranchangan² perumahan di-kawasan² yang mereka maksudkan itu. Saya juga telah menarek perhatian Ahli² Yang Berhormat itu kepada perenggan 830 di-bawah Sekshen 11 Bab XVI Ranchangan Malaysia Yang Kedua bahawa Kerajaan Negeri Sarawak akan membelanjakan sebanyak \$12.5 juta bagi perumahan dan juga sekira-nya Kerajaan Negeri tidak dapat mengadakan wang-nya sendiri bagi ranchangan² perumahan-nya ada-lah terpulang kepada Kerajaan Negeri itu untuk memohon pinjaman wang daripada Kerajaan Persekutuan. Saya pinta-lah Ahli Yang Berhormat ini mengemukakan soalan itu kepada Kerajaan Sarawak dan saya berharap agar Ahli Yang Berhormat itu tidak-lah hendak-nya menimbulkan soalan yang sama sehingga beliau telah membincangkan perkara ini dan mendapat penjelasan atas kedudukannya dengan Kerajaan Negeri Sarawak.

PERISHTIHARAN² DHARURAT— PEMBATALAN

35. Tuan Ng Hoe Hun minta Perdana Menteri menyatakan bila dan sama ada perishtiheran² dharurat yang berikut telah di-batalkan:

- (a) dharurat sa-masa konfrantasi dengan Indonesia;
- (b) dharurat kerana kes Kalong Ningkan di-Sarawak; dan
- (c) dharurat 13 Mei, 1969.

Perdana Menteri:

- (a) dharurat sa-masa konfrantasi dengan Indonesia yang telah di-istiharkan pada 3hb September, 1964, belum lagi di-batalkan. Walau pun konfrantasi telah tamat dan perhubungan kita dengan Indonesia di-teruskan semula, masih terdapat anasir² subversib dan komunis khas-nya di-Sarawak. Dalam pada itu, Kerajaan akan menimbang untuk membatalkan pengistiharan dharurat berhabit dengan konfrantasi dahulu itu.
- (b) Dharurat yang meliputi bagi negeri Sarawak sahaja di-istiharkan pada 14hb September, 1966, dan saperti-mana Ahli Yang Berhormat tahu, adalah berhabit dengan kes Kalong Ningkan. Oleh kerana tujuan² Akta 1966 itu telah pun terchapai, Kerajaan akan menimbang untuk membatalkannya.
- (c) Dharurat yang terakhir di-istiharkan ia-lah pada 15hb Mei, 1969, ia-itu sa-telah berlaku trajedi 13 Mei. Pengistiharan ini belum boleh di-batalkan sebab beberapa Undang² Dharurat yang di-buat di-bawah Perkara 150, masih berjalan kuatkuasanya. Selain dari itu, Negara ini masih di-ancham oleh kumpulan² penjahat² Komunis yang bersenjata.

GAJI PENGAKAP² SEMPADAN

36. Tuan Edwin anak Tangkun minta Perdana Menteri memberi jaminan bahawa Pengakap² Sempadan di-masokkan ka-dalam kajian semula tangga gaji Angkatan Bersenjata.

Perdana Menteri: Gaji Pengakap² Sempadan sudah termasuk dalam kajian Surohanjaya Suffian. Mereka akan di-beri gaji baharu mengikut sistem gaji berseb berikutan dengan pelaksanaan Laporan Surohanjaya Gaji Suffian di-Malaysia Timor. Oleh yang demikian tidak-lah perlu bagi gaji Pengakap² Sempadan itu di-masokkan ka-dalam kajian semula tangga gaji Angkatan Bersenjata.

KETUA² JABATAN DI-SARAWAK— DASAR KERAJAAN

37. Tuan Edwin anak Tangkun minta Perdana Menteri menyatakan apa-kah dasar² Kerajaan atas penempatan kakitangan Jabatan² Persekutuan:

- (a) sa-bagai Ketua² Jabatan di-Sarawak;
- (b) berkenaan dengan kecekapan bahasa dalam kawasan² yang di-duduki oleh sa-suatu kaum yang tertentu di-Sarawak, supaya dapat mengelakkan salah faham dan juga untuk memperbaiki perhubungan awam.

Perdana Menteri:

- (a) Ada-lah menjadi dasar Kerajaan untuk memenohi jawatan² Ketua² Jabatan di-Sarawak oleh pegawai² yang paling layak dan sesuai untuk jawatan tersebut. Bagi jawatan² Ketua² Jabatan di-Sarawak pegawai² dari Malaysia Timor akan di-beri keutamaan sekiranya mereka itu di-dapati layak dan sesuai untuk jawatan² tersebut.
- (b) Apabila menempatkan kakitangan Kerajaan beberapa faktor ada-lah di-pertimbangkan sa-umpama kecekapan dan kesesuaian sa-saorang pegawai yang hendak mengisikan jawatan yang kosong itu. Kecekapan bahasa ada-lah juga di-perhetongkan supaya ini tidak menjadi satu penghalang bagi pegawai itu memberikan perkhidmatan yang cekap.

LANTEKAN MENTERI²

38. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan, memandang kapada perasaan tidak puas hati di-kalangan Wanita UMNO, sama ada

beliau berchadang hendak menyusun sa-mula Kabinet supaya saparoh daripada anggota Kabinet di-lantek dari kalangan wanita. Jika tidak, mengapa dan sama ada kerja² yang di-jalankan oleh Kabinet sekarang memuaskan.

Perdana Menteri: Lantekan Menteri² ialah hak tersendiri Perdana Menteri mengikut prinsip² demokrasi yang biasa di-amalkan. Saya akan melantek Menteri² sama ada lelaki atau wanita mengikut pertimbangan saya sendiri dan pada ketika yang saya fikirkan sesuai.

BANTUAN KAPADA BANGLADESH

39. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bantuan yang telah di-berikan oleh Kerajaan Pusat kepada Republik Bangladesh.

Perdana Menteri: Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum, saya telah pun memberitahu Dewan ini bahawa Kerajaan Malaysia telah pun mendermakan jumlah bantuan sa-banyak \$500,000 kepada Bangladesh. Sebahagian daripada bantuan ini ada-lah dalam bentok "corrugated iron sheets and plastic sheets" yang mana sangat² di-perlukan oleh Kerajaan Bangladesh sebagai alat² bumbong pada masa itu.

KERANI² SEMENTARA— PENYERAPAN KA-JAWATAN TETAP

40. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerani² sementara dalam perkhidmatan Kerajaan telah di-serapkan ka-jawatan tetap, dan jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Maseh ada lagi sa-bilangan kerani² sementara dalam perkhidmatan Kerajaan yang belum di-serapkan ka-jawatan tetap. Walau bagaimana pun, tindakan untuk menyerap mereka sedang di-ambil oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam dan sehingga penghujung bulan Jun yang lalu semua chalun² yang layak telah di-temuduga. Urusan penyerapan ini di-jangka akan selesai pada penghujung bulan September.

USUL²

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan Peratoran Meshuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan di-tangguhkan hari ini sa-hingga pukul 7.00 malam.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan Peratoran Meshuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan di-tangguhkan hari ini sa-hingga pukul 7.00 malam.

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2), 1972

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Usul di-buat oleh Menteri Kewangan dan masalah di-chadangkan:

Bahawa menurut Peratoran Meshuarat 67C Usul yang berikut ini di-edarkan kepada Jawatan-kuasa sa-buah² Majlis:

"Bahawa Dewan ini membuat kete-tapan ia-itu satu jumlah wang tam-bahan sa-banyak tidak lebeh daripada \$58,516,157 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun kewangan 1972, dan bagi maksud kepala² dan pechahan²-kepala perbelanjaan tersebut di-ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang di-bentang-kan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 33 tahun 1972, di-untukkan jumlah yang tersebut sa-tentang dengan kepala² dan pechahan²-kepala di-ruangan lapan dan sembilan senarai itu." (9hb Ogos, 1972).

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, dalam masa saya membuat jawapan, saya akan menggunakan Bahasa Kebangsaan dan juga mohon izin menjawab dalam bahasa Inggeris.

Yang pertama tegoran yang di-datangkan dalam perbahathan yang berlaku semalam ia-lah berkenaan kewarganegaraan yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Keramat apa yang di-gelar oleh beliau, permohonan di-bawah Form G. Suka-lah saya menyatakan di-sini bahawa tiap² permohonan untuk mendapatkan kera'ayatan di-bawah Perkara 19 Perlembagaan ada-lah di-timbangkan mengikut keadaan satu² permohonan itu atau pun dalam bahasa Inggeris on the merit of each case. Jikalau Kerajaan berpuas hati yang satu² permohonan itu memenohi segala kehendak² Perlembagaan dan di-anggap patut mendapat-nya atau pun deserve, maka permohonan itu akan di-luluskan. Tetapi jika Kerajaan tidak berpuas hati yang sa-orang itu patut di-beri sijil kera'ayatan maka permohonan daripada mereka akan di-tolak. Saya suka-lah menjelaskan di-sini ia-itu permohonan di-bawah Perkara 19 ini ia-lah permohonan dengan chara Naturalisation berlainan dengan chara Registration. Orang² yang meminta kera'ayatan di-bawah Naturalisation ini mereka chuma memohon, Kerajaan ada discretion menolak atau menerima. Kalau dengan Registration dan by Operation of Law, itu hak mereka, ini susah-lah Kerajaan hendak menolak-nya, jika tidak ada sebab² yang tepat.

Perkara yang kedua yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat berkenaan lama-nya pihak Kementerian saya memproses permohonan untuk mendapatkan kera'ayatan di-bawah Perkara 19 ini. Suka-lah saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu perkara ini sering kali di-bangkitkan di-dalam Dewan ini di-masa² meshuarat yang lalu dan tidak payah-lah saya hendak memanjangkan lagi.

Atas perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, yang mengatakan bahawa Kerajaan sentiasa menyekat kebebasan surat² khabar dalam negeri ini, suka-lah saya menyatakan bahawa pihak Kerajaan tidak pernah berbuat demikian, bagaimana yang saya dengar dalam masa

soal jawab tadi. Apa yang di-lakukan oleh Kementerian saya ia-lah mengawasi yang pihak surat khabar sentiasa mematohi sharat² tadi, yang telah di-keluarkan kepada mereka.

Sekarang saya berpaling kepada soal perumahan.

(Dengan izin) Now I turn to the subject of Housing. Several Honourable Members touched on the subject in the course of the debate. The impression I got was that the Honourable Members from the Opposition seem to think that we are living in Utopia; not only did the Honourable Members of the Opposition not recognise that we are a developing country, but they think that we should do better than even the developed countries.

Let us take, for example, the question of slums. The Honourable Member for Bandar Melaka said that because Housing comes under my Ministry so he expects something dynamic, something magical to happen and he expected that the slums would disappear. But we know that even in the developed countries, in England for example, the problem of slums is still there. Having said that, it does not mean that we are not concerned with the slums in this country. We are trying to take effective steps to deal with the slum problem and I am sure my colleague, the Minister for Local Government, will touch more on this subject when his turn comes to reply.

The Honourable Member for Kuala Selangor and the Honourable Member for Batu said that the amount allocated of \$1,803,000 is not enough. But Honourable Members will observe that the total allocation for the Housing Scheme, Kampong Bahru is \$9.5 million in the Second Malaysia Plan and the amount of \$1.8 million is only for acquisition of land.

The Member for Damansara expressed the view that Housing cannot be tackled on a piecemeal basis. He suggested that individual States and the Dewan Bandaraya should prepare housing programmes on the basis of the needs of the people and not on a piecemeal basis. I do not know where he got the idea that we build houses on a piecemeal basis because if he will see, even if he may not agree, there is a method in the implementation of the housing programme so far.

Sir, the Honourable Member for Penang Utara raised the lack of amenities in the Rifle Range Flats. For the information of the Member, the following amenities now exist in that housing estate. There are sixty shops, one family planning unit, one surau and one postal agency. There is a bus service and there are also hawkers' stalls. The following amenities are proposed:

- (1) A funeral parlour.
- (2) Children's playground.
- (3) Market.
- (4) Community Centre.
- (5) Taxi stand.
- (6) Post Office.
- (7) Better street lighting.
- (8) Frequent bus service.

As this is a State scheme, the Honourable Member should raise the matter with the State Government. Now, in saying this, I am not saying that we are washing our hands off this housing estate. We work very closely with the State Governments, but as it is a matter of implementation, I think the Honourable Member should bring this up with the State Government.

As for the point raised by the Member for Bandar Melaka on the lack of a Housing Policy and special study of the Housing problems in Selangor, I wish to inform the Member that at the last meeting of the National Consultative Council for Housing—that is the second tier—on 13-5-72, the meeting agreed that the present housing development should be reviewed and new policies on housing formulated. However, before any effective housing policies are formulated, it is necessary to take stock of what has been done and to review the performance of previous years.

The Housing Division of my Ministry is actively examining this problem with the view of putting up recommendations on future housing policy. Luckily for us, we just have had a census and in that census there is also a section on housing census and with this analysis of the housing problem in the country and with the data available, we would be able to formulate new policies on a better basis than we had in the past because the census was last taken 10 years ago. So Honourable Members could expect a better

programme for housing as a result of this housing census. Such policies, of course, cannot be worked out overnight, but must be based on a sound and searching study. I can assure the Honourable Member that my Ministry is working on this and also making a study of the housing problem in Selangor in liaison with the other relevant departments. So, while I admit that the housing problem is tremendous, we are trying to tackle it in a logical and as far as possible on a progressive basis and we hope that in the future we shall avoid the mistakes of the past. As I said just now, this data provided by the housing census will help us a great deal in knowing the problem.

The Honourable Member for Bungsar referred to the flats to be built by the Selangor Development Corporation in Kampong Bahru and expressed the hope that they will be allocated to low income civil servants. These are low cost flats and intended for the low income group and not confined only to low income civil servants. As for the high cost flats that the Development Corporation is building in Pantai, the Honourable Member should be aware that the Corporation, apart from building low cost housing also builds medium cost houses, flats as well as commercial centres and complexes. I can see no objection to this scheme because in diversifying its activities it is able to subsidise its low cost dwellings.

A number of Honourable Members brought up the subject of smuggling and one Honourable Member in particular mentioned the discrepancy or the differences of the methods used in combating smuggling in Johore and the West Coast as opposed to that along the Malaysia/Thai border.

Now, I would like to make it clear that there is no intention, or there has been no intention, on the part of the Government that these differences should occur. But if they do occur, it is because on the West Coast and in Johore it is easier to combat the smuggling, because in Johore smuggling is done mainly by sea, as also is the case along the West Coast. So the smugglers will not find it so easy to escape patrol boats as they can along the common border between Malaysia and Thailand, because the border is so wide and full of jungles that anybody can cross over from our territory to Thailand or *vice versa* and so in the case of smuggling in that part

of the country, although our Security Forces and the Customs Department have done their best, we need not only the cooperation of the people, particularly in Kelantan, Kedah and Perlis, not only to cooperate with our Security Forces but for some of them to desist from these acts of smuggling themselves if they want smuggling to be less in that area.

Berkenaan dengan sungutan Ahli Yang Berhormat dari Dungun yang mengatakan bahawa papan lantai sa-buah barek Polis telah patah di-sebabkan barek Polis itu burok dan ada pula orang² jemputan dalam satu Majlis itu ada yang patah kaki. Kita memang-lah sedar ada barek² Polis yang burok dan dengan sa-boleh²-nya sa-belum kita gantikan barek lama itu dengan barek yang baharu, kita chuba baiki barek² yang sa-macam itu. tetapi kita ada membuat chadangan dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua untuk mengganti yang baharu semua barek² Polis mengikut keutamaan dan ini di-jangka akan dapat di-siapkan sa-belum tamat-nya Ranchangan Malaysia Yang Kedua nanti. Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat ketahuⁱ ia-itu bagi Kementerian saya dan bagi pehak Jabatan Polis memang di-utamakan rumah² kapada anggota² jawatan rendah daripada anggota² jawatan tinggi.

Berkenaan dengan sungutan sa-orang Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa selalu-nya anggota² PPH menjadi mangsa serang hendap kominis dan dia mengeshorkan ini di-sebabkan ia-lah kekurangan latehan dan menchadangkan supaya mereka itu di-beri latehan hutan di-Johor. Saya suka hendak memberi tahu Ahli Yang Berhormat itu serangan hendap ini berlaku walau pun beberapa banyak kita memberi latehan serangan hendap ini, ada masa-nya akan berjaya, dan ada masa-nya tidak berjaya. Tetapi Kerajaan sentiasa memberi latehan yang penoh kapada anggota² PPH kita. Saya sendiri telah memberi perintah ia-itu anggota² PPH kita di-beri latehan yang chukop sama saperti latehan yang di-beri kapada anggota² tentera.

Berkenaan dengan sungutan mengatakan ada orang² awam telah di-bunuh dalam kawasan² operasi. Suka-lah saya memberi tahu di-sini, bahawa orang ramai telah di-beri tahu melalui radio dan sa-bagai-nya supaya tidak di-benarkan masok dalam kawasan² operasi itu. Dalam pada itu pun, jika ada terdapat orang² yang memasoki

dalam kawasan operasi itu, mereka selalu-nya di-chabar lebeh dahulu sa-belum apa² tindakan di-ambil oleh Anggota² Pasokan Keselamatan. Jikalau perkara sa-macam ini terjadi, kita semua sangat-lah berasa dukachita, sebab segala chara² untuk menchegeh perkara ini tidak berlaku telah pun di-ambil.

Berkenaan dengan tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat yang mengatakan bahawa BPR di-bawah Ketua yang baharu itu ada-lah lemah, tidak-lah benar. Saya suka menerangkan bahawa pada masa dahulu orang ramai tidak berapa tahu mengenai BPR dan pegawai itu banyak mengadakan publicity. Oleh kerana orang ramai sudah mengetahui mengenai ada-nya badan tersebut maka sekarang publicity ada-lah kurang di-beri mengenai BPR. Ini tidak berma'ana bahawa BPR terutama-nya bagi Ketua-nya yang baharu itu lemah. Badan tersebut ada-lah menjalankan tugas dengan giat. Jadi, saya menafikan di-sini bahawa Ketua yang baharu ini ada-lah lemah jika di-bandingkan dengan Ketua yang lama, ini tidak betul.

Berhubung dengan tuduhan yang mengatakan pegawai² Kerajaan pergi ka-Genting Highlands. Saya suka menerangkan bahawa sunggoh pun saya belum pergi ka-Genting Highlands, tempat tersebut bukan hanya tempat berjudi sahaja tetapi juga ada-lah tempat berehat. Jika Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat mengetahui ada-nya pegawai² Kerajaan yang melawat ka-Genting Highlands untuk tujuan berjudi dalam waktu kerja, saya minta Ahli Yang Berhormat itu memberi tahu BPR dan jangan-lah laong²kan sahaja dalam Dewan ini dan memberi keterangan yang penoh supaya tindakan yang sa-wajar-nya dapat di-ambil. Kita sentiasa menchari ma'alumat ini, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu betul² dia berchakap yang perkara ini berlaku maka ada-lah menjadi satu kewajipan kapada-nya memberi tahu kapada pehak yang berkuasa, kalau dia betul² dan menjadi Ahli Yang Perhormat.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, saya suka ma'alomkan bahawa Kerajaan memang sedar mengenai kejadian penyeludupan di-kawasan Selatan sa-bagai-mana yang saya sebutkan tadi.

Dan pada penghabisan-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak membangkitkan satu soal yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat ia-itu berkenaan dengan soal politik yang di-bawa-nya juga ka-dalam Dewan Parlimen ini. Jadi dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya chuma memetek sadikit sahaja ucapan-nya.

Kata-nya :

"Sir, recently there has been a circular or a petition written by a member of the ruling party—in fact, the signature is supposed to be that of a Minister." Well, I can tell him the "supposed Minister" is the Minister of National and Rural Development. And he continued, "—and that circular or that petition contains various allegations; most of the allegations are attributed to Ministers, of malpractices and corruption. I do not know whether this has reached the hands of the Anti-Corruption Agency. If it has reached, I do not know whether the signature is authentic or not. If the signature is not authentic, then the Minister whose name is referred to as the person who has signed the petition should immediately make a report to the Police to state that that was not his signature. I am sure the Anti-Corruption Agency should be now investigating the various allegations contained in the petition—references to properties, share-holdings and so on by top personalities in the Government." He continued, "Sir, the Minister, I am sure, would be taking action, and if the Minister does not, then the Prime Minister who is responsible for the administration of this country, who has been at all times advocating a clean and efficient administration, should be able to bring it to the notice of the relevant authorities." "In this respect," he continued, "I also invite the Minister of Home Affairs, who is highly respected as a man who is effective to implement the law,"—here I would like to thank him for that—"to take necessary measures on this petition and if he does not possess a copy of the petition, I am prepared to forward to him one—". Well, he is not here, but I have a copy of that petition, so I can save him the trouble. Then he continued and said, "I am sure he has got one. I am prepared to supply him with the petition

where very serious and dangerous allegations have been made in the petition in respect of top members of the Government."

Sir, this is a very good instance of an Honourable Member making a statement in this House without going fully into the matter. If the Honourable Member had taken so much trouble over this matter he should go on a bit further and listen to what Enche' Abdul Ghafar bin Baba, the Minister of National and Rural Development, had told the UMNO Assembly, which was meeting at that time. He denied completely that that letter was written by him and stated that it was written by somebody who out of political mischief was trying to discredit him. So it was really a political matter, and since it was a political matter and since most of the allegations made in that letter are false, there is no necessity to make investigations into the matter.

The trouble is that the Honourable Member is very envious of the UMNO because being such a large party we can indulge in discussions, in differences of opinion and yet we still become one, no members defect, unlike the Honourable Member's party. If this kind of allegations had been brought up at the meeting of his party, I am sure more members would have left that party. So this is really jealousy on the part of the Honourable Member. So I do not think it is necessary at all for the Prime Minister or myself to take this matter very seriously because it is a political matter and we have dealt with it in our own Assembly. We are capable of dealing with Ministers and with members of our own party without interference from members of other parties, and that is why we are strong. I would suggest that Honourable Members come to our general meetings, watch our proceedings, learn from us and may be one day, in the long distant future, they may hope to become the Government of this country. (*Tepok*) Thank you.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahathan semalam saya menguchapkan banyak² terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah ranchak memberi segala pandangan, segala ingatan dan segala kata² dan pada hari ini sampailah saya hendak menjelaskan pertanyaan²

terutama sa-kali daripada pihak Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara berkenaan peruntukan \$40 juta yang Kerajaan hendak meminjamkan kepada MAS hendak membayar segala², pejabat dan kapal terbang yang kita telah ambil daripada MSA.

Terutama sa-kali saya suka-lah menjawab yang asal membawa masalah ini ia-itu Yang Berhormat dari Kuala Selangor. Begitu juga Yang Berhormat dari Batu, Yang Berhormat dari Larut Utara dan juga Yang Berhormat dari Seremban Timor dan juga Yang Berhormat dari Johor Tenggara.

Sharikat MAS sa-bagai Sharikat Penerbangan Kebangsaan mengamalkan dasar pengambilan kaki-tangan-nya mengikut dasar Kerajaan untuk mewujudkan persaingan kaum di-dalam sharikat bagi semua jawatannya. Pemilihan untuk jawatan² itu ada-lah mengikut kelayakan² yang tertentu dan mereka yang mempunyai kelayakan² yang cukup sahaja boleh di-terima. Oleh kerana Sharikat MAS ada-lah sharikat perniagaan dan yang memerlukan kaki-tangan yang cekap dan berkelayakan supaya taraf perkhidmatan-nya cukup tinggi. Pada masa ini dari tujuh orang pegawai tinggi sharikat MAS, tiga orang ada-lah bumiputra ia-itu Setiausaha, Pengurus Perjawatan dan Pengurus Kewangan. Dan dua orang warganegara Malaysia keturunan China ia-itu Pengurus Besar dan Pengurus Jualan dan Perkhidmatan dan dua orang pegawai yang di-pinjamkan oleh QANTAS ia-itu Pengurus Operasi Penerbangan dan Pengurus Kejuruteraan. Pegawai² daripada QANTAS ini ada-lah pegawai² sementara sahaja dan tugas-nya sambil menjalankan kerja-nya ia-lah melatih pegawai² tempatan yang kanan supaya pegawai² tempatan itu dapat mengambil tempat-nya apabila mereka itu menyesuaikan diri-nya dan ini akan dilakukan dengan sa-berapa segera yang boleh.

MAS ada-lah memberi keutamaan kepada warganegara di-dalam pengambilan juruterbang²-nya. Warganegara asing di-ambil kerja hanya apabila tidak ada warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan² yang cukup. Pengambilan juruterbang oleh Sharikat MAS ada-lah mengikut kelayakan dan pengalaman dan ini ada-lah perlu untuk menjaga keselamatan dan taraf penerbangan Sharikat MAS. Oleh itu mereka² yang benar layak sahaja di-ambil untuk menjadi

juruterbang² Sharikat. Ada-lah tidak benar bahawa ada lapan orang juruterbang warganegara yang layak di-tolak oleh MAS.

Saya menguchapkan sa-tinggi² terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang telah menyerahkan lapan nama daripada Malaysian pilot tetapi bukan bumiputra yang satu dua orang sudah berjumpa saya beberapa kali pun tetapi kelayakan tidak ada bagaimana yang di-kehendaki. Bukan-lah tiap² Malaysian yang tahu membawa kapal terbang kecil Cessna itu mesti kita beri kerja dalam MAS membawa Fokker Friendship atau 737. Kalau begitu hal-nya tentu-lah kita di-tuduh menjadi satu sharikat penerbangan commercial yang tidak bertanggung-jawab. Dan keselamatan udara, ini yang penting, kalau tidak kapal terbang, terbang dan terjun balek, apa akan jadi? Saya yang bertanggung-jawab sa-bagai Menteri Perhubungan Malaysia, bukan mereka² yang berchakup di-sini. Tetapi oleh kerana mereka tidak faham cukup, saya fahamkan sa-habis²-nya. Mereka yang beri lapan nama semua sa-kali ia-lah Malaysian, saya tahu dan mereka belum ada lagi 5,000 jam membawa kapal terbang dan dia belum lagi dapat kelulusan membawa Fokker Friendship atau kelulusan jet 737. Tiap² sharikat penerbangan commercial dia kalau hendak pakai orang, orang yang telah di-akuī kemahiran-nya dan di-akuī pengalaman-nya dan di-akuī oleh dunia international. Kalau tidak ada pilot² atau pun pemandu² kapal terbang macham itu, tidak ada orang yang hendak naik kapal terbang kita. Boleh jadi saya kata tadi mereka yang lapan orang itu chuma mempunyai lesen penerbangan CPL. Saya katakan sahaja ini kapal terbang yang kecil ini. Dan oleh itu layak menjadi Pegawai Kedua sahaja (Second Officer), bukan sa-bagai Keptan. Maka MAS sudah mempunyai Pegawai² Kedua (Second Officer) dan Pegawai² Pertama (First Officer) yang cukup dan semua mereka ini terdiri daripada warganegara Malaysia. Hendak mengatakan mengapa kita tidak Malaysian Pilots dalam MAS? Saya hendak memberi keterangan di-sini—ada 72 semua-nya. Sa-bahagian daripada mereka ini ia-lah telah berkhidmat dan berpengalaman dengan MSA dan sa-bahagian lagi ia-lah pegawai² yang di-latih dengan bantuan MARA di-Filipina dan juga dengan bantuan MAS di-Sydney yang sedang berlatih dan yang

daripada Filipina sudah pun balek sa-ramai 17 orang dengan mendapat kelulusan yang baik. Saya suka menegaskan bahawa tidak ada sa-orang pun yang bukan bumiputra yang telah di-terima menjadi Pegawai Pertama (First Officer) atau Pegawai Kedua (Second Officer) tetapi MAS kekurangan juruterbang berpangkat Keptan. Di-dalam jumlah penoh juruterbang² MAS, 72 juruterbang ada-lah terdiri daripada ra'ayat Malaysia.

Saya suka hendak menjawab, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, I was told of eight local jobless pilots—why there are no Malaysian Pilots with MAS? Sa-benar-nya ada 72 juruterbang yang terdiri daripada ra'ayat Malaysia dan dari jumlah ini 16 orang ada-lah juruterbang berpangkat Keptan. Kita ada 16 Malaysian Keptan, tidak chukop lagi dan 56 ada-lah juruterbang Pegawai Pertama. Dari jumlah ini 16 orang dari juruterbang berpangkat Keptan. Tetapi kita kurang lagi. 56 ada-lah juruterbang Pegawai Pertama jika di-bandingkan dengan 72 orang juruterbang warganegara Malaysia. Pada masa ini hanya 43 orang sahaja juruterbang warganegara asing yang telah di-ambil oleh sharikat ini dan dengan angka ini ada-lah termasuk juruterbang² dalam MSA yang telah berpengalaman yang telah menunjukkan bukti kebolehan-nya dan mereka bersetuju masuk dengan MAS dan kita, mengikut peratoran kita kena terima kerana kita kurang keptan² ini.

Sa-lain daripada itu sa-belum 49 orang lagi warganegara Malaysia telah di-ambil dan sedang menjalani latehan penerbangan sa-bagai kedet. Ini-lah bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Seremban begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Batu. Kita bukan buat kerja dengan tidak ada peranchangan atau peratoran², kalau tanya kita boleh beritahu, tetapi jangan agak² buta sahaja.

Pegawai expatriate yang saya katakan tadi pegawai expatriate bukan Malaysian yang berpangkat keptan sahaja telah di-terima oleh sharikat dengan chara kontrek bagi tempoh dua atau tiga tahun supaya pegawai² tempatan yang first officer itu dapat di-lateh supaya dapat di-naikkan pangkat keptan untuk mengambil tempat² pegawai, keptan² yang berbangsa asing itu. Ini akan mengambil masa sebab sa-belum sa-saorang juruterbang boleh menjadi keptan ia perlu ada chukop pengalaman mengikut atoran antarabangsa

ia-itu lulus pepereksaan yang di-adakan oleh Kerajaan dan juga ada pengalaman penerbangan tidak kurang daripada 5,000 jam. Sharat² ini ada-lah perlu di-hormati kerana kepentingan keselamatan udara dan sa-bagai-nya. Juruterbang² expatriate yang di-hantar ka-Seattle itu ia-lah semua-nya berpangkat keptan. Maka yang 8 orang ini ta' boleh layak mendapat tempat keptan², jauh sa-kali. Dengan sebab itu-lah saya katakan tadi juruterbang yang di-hantar ka-Seattle itu ia-lah semua-nya berpangkat keptan seperti kapalterbang F. 27 yang telah masuk berkhidmat dengan MAS dari MSA untuk di-jadikan keptan bagi kapalterbang jenis B. 737. Pegawai² expatriate yang tersebut di-hantar ka-Seattle oleh kerana tidak ada juruterbang² warganegara yang mempunyai kelayakan yang di-tentukan itu untuk di-jadikan keptan bagi kapalterbang jenis B. 737 dan pihak MAS tidak boleh melengahkan lagi untuk melateh juruterbang²-nya sa-bagai pelancharan pada 1hb Oktober, 1972. 7 buah jet kita sudah di-order di-Seattle dan kapalterbang Jet 737-200 mesti di-terbangkan ka-Malaysia. Oleh sebab itu-lah kita mesti mengambil tindakan kalau MAS hendak mengikut jadual-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor telah menyentoh tentang perkhidmatan MAS menyatakan bahawa MAS tidak menitek-beratkan perkhidmatan dalam negeri dan kadar tambang-nya tidak di-turunkan konon-nya kerana ada advertisement MAS akan ada special flight ka-Jeddah bawa orang haji. Yang sa-benar-nya ini headline sahaja. Kalau di-bacha body of the article Tabong Haji minta pertolongan MAS sa-bagai sharikat penerbangan national kita supaya berhubung dengan sharikat² penerbangan chartered yang lain supaya dapat aikan apabila bawa orang haji dia balek ta' tergendala di-Jeddah, tetapi MAS tidak ada chukop kapalterbang hendak bawa sendiri. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor itu faham sa-telah saya beri penjelasan. Kita tidak ada menjalankan perkhidmatan terus-menerus international. Yang kita mahu memang dalam domestic dan regional.

Apabila sharikat MAS melancharkan perkhidmatan pada 1hb Oktober, 1972 banyak perkhidmatan² tambahan daripada yang ada sekarang akan di-adakan.

Umpama-nya di-Sabah, perkhidmatan penerbangan sekarang yang berjumlah 28 perkhidmatan sa-minggu di-antara Kota Kinabalu dan Tawau akan di-tambah menjadi 35 perkhidmatan ia-itu tambahan 7 kali lagi. Perkhidmatan terus akan di-adakan di-antara Sandakan dan Tawau pada kali pertama-nya supaya penumpang² boleh pergi terus dalam masa 40 minit berbanding dengan masa ini 1 jam 5 minit melalui dan berhenti di-Lahat Datu.

Di-Sarawak pula perkhidmatan² sedang di-ranchangkan untuk menjadi lebih sesuai supaya perkhidmatan terus dapat di-adakan di-antara Kuching dengan Miri dan di-antara Miri dengan Kota Kinabalu.

Di-Malaysia Barat perkhidmatan kapal-terbang F. 27 akan di-tambahkan satu kali sa-minggu di-antara Pulau Pinang dan Kota Bharu menjadi 4 perkhidmatan sa-minggu.

Perkhidmatan tambahan bagi kapal-terbang B. 737 sedang di-ranchangkan bagi perkhidmatan antara Kuala Lumpur dan Pulau Pinang dan juga Kuala Lumpur dengan Singapura. Pihak MAS buat kali pertama-nya akan mengadakan perkhidmatan terus dengan menggunakan kapal-terbang jenis B. 737 di-antara Kuala Lumpur dan Malaysia Timor. Pada permulaan-nya 3 perkhidmatan sa-minggu akan di-adakan dari Kuala Lumpur ka-Kota Kinabalu dan 3 perkhidmatan sa-minggu dari Kuala Lumpur ka-Kuching. Penerbangan² dari Kuala Lumpur ka-Malaysia Timor melalui Singapura sa-bagaimana sekarang akan di-adakan oleh MAS sungguh pun ada perkhidmatan terus itu. Penerbangan terus ini akan bermula masa bagi penerbangan dari Kuala Lumpur ka-Kota Kinabalu di-kurangkan daripada 3½ jam sa-bagaimana sekarang melalui Singapura kepada 2 jam 10 minit sahaja.

Masa penerbangan daripada Kuala Lumpur ka-Kuching juga di-kurangkan daripada 3 jam 10 minit sa-bagaimana sekarang melalui Singapura kepada 1 jam 50 minit sahaja. Perkhidmatan terus ini akan ditambah dari sa-masa ka-samasa. Begitu juga perkhidmatan² yang lain dalam negeri akan di-kaji dari sa-masa ka-samasa dan akan di-lancarkan apabila di-dapati berfaedah dan memberi menafaat kepada orang ramai tidak lagi macham dahulu di-dalam MSA kalau Singapura ta' bersetuju ta' boleh buat.

Mereka mahu untung, ta' mahu rugi. Mana boleh berniaga sa-macham itu. Sebab itu-lah kita mengadakan sharikat nasional penerbangan kita sendiri yang kita boleh menimbang, memutuskan dan menjalankan untuk menafaat ra'ayat di-Malaysia ini.

Sungguh pun begitu tentang kadar tambang pula ini berkenaan tambang² harga sharikat MAS sa-bagai sharikat perniagaan perlu mengkaji dengan teliti-nya tentang perbelanjaan untuk mengadakan perkhidmatan yang chekap sa-belum-nya kadar tambang dapat di-turunkan. Sungguh pun pada keseluruhan-nya kadar tambang MAS ada-lah sama dengan kadar tambang yang di-tetapkan oleh MSA sekarang, kadar tambang bagi penerbangan tersebut daripada Kuala Lumpur ka-Kota Kinabalu telah di-tetapkan sa-banyak \$260 berbanding dengan kadar tambang sekarang melalui Singapura sa-banyak \$268. Bukan fasal \$8 kurang, tetapi 1 jam lebih dapat terselamat kerana time means money for a businessman.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban oleh kerana itu kadar tambang juga bagi penerbangan dari Kuala Lumpur ka-Kuching telah di-tetapkan sa-banyak \$158 berbanding dengan kadar tambang sekarang melalui Singapura \$168 tetapi masa dapat di-pendekkan. Ini yang mustahak.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara minta menjelaskan berkenaan dengan tujuan peruntokan wang berjumlah \$40 juta untuk MAS itu. Di-sini sukachita saya menjelaskan bahawa pembahagian harta sharikat MSA telah pun di-persetujui oleh semua yang berkenaan dan terkandung dalam satu skim bagi pembubaran sharikat MSA. Semua harta MSA ada-lah di-nilaikan oleh penilai bebas ia-itu Sharikat Price Waterhouse dan ini telah di-persetujui oleh semua pemegang² sher atau saham MSA termasuk Kerajaan Malaysia, Singapura, Sabah, Sarawak, Brunei dan lain juga pemerintah.

Peruntokan \$40 juta itu ada-lah perlu untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan menanam modal dalam sharikat MAS. Jumlah itu ia-lah menilai di-atas harta² yang akan di-serahkan oleh MSA kepada MAS ia-itu sa-bagaimana berikut:

9 buah kapalterbang F. 27—\$33,288,000 (nilai pada 1-10-1972).

3 buah kapal terbang BN. 2, ini kapal terbang kecil—\$247,000 (nilai pada 1-10-1972).

Kelengkapan lain² ia-itu spare parts dan lain² alat kapal terbang bagi F. 27 dan BN. 2 dan alat² kejuruteraan pada 1-10-1972 bernilai \$2,870,000.

Alat² pejabat dan kenderaan di-Malaysia Barat dan di-Malaysia Timor, Medan, Brunei dan sa-bahagian di-Hong Kong ini mengikut nilai 1-10-1972 \$1,565,000.

Lain² termasuk alat² dan barang² yang belum di-nilaian mulai sekarang hingga 1-10-1972 di-anggarkan \$2 juta.

Maka itu-lah jumlah-nya datang \$40 juta.

Juga saya suka memberi jawapan² daripada Ahli² Yang Berhormat terutama-nya Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara mengenai letupan² bom nuklear oleh negara² lain ada-lah tidak memberi kesan terhadap banjir atau kemarau di-Malaysia ini.

Berkenaan dengan tegoran Ahli Yang Berhormat dari Besut yang mengatakan bahawa negara kita ia-lah di-dalam kawasan tropical di-mana musim kemarau atau dry spell boleh di-jangka dari masa ka-semasa. Bagaimana pun pengetahuan yang ada sekarang berkenaan dengan hawa tropical dan kebolehan alat² kajichuacha tidak dapat memberi kemungkinan kepada ahli² kajichuacha di-kawasan tropical membuat ramalan kemarau dengan jaya-nya. Ini bukan-lah satu keadaan yang di-alami oleh negara kita sahaja, bahkan juga di-alami oleh negara² yang lain di-dunia terutama negara di-kawasan tropical. Adalah terlalu awal dan susah untuk membuat ramalan² jangka panjang berhubung dengan intensity of the north-east monsoon pada masa ini di-sebabkan tidak ada tepat keadaan hawa tropical. Tetapi di-harapkan dengan terpasang-nya radar² amaran ribut yang sedang di-laksanakan sekarang satu di-Kota Bharu, satu di-Kuala Lumpur dan satu lagi di-Kuantan, akan di-sertai oleh gambar² setelait ramalan² yang lebih awal dari yang pernah di-buat dari tahun² yang lalu mengenai intensity of the north-east monsoon boleh di-chapai.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan Dungun telah berchakap berkenaan dengan pelabohan². Saya suka menjawab-nya bahawa pelabohan² di-Malaysia tidak semua-nya di-lengkapkan seperti di-Singapura melainkan di-Pelabohan Klang dan Pelabohan Pulau Pinang sahaja yang sata-nding, tidak semua barang² ada-lah di-eksepot melalui Singapura. Angka² berikut memberi gambaran yang sa-benar-nya. Bagi tahun 1970 di-mana daripada impot ada-lah menerusi Singapura dan 19% sahaja eksepot ada-lah melalui Singapura. Kadar 19% ini berbangkit oleh kerana dua faktor. Pertama, evolusi sejarah dan tradisi dan kedua, kost pengangkutan membawa barang² itu ka-Singapura ada-lah lebih murah dari ka-pelabohan lain terutama-nya pengeluaran² barang daripada Negeri Johor. Daripada dua sebab di-atas itu, maka bukan-lah oleh kerana kemudahan² Singapura melebihi Pelabohan Klang dan menyebabkan maseh ada lagi eksepot di-buat menerusi Singapura. Dengan kemudahan² container di-Pelabohan Klang dan pembenaan pelabohan Johor, maka kegiatan impot eksepot sudah pasti dapat di-salurkan melalui pelabohan² Malaysia sa-penoh-nya.

Mengenai pelabohan² di-Pantai Timor, ini telah di-bawakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun. Bukan-lah kita ada pileh kaseh, tetapi beliau pun iri hati dengan keadaan² kemajuan² di-Pantai Barat, tetapi kita tidak pileh kaseh dengan kemajuan Pantai Barat. Tetapi ini ia-lah sebab consultant atau pakar² telah menyiasat dan ini-lah repot-nya. Mengenai pembenaan pelabohan di-Pantai Timor, Kerajaan telah pun mengambil keputusan untuk membena sa-buah pelabohan di-Tanjong Gelang, Kuantan. Sa-buah firma iurtera perunding telah hampir siap membuat kajian ekonomi dan kejuruteraan bagi pembenaan pelabohan yang di-jangka operational-nya pada tahun 1976. Pembenaan pelabohan itu di-jangka akan menggiatkan lagi pembangunan ekonomi Pantai Timor Malaysia Barat. Pembenaan pelabohan di-Tanjong Gelang ini ada-lah lebih sesuai daripada di-Trengganu dari segi kedudukan ekonomi dan keadaan pantai-nya, tidak-lah lojik dan ekonomik jika sa-buah lagi pelabohan hendak di-bena di-Pantai Timor, kerana membena sa-buah pelabohan ada-lah mahal belanja-nya dan kedua-nya ada-lah menjadi dasar ahli conference perkapalan

untuk singgah di-beberapa pelabuhan sahaja di-dalam rationalisation of shipping mereka itu.

Bagaimana pun sa-buah jeti baharu akan di-bena di-Kuala Trengganu berhampiran dengan PWD Workshop yang akan di-pindahkan. Jeti itu boleh menerima kapal² yang berat-nya 1,000 ton dan di-jangka siap dalam tahun 1974.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun juga ada bertanya berkenaan dengan ramalan kaji-chuacha, tetapi saya telah terangkan tadi, ta' payah-lah saya buang waktu. Chuma satu lagi jawapan yang saya akan terangkan dan mengakhiri jawapan ini ada-lah berkenaan lapangan terbang antarabangsa di-Subang.

Ahli Yang Berhormat dari Batu mengatakan satu waktu dahulu Subang Airport menjadi satu lapangan terbang international yang termashhor dan termoden. Saya berani mengaku sampai sekarang pun kita maseh lagi termoden, dan lapangan-nya yang terpanjang sa-kali, 11,400 kaki, patut mahu 12,000 kaki. Tetapi apa yang kurang, saya setuju hendak membanyakkan lorong², fasal orang ramai hendak masuk, dia kata untuk kemudahan Imigeresen. Ini telah saya terangkan samalam, kita sudah setuju pelan-nya dan akan di-jalankan, akan ada 8 lorong bukan 3 macham sekarang. Dan lagi berkenaan dengan transit barangkali kalau dua atau 3 jumbo jet datang tentu-lah susah. Kita sedang mengkaji, pakar² dari Canada telah mengkaji dan memberi recommendation bukan sahaja lapangan terbang Subang, tetapi semua lapangan terbang di-Malaysia Barat dan Timor dalam tempoh 30 tahun yang akan datang. Maka ini-lah juga saya akan menerangkan berkenaan dengan pertanyaan juga daripada Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara yang menyatakan kenapa kita bena hanya untuk 737. Saya kata saya Menteri-nya yang mempersetujuan, saya kata kita memang ada rancangan membuat chara yang sampai 10,000 kaki tetapi kita sekarang hanya hendak sampai 6,300 kaki. Kita harap akan siap dalam bulan Jun, 1973, ini record time—18 bulan. Bila siap terminal building, 737-200 boleh berhenti di-sana dahulu dan sementara itu kita akan tambah lagi sampai lagi 10,000 kaki dan kita telah membeli tanah yang luas dan kita memandang jauh. Maka ta' usah-lah Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara takut,

kerana dia pun dekat dengan Kota Tinggi dan saya di-Pontian, dan kita memang ada rancangan hendak mengadakan satu international airport bagi selatan Malaysia Barat.

Berkenaan dengan lapangan terbang Subang, dengan sa-bberapa segera kita putus-kan peruntukan kewangan-nya dan kita akan jalankan kerja menambah verandah yang ada hari ini di-panjangkan supaya dari mana² negara pun kalau jumbo yang besar² boleh di-tarek dan ini merapatkan, Jumbo, penumpang senang-nya turun naik dan juga berkenaan dengan facilities mengangkat barang² ini, kerana kalau terlampau banyak penumpang², tentu-lah alat² pembawa barang² hendak di-barukan.

Kita akan putus-kan semua sa-kali dengan sa-bberapa segera dan kita harap kewangan akan di-peruntukan dan kerja akan di-jalankan. Saya ucapkan banyak terima kaseh dengan ada-nya desakan Ahli² Yang Berhormat itu menolong saya lebeh kuat lagi mendesak sahabat saya untuk memberi peruntukan kewangan supaya tidak lagi kita ketinggalan.

Ahli Yang Berhormat daripada Batu menyatakan Singapura telah dapat pinjaman \$60 juta dari Asian Development Bank, sa-benar-nya \$84 juta. Dia telah pun menggunakan pakar dari Northdrop Amerika yang mana Singapura sekarang ini sudah peruntukan jumbo jet-nya, tetapi dia menengok 30 tahun akan datang dan sekarang juga di-jalankan extension mengikut rancangan 30 tahun akan datang. Bagitu juga jika kita tengok di-Bangkok yang saya dapat tahu, membena sa-buah international airport yang di-anggarkan \$100 juta yang mana daripada sharikat consultant yang di-gunakan juga oleh Singapura akan menjalankan kerja² itu. Dan mereka menganggarkan dalam tempoh 10 tahun akan mendapat balek hasil daripada \$100 juta itu. Maka kita di-Kuala Lumpur di-antara mereka yang dua itu, kita ada-lah lebeh dahulu daripada mereka itu membuat lapangan terbang international di-Subang. Saya memang mengucapkan terima kaseh atas desakan mereka itu supaya saya dapat lekas dapat greenlight dan menjalankan kerja² itu. Tetapi saya memberi pengakuan kapada mereka yang telah pergi ka-lain² airport tengok-lah airport kita apabila turun, kalau dia kata tidak moden lagi, barangkali Ahli Yang Berhormat dari Batu sudah pakai chermin mata, tambah power-nya supaya

kuat sedikit: dia turun di-Singapura macham mana, dia turun di-Bangkok macham mana, dia turun di-Tokyo macham mana, dia turun di-Manila macham mana, dia turun International Airport Subang, Kuala Lumpur macham mana? Berseri². Orang lain mengaku nombor satu. Kita pula hendak merendah²kan. Ini-kah sa-orang yang mengaku Malaysians are proud of their architecture, of their latest International Airport building which cost about \$64 million. Maka dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya chukop berterima kaseh kapada Ahli² Yang Berhormat, kerana dengan sokongan mereka itu-lah kita akan dapat mencheapatkan pelaksanaan ranchangan ini, tetapi chadangan² mereka hendak-lah constructive dan memberi sokongan sa-penoh-nya. Itu-lah sahaja, terima kaseh.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab satu perkara sahaja yang telah di-sebutkan oleh Yang Berhormat Bandar Melaka bertabit dengan Johor Tenggara. Saya tidak terperanjat yang mana perkataan² yang telah di-gunakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan mengatakan, izinkan saya bachakan apa yang telah di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu:

"I would like here to urge the Government to translate this profession from just mere lip service to concrete results because there is a need, from this one or two years' operation, for the people to be convinced not from mere platitudes, from mere pronouncements, but from deeds and actions, from results, that the poor of all races are going to be helped, and in this regard, I would urge that in the Johore Tenggara project, there would be provision for the assistance or the upliftment of the poor of all races especially in the settlements, in the land schemes there"

Jadi perkataan ini saperti yang saya katakan tidak terperanjat kerana datang-nya daripada sa-orang atau parti yang tidak bertanggung-jawab kerana kita bagi pehak Kerajaan dengan bersunggo² dengan daya usaha yang begitu jujur with all earnesty and honesty untuk menjalankan ranchangan kita supaya ekonomi kita yang mana kita telah lancharkan yang mana di-katakan di-dalam dasar ekonomi kita itu, kita hendak

membangkitkan orang² semua yang tidak berada kapada tingkatan yang sama dalam seluroh negara kita ini.

Jadi dengan itu, saya suka juga mengatakan pelaksanaan Master Plan bagi Johor Tenggara itu akan di-jalankan dengan sempurna-nya melalui penubuhan Johor Tenggara Authority (Lembaga Kemajuan Johor Tenggara).

Perlaksanaan telah bermula tahun ini dengan pembenaan jalan², jambatan² dan ranchangan tanah akan berjalan lagi sa-hingga sampai tahun 1990.

Pendapatan penduduk di-kawasan Johor Tenggara di-jangka dapat di-tambah kapada satu tingkatan menjadi keadaan antara \$2,400 sampai \$3,000 dalam satu tahun bagi tiap² satu keluarga dengan pelaksanaan projek dalam Master Plan tersebut antara 1971 sampai 1990. Kita jangka dengan anggaran dengan pelaksanaan ranchangan ini sa-jumlah 40,000 pekerja² akan dapat di-adakan dalam Johor Tenggara di-antara tahun² yang tersebut ia-itu 1971 sampai 1990. Itu-lah sahaja. Saya rasa tidak perlu saya menjawab perkara² yang lain kerana tidak ada bersangkutan dengan apa yang telah di-sebut dalam Jabatan Perdana Menteri.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, ingin-lah juga saya memberi sedikit penjelasan berkenaan dengan sedikit tegoran atau pandangan Ahli² Yang Berhormat mengenai Anggaran Pembangunan (Tambahan) mengenai Kementerian saya.

Yang pertama sa-kali soalan yang di-timbulkan oleh Yang Berhormat dari Bungsar yang mengatakan bahawa peruntukan \$1 juta yang ada dalam Anggaran Pembangunan, 1972 untuk kerja² reka-bentok jalan raya Kuala Lumpur dan Petaling Jaya di-dapati tidak mencukupi dan tambahan sa-banyak \$2 juta ada-lah di-kehendaki. Menurut pandangan beliau peruntukan itu ada-lah terlalu tinggi, dan Ahli Yang Berhormat itu bertanya mengapa kerja² saperti itu tidak di-jalankan oleh Pegawai² J.K.R. sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk reka-bentok dan pembenaan projek itu ada-lah di-bayar daripada pinjaman dari Bank Dunia dan menurut atoran² tertentu Bank

Dunia itu ada-lah berkehendakkan perunding² antara-bangsa yang mahir dalam kerja seperti ini untuk menjalankan kerja² reka-bentuk ini. Perbelanjaan projek ini ada-lah di-anggar sa-banyak \$75 juta yang melibatkan kerja² melebarkan jalan raya termasuk lima (5) grade separated intersection. Bayaran yang di-buat kepada perunding² itu ia-lah menurut man-month input oleh perunding² itu.

Berkenaan dengan soal mengapa-kah kerja² itu tidak di-jalankan oleh Pegawai² J.K.R. sendiri, saya suka menyatakan di-sini bahawa sa-lain daripada sebab yang tersebut tadi, Pegawai² J.K.R. ada-lah sangat sebak dengan projek² pembangunan yang lain pada waktu ini. Walau bagaimana pun dengan tujuan bahawa bayaran kepada perunding² dari luar negeri itu dapat di-kurangkan, perkhidmatan sokongan ada-lah juga di-beri oleh jurutera² dan pegawai² sub-professional tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor mengshorkan bahawa Kerajaan dan Kementerian Kerja Raya dan Tenaga mesti membuat planning jangka panjang apabila membena jalan² raya seperti Kuala Lumpur dan Petaling Jaya yang hendak di-baiki sekarang. Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini ia-lah memang planning sumpama ini ada-lah sentiasa kita buat, tetapi pembangunan itu di-buat dalam beberapa peringkat mengikut economic justification dari satu masa ka-satu masa.

Yang Berhormat dari Muar Utara menyenotih berkenaan dengan fasal bekalan ayer. Bekalan ayer ada-lah perkara Kerajaan Negeri. Saya harap chadangan² Yang Berhormat berkenaan dengan bekalan ayer itu harap-lah di-tujukan kepada Kerajaan Negeri supaya tindakan yang perlu dapat di-ambil.

Yang berhormat dari Besut telah mengeluarkan timbang rasa-nya kepada J.K.R. berkenaan dengan kerja² yang begitu banyak kita buat pada waktu ini. Di-sini ingin-lah saya sa-bagai Menteri yang bertanggung-jawab dalam Jabatan Kerja Raya dan Tenaga, menguchapkan banyak² terima kaseh atas timbang rasa Yang Berhormat itu dan di-sini sa-kali lagi saya merayu kepada Yang Berhormat dan juga ra'ayat dalam negara ini supaya sentiasa bekerjasama dengan J.K.R. untuk menjalankan segala ranchangan² dalam negara kita pada waktu

ini supaya semua ranchangan yang sedang kita jalankan untuk faedah ra'ayat dan negara tidak akan terlambat perlaksanaannya.

Di-samping itu Yang Berhormat dari Besut juga ada memberi tegoran yang mengatakan bangunan² yang di-bena oleh J.K.R. pada waktu ini ada banyak yang tidak begitu tahan dan pechah dalam dua atau tiga tahun sahaja. Tuan Yang di-Pertua, di-sini pendapat Ahli Yang Berhormat itu tidak-lah saya bersetuju. Dan jika seperti perkara yang sa-macham itu ada terjadi, saya minta supaya Ahli Yang Berhormat itu memberitahu kepada Kementerian saya supaya penyiasatan akan di-jalankan, tetapi pada waktu ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu yang kerja² atau mutu kerja² yang di-buat oleh J.K.R. pada keselurohan-nya ada-lah memuaskan dan tidak seperti yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut itu. Boleh jadi ada kedapatan satu dua kerja yang ada kekurangan-nya, tetapi saya perchaya mana² kerja juga kadang² kita terjumpa macham ini, tetapi jika ada kerja yang kita jumpai atau terjadi sa-macham ini, saya harap tegoran dapat di-beri supaya tindakan akan dapat kita ambil. Itu-lah sahaja penjelasan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menjawab dengan ringkas-nya tegoran² berkenaan dengan Kementerian saya oleh Ahli² Yang Berhormat dalam usul yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Ahli Yang Berhormat dari Bungsar mengeshorkan supaya NISIR menjalankan kajian mengikut keutamaan seperti berikut:

- (i) kegunaan getah asli;
- (ii) kegunaan alat² asli Malaysia bagi pembenaan bangunan dan juga beliau membangkitkan berkenaan dengan rumah pangsa harga murah yang didirikan di-Kampung Bharu.

Tuan Yang di-Pertua, kajian tentang kegunaan getah asli ada-lah di-bawah tugas Institute Penyelidikan Getah atau RRI, ini telah di-terangkan oleh rakan saya Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, tidak payah-lah saya menjawabkan perkara ini.

NISIR akan menjalankan kajian tentang penggunaan alat² asli Malaysia bagi pembinaan bangunan.

Berkenaan dengan rumah pangsa harga murah, ini telah di-jawabkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya suka menerangkan ia-itu Dewan Bandaraya telah mengambil langkah² bagi membena rumah² pangsa bagi orang² miskin di-Kuala Lumpur. Di-bawah Rancangan Malaysia Kedua sa-banyak 5,000 unit rumah² pangsa awam akan di-benakan.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam menyatakan terdapat 4,000 document di-luar negeri yang telah memberi faedah kepada ahli² sejarah kita. Beliau meminta supaya naskah² atau document² ini di-bawa balek oleh Arkib Negara. Saya suka mema'alumkan kepada Ahli Yang Berhormat ia-itu Jabatan Arkib Negara dan Perpustakaan Negara sedang mengambil langkah² untuk memperolehi salinan² document ini dengan peruntukan yang terhad. Beberapa banyak document telah pun di-perolehi daripada Public Record Officer di-London di-dalam tahun 1970 dan tahun 1971. Dalam tahun 1972 155 gulong micro film yang bertajok Straits Settlement Original Correspondence telah pun di-pesan.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka menyatakan gulongan² setinggan² atau squatters hendak-lah di-selesaikan dengan berperikemanusiaan. Tuan Yang di-Pertua, Jawatan-kuasa Pembersihan Setinggan adalah sentiasa memikirkan kehendak² dan keperluan² setinggan untuk mengadakan tempat² kediaman ganti bagi mereka. Dalam menjalankan gerakan pengangkutan dan buruh untuk menaikkan dan memunggahkan barang² mereka juga di-sediakan. Sa-boleh²-nya mereka di-beri rumah² pangsa yang berhampiran dengan tempat² mereka bekerja dan anak² mereka yang bersekolah ditukarkan ka-sekolah² yang hampir dengan tempat² kediaman mereka yang baharu. Tambahan bagi keluarga² setinggan² yang di-pindahkan ka-rumah² pangsa ada-lah di-beri 3 bulan sewa perchuma dan 21 bulan sa-tengah sewa. Patut-lah di-ingat bahawa setinggan² ada-lah sa-benar-nya menduduki tanah sa-chara haram namun begitu kepentingan² mereka sentiasa di-ambil berat pada masa ini. Gerakan pembersihan setinggan² di-jalankan apabila telah ada rumah² pangsa

ra'ayat di-sediakan untuk mereka. Sa-makin banyak rumah pangsa yang dapat di-sediakan lebeh banyak setinggan di-bersehhkan mengikut keutamaan yang di-persetujui oleh Jawatan-kuasa.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Dato Keramat membangkitkan berkenaan dengan masalaah lalu lintas di-Kuala Lumpur. Masalaah ini adalah sentiasa di-dalam kajian dan pada masa ini pun satu kumpulan pakar² yang mengkaji Peranchangan Lembah Kelang sedang membuat kajian yang teliti di-dalam perkara ini.

Sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab tegoran daripada dua orang Ahli Yang Berhormat.

Yang pertama Ahli Yang Berhormat dari Dato Keramat telah menegorkan bahawa Pejabat² Tanah banyak menchuaikan tugasnya dan tindakan ada-lah lambat di-ambil dan kerap kali penyataan penerimaan surat tidak di-buat langsung. Tegoran Ahli Yang Berhormat itu ada-lah sangat am dan susah bagi saya hendak menjawabnya. Kalau sa-siapa hendak menimbangkan sama ada Pejabat Tanah itu chuai atau tidak, panjang masa bukan-lah ukoran yang betul² dapat di-gunakan kerana dalam sa-sabuaah Pejabat Tanah itu ada banyak fungsi atau pun ada banyak tanggung-jawab. Kalau-lah tugas itu mengenai pengeluaran tanah baharu mungkin juga tugas ini akan memakan masa yang panjang kadang² bertahun² dan kalau-lah tanggung-jawab tanah itu mengenai soal pembayaran chukai mungkin perkara ini selalu dapat di-selesaikan dengan sekejap masa sahaja, kadang² dalam sa-tengah jam. Jadi tegoran Ahli Yang Berhormat itu susah-lah hendak di-terima atau pun hendak di-jawab dengan tepat-nya.

Berkenaan dengan tuduhan yang menyatakan bahawa penyataan penerimaan surat tidak di-beri langsung, saya terpaksa menolakkannya, kerana saya tahu bahawa dalam Pejabat Tanah sa-bagai amalan hari² ada selalu-nya card di-kiriskan kepada pehak² yang menghantar surat menyatakan bahawa rayuan daripada mereka atau pun surat daripada mereka itu di-terima pada hari surat itu di-kirim atau pun sa-lambat²-nya dua tiga hari sa-lepas itu.

Jadi, tuduhan Ahli Yang Berhormat itu tidak-lah tepat dan jikalau ada satu specific case hendak-lah di-beritahu sa-bagai complain mengenai specific case.

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang telah menhadangkan supaya Jabatan Ukur di-modenkan dengan membekalkan-nya dengan perkakas dan alat² yang chukup moden dan supaya biasiswa di-tambahkan untuk menambah banyak lagi pegawai² yang terlateh. Sa-benar-nya alat²an di-Jabatan Ukur telah pun mula di-permodenkan dan sedang di-modenkan dengan sa-lanjut-nya. Sa-benar-nya dalam Supplementary Estimates ini kita minta untuk membeli electronic plotter bagi Jabatan Ukur itu.

Mengenai biasiswa, Jabatan Ukur telah menyatakan bahawa biasiswa yang ada sekarang ini ada-lah lebeh daripada memadai dan pegawai² pun ada dalam latehan untuk memperlekapkan mereka menjalankan kerja² yang mengenai alat²an yang moden. Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bagi pehak Yang Berhormat Menteri menjawab beberapa perkara berhubung dengan Kementerian Penerangan.

Yang pertama, saya suka menjawab tegoran Ahli Yang Berhormat dari Besut. Beliau berasa bimbang pegawai² dalam Kementerian Penerangan akan iri hati jika mereka mendapat layanan yang tidak sama. Jadi, pada beliau itu saya suka katakan: "berat mata memandang, berat lagi bahu memikul".

Saya katakan begitu kerana chita² kami hendak menjadikan seluroh pegawai dalam Kementerian Penerangan sa-bagai pegawai² yang sama taraf dan kedudukan dan kalau boleh semua hendak di-masokkan dalam pangkat yang sama. Masaalah yang timbul ia-lah dalam Kementerian ini ada tiga Jabatan, ia-itu Radio/Talivishen, Filem Negara dan Jabatan Penerangan, yang masing² mempunyai Scheme of Service-nya sendiri. Ini ia-lah di-sebabkan Jabatan² itu mempunyai tugas² yang berlainan antara satu dengan lain. Tangga gaji yang di-beri berasas kepada kelayakan, pengalaman dan berat tanggong-jawab-nya. Walau bagaimana pun tidak ada layanan yang berat

sa-belah dalam tiap² kali di-adakan "promotion exercise" dan tiap² orang pegawai di-beri pertimbangan yang sa-adil²-nya mengikut Sekim Perkhidmatan dan kebolehan masing².

Yang kedua, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka, yang merungut bahawa Talivishen Malaysia kurang sangat mengadakan ranchangan² untuk orang China dan orang India. Saya suka hendak menegaskan kepada beliau bahawa Talivishen Malaysia tidak mengator program²-nya untuk satu² bangsa, tetapi mengator program² itu untuk seluroh orang Malaysia. Kita sedang berusaha mengadakan program², termasuk iklan yang boleh menunjukkan keperibadian Malaysia yang penduduk²-nya terdiri dari berbagai² bangsa.

Mula bulan September ini, satu lagi langkah ka-hadapan untuk menchapai mat-lamat ini, dengan satu usaha untuk memper-saibangkan program² dalam kedua² channel Talivishen. Pada hari ini ada orang mengatakan bahawa channel satu Talivishen itu sa-mata² untuk orang Melayu dan channel kedua Talivishen itu untuk orang yang bukan Melayu. Jadi, kami tidak mahu lagi ra'ayat Malaysia menganggap kedudukan yang begitu dan kami pehak Talivishen sedang berusaha untuk mengikis perasaan yang begitu rupa.

Walaupun bagaimana pun, untuk orang gulongan yang tua² pula, kami memang mengadakan ranchangan hiburan filem dan mulai bulan depan ini kita akan menambahkan filem dalam bahasa Tamil, ia-itu dua kali sa-bulan dan Hindi dua kali sa-bulan; dan ini sa-rupa-lah juga dengan orang² tua keturunan China yang pada hari ini menekmati satu filem bahasa China pada tiap² minggu dan pada sa-bulan empat kali; dan untuk membolehkan orang² lain mengikuti filem² ini pehak Talivishen mungkin mengadakan sub-title². Jadi, begitu-lah chara kita hendak menarek orang supaya berfikir bukan chara satu² keturunan atau bangsa, tetapi kepada seluroh orang Malaysia. Kita tidak mahu lagi menggalak dan mendorong fikiran serta tumpuan ra'ayat kepada satu kedudukan masharakat yang berpelang² atau "compartmentalisation". Sungguh pun perkara ini susah, tetapi pehak Talivishen dan Radio dan Kementerian ini seluroh-nya akan chuba menarek fikiran atau minat ra'ayat kepada satu chara fikiran ia-itu berchorak Malaysia.

Satu lagi perkara di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara; beliau telah menegor beberapa perkara dalam program Talivishen dan satu daripadanya beliau berkata program² Talivishen maseh lagi mempunyai unsur² apa yang di-katakan-nya "Malay Traditional Values." Barangkali beliau silap atau keterlaluan dan tuduhan itu tidak betul. Barangkali beliau itu mengagak² sahaja atau pun jarang menuntun Talivishen² kita dan hanya mendengar tuduhan² dari sa-tengah² pehak, maka beliau buat conclusion-nya program² kita maseh lagi berchorak apa yang di-katakan-nya "Malay Traditional Values." Jadi, tuduhan beliau itu pun tidak specific, tidak ada satu² program yang di-tetapkan-nya, mana-kah yang tuduhan-nya mengandongi unsur² "Traditional Values." Bagi kita dan Kementerian ini dari satu masa ke-satu masa mengadakan program² kita yang berchorak moden, yang berbasekan kepada Rukunegara, dan memberikan keutamaan program² yang berchorak sains dan teknologi.

Walaupun bagaimana pun usaha ini susah dan pada hari ini kita berusaha mencari bahan² yang membolehkan mengadakan program² kita di-tujukan khas kepada usaha bagi membasmikan apa yang kita panggil kekolotan masyarakat. Jadi, kita tidak lagi menggalakkan program² yang berchorak purba, yang mungkin merugikan kita dan kalau pun ada program² atau babak² yang mengandongi masalah² purba, tetapi kita adakan juga babak itu sa-terus-nya tetapi untuk mem-proofkan bahawa perkara² atau masalah² purba itu merugikan kita dalam zaman moden ini.

Satu contoh yang saya suka hendak berikan, mital kata, satu pepatah: "rezki sa-chupak tidak akan menjadi sa-gantang." Jadi, bagi kita di-sana chuba hendak membuktikan dengan program² kita bahawa pepatah itu tidak kena, tidak sesuai dengan zaman ini dan kita kaitkan masalah ini dalam program² kita dengan soal menanam padi dua kali sa-tahun, yang mana, kalau kita tanam benih sa-chupak sudah mendapat hasil yang berlipat ganda. Jadi, begitu-lah chara² kita hendak menunjukkan kepada orang ramai yang kita ini tidak berpegang kepada apa yang di-panggil Malay Traditional Values, tetapi apa yang katakan tadi bukan-lah dapat di-ubah dengan chara begitu sahaja kerana masyarakat kita di-negara ini ada yang dudok di-bandar, dan ada yang

dudok di-kampung dan ada yang kaya dan ada yang miskin; dan ada yang terpelajar dan ada pula yang buta huruf. Mereka ini juga masing² memerlukan program yang sesuai pada nilai mereka sendiri dan ada-lah mustahil bagi kita hendak memenuhi kehendak semua. Apa yang kita chuba ia-lah hendak mendapatkan sambutan sa-bahagian besar daripada ra'ayat negeri ini. Satu lagi contoh yang boleh saya beri ia-lah seeing is believing. Panduan kita di-sini tidak begitu. Panduan kita di-Kementerian ini "believing is seeing." Kita menarek perhatian kepada orang hendak naik ka-bulan. Orang sana saintis² dan dia bukan tengok muka bulan dahulu, baharu dia buat planning; dia yakin diri dia dahulu, baharu dia buat planning untuk naik ka-bulan. Proverb macham ini kita ubah daripada "seeing is believing" kepada "believing is seeing". Jadi itu menunjukkan kita hendak membawa kepada value² yang sesuai kepada chara berfikir orang² zaman ini yang penduduk²-nya terdiri daripada orang² yang terpelajar dan pemuda² kita yang ada education.

Pada bulan hadapan kita juga mengadakan satu perubahan yang agak besar untuk menyesuaikan chara orang berfikir dalam zaman ini; dan kita mulakan program kita bukan lagi dalam bulan Januari tetapi kita hendak mulakan mengikut tahun yang akan datang ini dalam bulan September. Dalam bulan September itu kita anggap sa-bagai Januari dan 31hb Ogos pada tiap² tahun itu kita jadikan satu tarikh yang sa-agong²-nya dalam satu tahun. Jadi begitu-lah dalam cycle sa-tahun itu kita ada berbagai² hari atau pun tarikh yang di-ishtiharkan oleh Kerajaan seperti Hari Wanita; Hari Buroh, Hari Guru. Ini akan di-beri liputan sa-chara pandangan dan nilai waktu supaya tiap² ra'ayat dalam negara ini dapat menumpukan perhatian mereka kepada hari² kebesaran yang kita buat itu. Jadi, itu-lah kita panggilkan bulan hadapan kita bekerja sa-chara lain untuk menambahkan lagi atau maju sa-tapak lagi ka-hadapan supaya program² kita itu mempunyai present value dan bukan lagi value yang agak lama² atau yang kunu². Tetapi kita kena faham juga, menukar program² talivishen kita ini, kita kena tahu, bila talivishen kita di-buka di-Kuala Lumpur berma'ana seluruh orang melihat-nya, sama ada di-kampung atau di-bandar dan kemahuan orang di-kampung berlainan dengan kemahuan orang di-bandar.

Ini-lah masalah² yang kita hadapi bukan kita semata² hendak pegang kapada cherita² atau pun perkara² yang ada kaitan dengan adat resam orang kita Melayu dahulu kerana perkara² itu juga ada minat di-negara kita; dan kita bagi pehak talivishen chuba mengeluarkan program² mungkin tidak dapat kapada semua lapisan masyarakat, tetapi ada-lah di-tujukan kapada mereka sa-bahagian besar daripada rakyat kita.

Satu perkara lagi beliau menimbulkan soalan "commercial interruption." Sa-patutnya beliau itu berasa megah atau menguchapkan terima kaseh kapada kita atau talivishen atau Kerajaan kerana talivishen kita bukan macham talivishen² yang lain berhubung dengan soal iklan ini. Di-negara² lain termasuklah negara² jiran kita, iklan² itu di-masokkan "within programmes." Tetapi iklan² kita di-sini di-masokkan sa-lepas antara satu program dengan program yang lain—"in between programmes." Jadi ini tidak-lah mengganggu program² kita dan dapat-lah kita menikmati-nya dengan selesa. Walau bagaimana pun suka saya hendak menegaskan soal iklan ini sudah menjadi lazim di-mana² negara dalam mass media ini sama ada radio dan talivishen atau pun surat khabar. Kita di-sini chuba sa-berapa yang boleh supaya program² itu tidak di-ganggu dengan mengadakan iklan² itu antara dua program yang tertentu. Suka juga saya hendak mengatakan soal Kementerian ini khas-nya Jabatan Radio dan Talivishen ini boleh-lah di-katakan satu jabatan, "Revenue Earning Department." Pada tiap² tahun kita mendapat hasil lebih kurang \$25 juta, ini berbanding dengan budget kita radio dan talivishen hanya \$34 juta sa-tahun. Daripada iklan sahaja, kita dapat lebih kurang \$15 juta sa-tahun. Hasil lesen radio dan talivishen lebih kurang \$10 juta sa-tahun. Itu-lah fasal-nya kita perlu mengadakan iklan² ini dan ada kemungkinan hasil ini naik lagi, kerana mulai bulan Julai ini kita mengenakan 5% surcharge di-atas "commercial filmlets" yang di-buat di-luar negeri. Alasan²-nya tidak payah-lah saya sebutkan kerana ini bukan sahaja dari segi untuk mendapatkan kewangan, tetapi ia-lah untuk membolehkan banyak lagi filmlet² ini di-buat di-tanah ayer kita sesuai dengan Dasar Ekonomi Baharu untuk mengadakan factori² untuk pekerja². Ada kemungkinan hasil daripada iklan ini naik lagi tahun

akan datang kerana Yang Berhormat Menteri Penerangan telah pun mengarahkan saya dan kaki-tangan di-sana supaya mengkaji semula 5% surcharge ini, kerana kami dapati ada antara pengiklan² yang agak tidak berapa suka membuat filmlet² dia di-tanah ayer dan agak-nya; saya tidak katakan degil barangkali oleh kerana satu² perkara, dia maseh mahu membawa filmlet dari luar negeri dan tidak mengambil langkah² untuk membuat dalam negeri ini.

Bagi pehak kita untuk menentukan yang kita mengambil berat dalam perkara ini lhb. Januari, 1973 rate 5% surcharge ini akan di-naikkan lagi entah berapa persen-kah yang akan kita tentukan, ini belum-lah dapat saya tetapkan. Ini juga merupakan satu perkara untuk menambah revenue negara kita dan memproofkan bahawa iklan² itu sangat penting kapada kita bagi mass media kita.

Satu perkara lagi beliau telah menyebutkan soal program kanak², kata dia, di-keluarkan pada pukul 11.00 malam dan kanak² kita sudah tidor, dan beliau menyebut Film "Jack and Beanstalk"; barangkali dia tidak betul perkara itu kerana film ini kita tujukan bukan untuk budak²—is not children programme tetapi ada-lah "adult programme." Dan kita telah mengot program² kita mithal kata, program untuk budak atau "children programme" kita letak dalam talivishen kita antara pukul 5.00 petang pada 7.00 malam kita khaskan kapada budak²—budak² sekolah dan antara pukul 7.00 malam—pukul 9.30 malam program² itu kita tumpukan kapada mereka yang dudok di-kawasan² luar bandar dan di-antara jam 7.00—9.30 malam itu-lah kita keluarkan beberapa banyak local production—keluaran Talivishen Malaysia yang mengandongi forum atau pun ucapan² atau pun drama² yang boleh memberi kesukaan kapada orang kita kampung kerana kita tahu orang² kampung dan kita harap lepas program² 9.30 sa-lewat²-nya pukul 10.00 mereka itu tidor supaya boleh bangun pagi untuk bekerja lebih kuat lagi. Jadi chara itu-lah kita mengadakan program² kita dan di-waktu² yang lain itu kita masokkan program² yang berchorak "general" supaya siapa hendak tengok boleh-lah tengok, termasuklah Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara itu—tidak dapat mengikuti program² yang kita ator ini dan mungkin

sa-kali sekala dia tengok-nya di-katakan program untuk orang tua itu atau pun untuk adult itu di-katakan program untuk kanak².

Akhir-nya babak chium dari Kota Star Utara. Beliau bersungut Talivishen Malaysia ini banyak mengeluarkan babak² chium. Chium, kata dia, merosakkan akhlak orang² kita. Saya pun tidak tahu, boleh jadi, dia kata itu, sebab dia tengok babak chium

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bapak chium?

Tuan Shariff Ahmad: Babak chium.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Oh! Saya dengar tadi bapak chium.

Tuan Shariff Ahmad: Babak. Barangkali juga dia itu bapak chium. Jadi kita tidak boleh-lah ta'ariffkan bahawa chium ini sa-bagai kolot sangat. Kita tahu chium ini macham² chara chium-nya. Ada chium dahi, ada yang chium leher dan ada yang tangan. Chium² ini kita katakan tanda hormat. Tetapi chium berdua² itu boleh-lah kita katakan rosak moral kita atau moral anak² kita. Tetapi kita tidak boleh-lah interpretkan bahawa sa-barang chium itu sa-bagai satu chiuman yang boleh merosakkan moral anak² kita. Saya berani mengatakan program talivishen keluaran tempatan, boleh saya mengatakan, bagi pehak Yang Berhormat Menteri, tidak ada chium² yang boleh agak merosakkan moral itu. Barangkali ada daripada filem² luar negeri yang kita maseh perlu menggunakan-nya dan itu saya kata kita pun tengok-lah bukan sa-barang chium yang kita masok ka-dalam filem kita, yang mudharat kepada masyarakat, kita tidak bagi masok. Walau bagaimana pun kalau ada-lah perkara² yang macham itu bukan sahaja daripada wakil dari Kota Star Utara, hatta kepada semua wakil² kita yang agak ada perasaan tidak puas hati dengan program² kita, kita tidak ada benda hendak sorokkan. Kalau ada satu² perkara yang specific kita boleh ambil tindakan. Barangkali telah pun kita proofkan di-masa² yang lalu di-mana ada public opinion yang tidak seronok dengan program² kita, kita hentikan. Misal-nya kata rambut panjang, dan saya ulang sa-kali lagi. Public opinion berkata ta' bagus dalam talivishen, kita hentikan. Begitu juga dengan derama siri "Tiga Dara". Banyak orang mengatakan, public opinion mengatakan, tidak seronok dengan siri "Tiga Dara" itu

dan kita sa-chara terhormat berhentikan dan gantikan dengan program² yang lain. Bagi pehak kita di-sini tidak ada benda hendak di-sorokkan, kerana ini untuk orang ramai dan kalau ada program² yang agak menyinggong sama ada ugama-kah, kebudayaan-kah atau pun apa² juga-kah, bagi pehak talivishen dan bagi pehak Yang Berhormat Menteri berani mengatakan kita boleh tukar program itu dari satu masa ka-satu masa, kerana program kita berubah. Bukan pula program itu kita letakkan tidak boleh di-aleh dan kita review program kita dari sa-masa ka-samasa. Sa-lepas satu program di-jalankan kita adakan post-mortem sama ada sesuai atau pun tidak atau pun dapat atau tidak di-sambut oleh ra'ayat. Mithal-nya, saya katakan tadi, waktu ini hingga hari ini orang maseh lagi mengatakan channel I talivishen itu untuk orang Melayu dan channel II talivishen itu untuk orang bukan Melayu. Dan mulai 1hb September ini kita persaibangkan, chuba mempersaibangkan program dalam channel I itu di-pindah kepada channel II sa-paroh dan channel II di-pindahkan kepada channel I sa-paroh asalkan program² itu dapat menggambarkan kedudukan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa. Saperti saya kata, soal announcer, kita hatta orang² Malaysia keturunan China dan Tamil menjadi announcer dalam bahasa Malaysia dan begitu-lah cross-section yang kita chuba buat untuk mereflectkan bahawa Talivishen Malaysia ini dapat menggambarkan bukan sahaja kepada orang kita di-Malaysia, tetapi juga di-seluruh dunia bahawa kita di-Malaysia ini ra'ayat yang berbilang bangsa dan dari berbagai keturunan. Dan saya kata tidak dapat-lah kita memenohi kehendak mana² pehak supaya di-adakan ranchangan Tamil mithal kata, di-adakan ranchangan China, ini kita tidak dapat buat. Kita buat program² yang kita fikir menasabah untuk seluruh ra'ayat Malaysia yang berbilang bangsa. Terima kasih.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab ringkas sahaja serta menggulung perbahathan mengenai usul ini.

Pertama sa-kali, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor minta kawalan kastam di-ketatkan berkenaan dengan penyeludupan. Yang sa-benar-nya pehak kastam sentiasa menguatkan kerja² menchegeh penyeludupan dan juga kerja² menchegeh penyeludupan ini bukan sahaja di-jalankan oleh pehak

kastam sendiri sahaja, tetapi ada-lah bekerja sama dengan Jabatan² lain seperti Jabatan Polis, Jabatan Badan Penchegeh Rasuah, Lembaga Padi dan Beras Negara dan lain² badan yang berkenaan.

Berhubung dengan ini, Ahli Yang Berhormat dari Besut ada mengatakan apa telah jadi kepada kastam, harapkan kastam sa-bagai pagar, pagar makan padi, kerana kes² penyeludupan di-tangkap oleh badan² lain. Saya berharap Ahli Yang Berhormat itu jelas ia-itu kerja menchegeh penyeludupan ini bukan sahaja di-jalankan oleh pehak kastam, tetapi juga di-jalankan oleh pehak² lain seperti yang telah saya katakan tadi dan biasa-nya kerja² ini di-buat dan di-jalankan dengan sa-chara bekerjasama. Mithal-nya Ahli Yang Berhormat itu datang dari Trengganu, Besut dan dekat dengan negeri Kelantan. Kalau beliau pergi berjalan dari Kota Bharu arah ka-Rantau Panjang mithal-nya, beliau akan dapati banyak road-block. Yang mula² menahan di-road-block ini kita lihat pegawai² polis beruniform. Sa-lain daripada itu apabila kereta telah berhenti, Ahli Yang Berhormat itu akan dapati ada pegawai² kastam, ada pegawai² L.P.N. dan boleh jadi ada pegawai² B.P.R. bersama². Kemudian tentang tangkapan ini, penyeludupan yang di-jalankan ini bukan sahaja melalui Pusat² Kawalan Kastam tetapi ada-lah juga melalui tempat² lain. Jadi siapa yang chepat mereka-lah yang menangkap. Tambahan pula orang² ramai ada-lah bebas memberi maklumat mereka kepada siapa² yang mereka pilih sama ada kepada pehak kastam, kepada pehak polis, kepada pehak L.P.N., kepada pehak B.P.R. dan lain². Tindakan di-ambil ini bergantung-lah kepada satu² keadaan. Tudohan Ahli Yang Berhormat itu bimbangkan, harapkan pagar, pagar makan padi, saya rasa ini ada-lah satu tuduhan yang terlalu berat, yang tidak harus di-ucapkan oleh wakil ra'ayat yang duduk di-dalam Dewan ini yang mungkin melemahkan semangat pegawai² Kerajaan. Dengan demikian tidak-lah pula saya menyatakan bahawa tiap² orang pegawai di-dalam Jabatan Kastam ini ada-lah baik² belaka. Sebab di-dalam beberapa banyak orang pegawai dan kakitangan tentulah ada beberapa yang churang atau sa-bagai-nya. Berkenaan dengan perkara ini jika ada kes², jika ada dapat di-tangkap maka Kerajaan mengambil tindakan yang sa-wajar-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun berkata pehak kastam hanya bertindak menchegeh penyeludupan di-sebelah selatan sahaja dan tidak ambil berat tentang penyeludupan di-sempadan² utara Malaysia dengan Thailand. Saya suka-lah menafikan perkara ini dan sa-bagai tambahan kepada jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, suka-lah saya menyebut angka² bahawa tangkapan di-sempadan antara Malaysia dan Thailand ini yang di-anggap oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun itu tidak di-jalankan oleh Kerajaan. Kes² penyeludupan yang di-tangkap di-sempadan Malaysia/Thailand dalam tempoh 12 bulan yang terakhir ini berjumlah 335 kes penyeludupan yang melibatkan barang² seperti beras, buah²an, mee-hoon, alat² solek, kain batek, chandu, morphine, gula, telur dan lain² yang berharga \$197,037.72. \$197,037.72 sen yang berchukai sa-banyak \$28,044.67 sen telah di-tangkap di-kawasan sempadan antara Malaysia/Thailand.

Sa-lain daripada yang telah saya sebutkan tadi, pada 26hb. Februari, 1972, Jabatan Kastam dan Eksais di-Raja telah melancarkan satu gerakan besar²an terhadap penyeludupan di-sekitar kawasan Padang Besar dan sa-terus-nya telah berjaya merampas barang² yang di-shakki di-seludupkan dari Negeri Thai ka-Malaysia ini sa-jumlah lebih kurang \$85,000. Angka barang² yang saya sebutkan \$85,000 ia-lah sa-lain daripada yang telah saya sebutkan mula² tadi. Dengan demikian jelas-lah bahawa pehak kastam ada-lah mengambil tindakan yang chergas bukan sahaja di-sebelah selatan, tetapi juga di-sebelah utara, ya'ani di-sempadan antara Malaysia dengan Thailand. Kalau sa-kiranya Ahli Yang Berhormat dari Besut meragukan moral atau pun keutuhan pehak kastam, saya fikir angka ini menunjukkan bahawa pehak kastam ada-lah bekerja dengan baik, bekerja dengan keras menjalankan tugas²-nya walau pun mungkin ada satu dua orang pegawai atau pun kaki-tangan yang berlaku churang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya saya suka-lah menguchapkan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah menyokong usul yang telah saya bawa pada hari sa-malam.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Bahawa menurut Peratoran Meshuarat 67C Usul dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1972, di-serahkan kepada Jawatan-kuasa sa-buah² Majlis.

JAWATAN-KUASA

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatan-kuasa)

Kepala P. 7—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$250,000 untok Kepala P. 7 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1972.

Kepala P. 24—

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan mengalu²kan satu peruntokan Kerajaan ia-itu sa-bagai kelengkapan sa-banyak \$500,000 untok melengkapkan lagi kenderaan² dan kelengkapan² untok menangkap penyeludupan. Saya amat tertarek hati dengan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan berhubung dengan beberapa kegiatan² bagi menghapuskan penyeludupan², terutama sa-kali di-kawasan sa-belah utara yang berperenggan dengan Negeri Thai. Di-sebabkan nampak-nya hasil kita terlampau banyak, boleh di-katakan banyak dan hampir² berjuta² ringgit pada hujung² tahun ini, maka saya rasa peruntokan yang sa-banyak \$500,000 itu sangat-lah kecil dan langsung tidak mencukupi, bahkan patut di-tambah menjadi 1 million sa-kurang²-nya untok melengkapkan lagi pegawai² kita supaya lebeh chergas, kemas dan terator supaya dapat mendatangkan hasil yang lebeh banyak lagi di-Jabatan Kastam yang akan memberi faedah kepada negara kita seluroh-nya.

Saya mengambil kesempatan menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada jabatan ini yang chergas mengambil tindakan pertama sa-kali mendapat kerjasama Jabatan Polis, Badan Penchegah Rasuah dan juga terutama sa-kali atas kerjasama yang chemerlang oleh Lembaga Padi dan Beras Negara maka soal² penyeludupan terutama sa-kali padi dan beras ia-itu di-tumpaskan hasil utama negara ini hampir dapat langsung. Ini amat-lah di-sambut baik oleh orang

ramai terutama sa-kali petani² di-Perlis dan dengan chara ini juga dapat-lah orang ramai, peniaga² kecil dan pengilang² beras kecil dapat bernafas sa-mula untok menjalankan atau mendirikan ekonomi mereka itu yang pada masa yang lalu tidak dapat mendapat apa² pertolongan di-sebabkan di-landa oleh penyeludup².

Berhubung dengan kelengkapan alat menyekat penyeludupan saya rasa bukan sahaja dari segi kenderaan, tetapi juga patut-lah di-fikirkan alat² pengesan dan semboyan², terutama sa-kali di-kawasan² di-sempadan yang mempunyai liku² jalan yang sukar hendak di-kesan di-sepanjang² negeri ini. Pagar² di-kawasan² sempadan, umpama-nya di-kawasan Padang Besar yang sudah roboh itu perlu juga di-pereksa sa-mula supaya dapat di-pagar dengan lebeh kemas lagi supaya tidak-lah penyeludup di-sempadan Negeri Perlis itu menggunakan lobang² yang luas melalui di-tepi² sempadan Padang Besar itu untok membawa barang² seludup mereka.

Dan lagi sa-lain daripada pemereksaan rapi dengan perkakas² yang saya katakan tadi patut-lah pehak Kementerian ini mengadakan pos² yang lebeh lengkap dengan alat perkakas yang moden untok memereksa dan menyiasat bahkan tindakan segera boleh di-ambil sa-belum penyeludup itu dapat menghilangkan diri entah ka-mana². Pos² yang tersebut itu hendak-lah di-lengkapkan dengan alat perkakas yang di-anggotai bersama, oleh badan² yang saya katakan tadi, ia-itu Badan Polis, Badan Penchegah Rasuah dan juga Lembaga Padi dan Beras Negara. Kementerian ini harus-lah sedar bahawa sejak ada-nya kesukaran² lalulintas di-pekan Padang Besar dan sejak ada-nya kawalan² yang rapi oleh Jabatan Kastam, Imigreshen dan Lembaga Padi dan Beras Negara maka pekan Padang Besar telah menjadi pekan yang sunyi sepi sekarang ini. Kedai² perniagaan hampir menjadi lengang dan barang² dagangan, barang² eksport-impot sudah berkurangan. Kedai² persendirian ditutup. Akibat-nya banyak kedapatan penganggoran di-kalangan orang ramai malah Jabatan Kastam juga berkurangan hasil-nya di-sana.

Untok mengatasi hal ini pehak Kementerian Kewangan hendak-lah mengambil inisiatif dan langkah yang tegas menubuhkan badan penyiasat chara² mana yang dapat

di-majukan pekan Padang Besar itu. Saya rasa perlu-lah di-tubuhkan sa-buah badan penyiasat yang di-anggotai oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan badan seperti LPN di-bawah Jabatan Perdana Menteri untuk menyiasat peri kemungkinan mengadakan zon perniagaan bebas di-sana supaya dapat memajukan perniagaan

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, apa kena-mengena-nya perkara ini dengan perkara Kepala P. 24. Kepala P. 24 berkenaan dengan alat² untuk menchegeh penyeludupan.

Tuan Pengerusi: Saya ta' tahu, tanya-lah Ahli Yang Berhormat itu. Saya suka hendak menerangkan masa ini kita boleh pergi tepat kepada banyak-nya sahaja. Tambah pun ta' boleh, mana yang ada sahaja, tetapi kalau hendak kurang boleh. Jadi kalau boleh pendekkan sedikit perbahathan itu.

Tuan Othman bin Abdullah: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Di-sebabkan saya ta' dapat berchakap dalam perbahathan 'am dan saya rasa tadi \$500,000 untuk membeli kelengkapan itu memang tidak chukop dan saya minta di-tambahkan perkara (c) bangunan² dan alat kelengkapan lain supaya dapat di-lengkapkan alat ini dan saya rasa perkara ini patut-lah di-majukan dalam tambahan bilangan yang ketiga pada dua tiga bulan yang akan datang kerana perkara ini amat mustahak untuk di-majukan di-satu² tempat, terutama sa-kali di-kawasan saya sendiri yang lumpoh sekarang ini dalam perniagaan.

Tuan Pengerusi, apa yang saya katakan tadi peri mustahak-nya Kementerian ini mengadakan inisiatif dan menjalankan dasar yang tegas yang lebeh segera untuk menyiasat bagaimana kemungkinan untuk mengadakan zon perniagaan bebas di-sana, supaya dapat di-majukan perniagaan di-sana dan mengadakan gudang² perniagaan di-bawah kawalan Kementerian ini. Ini ada-lah perlu bagi memberi kemudahan kepada peniaga² untuk mendapat bekalan barang impot eksport mereka dengan senang dan terator bahkan dapat di-kawal dengan rapi kemasokan dan keluar-nya barang² di-antara kedua² negara itu. Peniaga² juga mudah menghantar dan mendapatkan barang² perniagaan. Saya rasa, Tuan Pengerusi, shor ini harap-lah mendapat pertimbangan dengan

segera supaya perniagaan di-kawasan² utama dapat di-pulehkan sa-mula seperti sedia kala.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, peruntukan yang di-minta dalam undang² ini ada-lah yang sa-benar-nya peruntukan tambahan bagi menchukapkan keperluan dalam tahun 1972 ini. Yang sa-benar-nya, Jabatan Kastam, khas-nya bahagian berkenaan dengan menchegeh rasuah, ada-lah di-beri segala² alat kemudahan yang perlu untuk menjalankan tugas²-nya untuk menchegeh penyeludupan. Mithal-nya, dahulu pihak Jabatan Kastam menghadapi kesulitan ya'ani penyeludupan yang di-lakukan oleh motokar² yang laju, tetapi pada hari ini kita telah berikan Jabatan Kastam motokar jenis Alfa Romeo yang kita fikirkan ada-lah di-antara motokar yang paling laju yang boleh mengejar penyeludup² dengan lebeh chekap lagi.

Bagitu juga sekarang ini, Jabatan Kastam sedang menimbangkan untuk membeli helikopter² untuk lebeh chekap lagi mengawasi dan menchegeh penyeludupan yang di-lakukan di-negeri kita ini. Tentang yang lain² itu, pihak Kastam memang-lah di-beri alat² yang sa-chukop-nya yang di-fikirkan perlu umpama-nya wireless, teropong² yang perlu dan lain² lagi. Jadi pendek-nya tidak ada kekurangan, asalkan alat² perkakas itu perlu untuk pekerjaan menchegeh penyeludupan, maka Kementerian Kewangan sentiasa memberikan, kerana dengan lebeh chekap-nya pekerjaan Jabatan Kastam dan juga dengan lebeh berkesan-nya, lebeh efektif-nya, pekerjaan menchegeh penyeludupan ini maka tentu-lah bertambah hasil negara. Sebab itu-lah tidak di-bataskan sangat keperluan²-nya yang di-perlukan bagi menchegeh penyeludupan.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$500,000 untuk Kepala P. 24 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1972.

Kepala P. 27—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$2,010,000 untuk Kepala P. 27 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1972.

Kepala P. 28—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala P. 28 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1972.

Kepala P. 29—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala P. 29 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1972.

Kepala P. 34—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$1,395,510 untuk Kepala P. 34 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1972.

Kepala P. 40—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$550,000 untuk Kepala P. 40 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1972.

Kepala P. 47—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$540,000 untuk Kepala P. 47 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1972.

Kepala P. 50—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$47,770,607 untuk Kepala P. 50 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1972.

Kepala P. 51—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala P. 51 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1972.

Kepala P. 52—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala P. 52 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1972.

Kepala P. 53—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$1,900,000 untuk Kepala P. 53 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1972.

Kepala P. 57—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$3,400,000 untuk Kepala P. 57 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1972.

Kepala P. 61—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$200,000 untuk Kepala P. 61 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1972.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan ia-itu satu jumlah wang tambahan sa-banyak tidak lebih daripada \$58,516,157 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun kewangan 1972, dan bagi maksud kepala² dan pechahan²-kepala perbelanjaan tersebut di-ruangan

pertama dan kedua dalam senarai yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 33 tahun 1972, di-untokkan jumlah yang tersebut sa-tentang dengan kepala² dan pechahan²-kepala di-ruangan lapan dan sembilan senarai itu.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mema'alomkan ia-itu Jawatan-kuasa telah menimbangkan Usul yang telah di-edarkan kapada-nya dan telah bersetuju dengan-nya. Sa-terus-nya saya men-chadangkan supaya Usul yang ada di-dalam Atoran Urusan Meshuarat ini di-setujukan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan ia-itu satu jumlah wang tambahan sa-banyak tidak lebeh daripada \$58,516,157 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun kewangan 1972, dan bagi maksud kepala² dan pechahan²-kepala perbelanjaan tersebut di-ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 33 tahun 1972, di-untokkan jumlah yang tersebut sa-tentang dengan kepala² dan pechahan²-kepala di-ruangan lapan dan sembilan senarai itu.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PERIKANAN (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengemukakan Rang Undang² Akta Perikanan (Pindaan), 1972 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Rang Undang² ini ada-lah untuk menghasilkan pengawasan dan kawalan yang lebeh berkesan terhadap operasi bot² perikanan. Sejak Akta Perikanan 1963 di-kuat-kuasakan awal tahun 1963 perkembangan yang pesat sa-kali telah

terchapai di-kalangan perusahaan perikanan; terutama-nya dari segi kegunaan bot² ber-injin dan alat penangkapan ikan yang lebeh moden dan sa-lain dari itu bilangan nelayan² telah bertambah dalam indastri ini. Perkembangan ini dapat-lah di-lihat dengan jelas-nya, manakala di-perbandingkan kedudukan bot² perikanan yang terdapat dalam tahun 1965 dengan yang terdapat sekarang. Dalam tahun 1965, jumlah bot² ia-lah sa-banyak 22,464 buah yang mana 12,282 buah (55%) ada-lah bot² berinjin dan 10,182 buah (45%) tidak berinjin. Sekarang ini jumlah bot² ikan telah bertambah dan berubah kapada 21,141 buah yang mana 16,320 buah atau 73% ada-lah bot² berinjin dan 4,821 buah atau 27% tidak berinjin. Angka² ini menggambarkan kemajuan yang pesat dalam aspek "mechanisation" bot² perikanan. Selari dengan kemajuan "mechanisation" ini, alat² penangkapan ikan juga telah menempoh perubahan ka-arah permodenan (modernisation) ya'ani alat² penangkapan ikan sa-chara moden telah bertambah dan yang sa-chara tradisi telah kekurangan.

Dengan terchapai kemajuan ini maka usaha penangkapan ikan di-jalankan sa-chara me-luas. Perkembangan ini ada-lah memerlukan kawalan dan pengawasan yang rapi oleh Bahagian Perikanan Kementerian saya. Bagi maksud itu, Yunit Penguatkuasa Bahagian Perikanan telah di-perbesarkan dengan me-nambah bilangan² kapal ronda dan sa-bagai-nya. Namun demikian, persediaan dari segi physical ini tidak-lah menchukupi untuk menghasilkan pengawasan dan kawalan yang rapi melainkan perlu-lah di-samping itu per-bekalan undang² yang lebeh kemas juga di-adakan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini ada-lah mengemaskan Akta Perikanan, 1963 sesuai dengan perkembangan Perusahaan Per-ikanan yang saya telah huraikan tadi dan dengan demikian usaha² mengurangkan ke-jadian² pelanggaran undang² yang menyebab-kan pertikaian di-antara nelayan² di-laut dapat di-jalankan dengan berkesan.

Fasal 2 Rang Undang² ini bertujuan untuk memudahkan pemeriksaen lesen².

Fasal 3 Rang Undang² ini berbangkit dari-pada pindaan dalam Fasal 4.

Fasal 4 Rang Undang² bertujuan untuk menyatakan kuasa² bagi membolehkan sa-saorang Pegawai Perikanan atau Pegawai

Polis mengambil apa² barang yang menasabah di-shaki sa-bagai hal perkara sa-suatu kesalahan atau telah di-gunakan dalam melakukan sa-suatu kesalahan di-bawah Akta; dan hendak dan chara bagaimana notis akan di-beri mengenai barang² yang hendak di-ambil itu. Fasal ini juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Mahkamah membuat sa-suatu perintah rampasan mengenai apa² barang yang di-ambil di-bawah Akta jika telah di-buktikan bahawa sa-suatu kesalahan di-bawah Akta telah dilakukan dan bahawa barang itu ada-lah hal perkara kesalahan itu atau telah di-gunakan dalam melakukan kesalahan itu. Juga ia bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi membolehkan di-buat rujukan kepada Mahkamah dengan sa-suatu tuntutan yang dibuat mengenai apa² barang yang di-ambil di-bawah Akta jika tiada apa² pendakwaan berkenaan dengan-nya dan juga kuasa bagi Menteri memerintah barang tersebut (sama ada di-rampas atau di-ambil dan di-sifatkan sa-bagai di-rampas) di-serahkan kepada pemunya atau orang yang berhak terhadap-nya atas apa² syarat yang di-fikirkan patut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, we have this Amendment Bill in order to empower any Police Officer or Fishery Officer to stop, search and detain all vessels, vehicles, nets, instruments, fishing materials, appliances, fish or fishing stakes if they have reason to believe that an offence under the Act has been committed.

I would like to take this opportunity to raise a very grave problem of the fishermen, and I think that even more emphasis should be given to the problem of helping the fishermen from piracy in the high seas than just giving powers to the Police Officer or the Fishery Officer in order to seize the fishing gear from the fishermen because, as I understand it, the Fisheries Act was designed to help the fishermen. I must say that the fishermen do not feel at all that they have been assisted in the one area in which they needed assistance most and this is one aspect which on the first day of this sitting we have raised—piracy.

The Honourable Deputy Prime Minister and Minister of Home Affairs has outlined some of the measures of patrols, even air patrols, in order to guard our fishermen from pirates and although on paper—over radio, television and in the Press—the Minister's statement about the various counter-measures seemed very reassuring, but the fishermen on the western seaboard of West Malaysia, the fishermen in Pangkor Island, in Malacca and throughout the West Coast, are not reassured. For years they have been the victims of piracy in the high seas and for years they have been appealing for governmental assistance and protection but apart from public pronouncements now and then that actions are being taken they did not get any real redress or protection. I am sure that if the Fisheries Department or the Government Departments concerned will go and meet the fishermen in Pangkor Island, for instance or the fishermen in Malacca, they will know the plight of these fishermen. These fishermen have relied upon fishing for a livelihood, but the majority of them dare not go out to sea, not because they do not want to go to sea to fish to make a livelihood but because they are afraid of meeting these pirates and, as the Deputy Prime Minister has admitted, many of these pirates are in fact uniformed, armed navy personnel of a neighbouring country, probably acting on their own.

From experience, these fishermen report that they are the victims of piracy where their fishing gears, catches, nets and everything else are impounded by these pirates in return for a ransom money, before they are released. Of course, if they have no ready money they can return later with money and claim their belongings. So this is not just piracy. This is a very "organised" piracy in international waters. The pirates detain their fishing gears, fishing nets, their catches and they say, "All right, pay \$2,000 or \$3,000 ransom money. If you have no money now you can go back and get the money and we will release these things back to you", and for these poor fishermen it is not so easy to raise this big sum of money. But when they report to the Fisheries Department or to the Ministry of Home Affairs or to the Marine Police, they are invariably reprimanded, scolded and cursed, for putting themselves in such a situation, for going out to sea, for coming to trouble the Marine Police, instead of getting redress. I must say I am rather shocked that

we find that the Malaysian Government is not taking up the cause of our own nationals, of our own citizens, who are being subjected to such blatant lawlessness of piracy in the high seas. Why? I don't know. Is it because they feel that they prefer their own nationals, their own citizens, to be victims of highly-organised piracy from armed uniformed Naval personnel from a neighbouring country? Although the Deputy Prime Minister has given figures of only 14 such cases, but because of very few reported incidents of piracy, they do not represent the actual figures, because, as I said from experience, the fishermen have realised that to lodge a report to the Marine Police is not to get redress, is not to get settlement or solution, but only to have added trouble, to be scolded and reprimanded by the Marine Police and to be told to go off. I think this is a very unsatisfactory state of affairs which I urge the Government to really take steps to rectify.

Mr Speaker, Sir, to the fishermen, they are not interested whether this is the responsibility of the Fisheries Department or the responsibility of the Ministry of Home Affairs; they are rightly not interested because the whole problem is that they want the Government to come and help them and, as demonstrated in this House only a few hours ago, there is a tendency in this case for one Ministry to pass the buck to another Ministry: the Fisheries Department says it has given the licence and this is the responsibility of the security people and the security department says this is the responsibility of the Fisheries Department, while year by year thousands of fishermen are victims of high sea piracy. So while the civil servants in the two Ministries can indulge in this very interesting and intriguing game as to who is responsible, we find our fishermen suffering, our fishermen living in fear; and I am sure if the Ministry concerned would just go round the western sea-board of West Malaysia they will find thousands of fishermen wanting to go out to sea but dare not go out, partly because they have got some of their fishing gears in the hands of these armed, uniformed pirates, and if they go out and meet them again they know they will be in trouble or because they are afraid that if they go out they are going to be victims.

A good example of this is the recent case of the 50 to 60 fishermen from Pangkor Island. They were victims of piracy in Pulau

Jerak and, as I said, Pulau Jerak is in international waters and instead of getting assistance from the Government, whatever the Ministry—whether it is the Ministry of Home Affairs or the Ministry of Agriculture and Fisheries—the Marine Police told them, “You don't go to Pulau Jerak to fish”, and that is an area that is plentiful in fish. Why? If Pulau Jerak is in international waters, why is our Marine Police telling our fishermen not to go there to fish and that if they go there to fish, they must face their own consequences: that if they become subjected to high-sea piracies, they are not going to get any assistance. This is not the first time that this has been raised in public. My colleague, the State Assemblyman for Lumut, Saudara Pang Teck Hua, has written to the Prime Minister on this and this is not a new issue—it is not something that I have just brought up—it is a very pressing, very urgent problem and I do really urge that the Government should take concrete actions to put a stop to all these harassments and piracy on the part, in particular of the uniformed Naval personnel from a neighbouring country.

I would suggest that the Malaysian Government and the Indonesian Government should meet in a friendly, fraternal manner to solve this very complex problem in the interest of the thousands of Malaysian fishermen, in order to solve once and for all their problems whereby they are living from hand-to-mouth because they dare not go out to sea. As a result, the price of fish throughout the country has arisen and there is a scarcity and this has also affected the pockets of all Malaysians, in particular those of the low income brackets, especially considering that fish is a very essential ingredient for a proper diet.

So I urge, on behalf of the fishermen in Pulau Pangkor, in particular that the Government Departments concerned—and I really don't know which department, whether it is the Ministry of Agriculture and Fisheries or the Ministry of Home Affairs—should go there and find out how they can help them, how they can remove their fear so that they can go out to sea and provide them protection if necessary, such as some form of Marine escort, at least for the initial period. But what the people want is a solution, an answer, an end to this high-sea piracy and harassments. The people of Pulau Pangkor have suffered enough. There they depend largely on fishing

for a living. They have suffered enough because today not only have they become the victims of high sea pirates, they are also the victims of political pirates, as the "Malaysian Wang Ching Wei"—who is not here—the Member of Parliament for Sitiawan. But that is another matter and we will leave it aside. So I hope the Government will help to put a stop to all these so that Malaysian fishermen throughout Malaysia on the western sea-board can make their living. Thank you.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada penerangan yang telah di-beri oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri waktu mengemukakan Rang Undang² ini pertama sa-kali mengenai dengan Fasal 4, pada pendapat saya dengan lulus-nya pindaan ini Dewan telah memberi kuasa yang lebih kepada Pegawai Perikanan atau Pegawai Polis untuk mengambil apa² barang yang di-fikirkan perlu untuk di-bawa ka-Mahkamah di-atas apa yang telah di-lakukan oleh nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-kali pandang Undang² ini sangat²lah baik dan saya juga mempunyai keyakinan bahawa tujuan Kerajaan menhadangkan pindaan ini ia-lah dengan tujuan yang baik, tetapi oleh kerana Undang² ini hendak di-tujukan kepada satu golongan yang sangat² rendah pelajaran-nya dan golongan yang sangat² susah penghidupan-nya dan mereka ini mempunyai masa yang lebih berada di-tengah laut dan masa yang amat singkat di-atas daratan, maka kepada saya ini-lah golongan yang amat kurang mendapat pengertian, mendapat fahaman tentang kehendak² dan maksud² Kerajaan dengan satu² Undang² yang di-buat oleh Kerajaan.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan sa-baik² sahaja Rang Undang² ini di-luluskan, mustahak di-beri suatu fahaman yang lebih dengan chara apa sa-kali pun kepada nelayan² supaya mereka itu tidak menjadi mangsa di-atas pindaan Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini kerana kalau nelayan melanggar sa-suatu Undang² mereka langgar kerana tidak faham atau kerana tidak tahu. Tiba² dengan kuasa yang bagini lebih kita berikan kepada Pegawai Polis dan Pegawai Perikanan, saya khuatir kalau² kuasa yang begitu lebih itu di-salah-gunakan, maka golongan yang menderita, golongan

yang amat kurang pengetahuan akan menjadi mangsa kapada pindaan Undang² yang kita luluskan pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang pernah Kerajaan sedar sendiri bahawa nelayan² ada-lah golongan yang perlu di-beri bantuan. Nelayan ada-lah golongan yang boleh dikatakan amat kurang mendapat perhatian daripada Kerajaan, maka bagi pihak Kerajaan tentu-lah dia mahu menghormati kapada Undang², sesuai dengan Rukunegara kita, mesti menghormati Undang², tetapi seperti yang saya katakan tadi, di-dalam melaksanakan suatu Undang², oleh kerana Undang² itu ada-lah bukan satu perkara yang mati, tidak boleh di-kendorkan dan tidak boleh di-tegangkan. Saya berharap benar² dengan kekuasaan yang bagini lebih atas tujuan yang baik, maka hendak-lah pada peringkat perlaksanaan-nya juga di-beri suatu pertimbangan sa-kira-nya golongan yang saya sebutkan ini tidak-lah suatu masa melupakan pertolongan yang di-beri oleh Kerajaan di-sebabkan mereka terhalang dengan pindaan yang ada di-hadapan kita ini.

Pada keseluruhan-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² ini, tetapi sokongan saya dengan apa yang saya buat ingatan tadi supaya pihak Kerajaan tidak akan menerima satu akibat yang burok dengan pindaan ini.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): (*Dengan izin*) Sir, the difficulties faced by the fishermen in Malaysia at present are already numerous in number without the necessity of the Government having to inflict them with the possibility of a further difficulty in the form of this Bill, which would empower the Government to seize, detain and search all fishermen who have committed an offence under this Act. Sir, I hope that the Government would implement this Act with considerable humanity because of the difficulties which are now being faced by both our in-shore fishermen and the off-shore fishermen. Piracy already is a problem which is faced by our fishermen. I have raised this question several times before, but the Minister in charge has always said that this is not a serious problem and the problem has always been brushed aside. So I hope the Government would look into the question of piracy with more attention than has been shown hitherto.

But the continuous quarrels between the off-shore fishermen and the in-shore fishermen with consequent loss of lives and injuries to persons as have occurred in Pantai Remis not so long ago are preventable quarrels which the Government must try to prevent. In-shore fishermen are usually the poorer section of our community who do not have the financial capacity nor the technical know-how to go out further afield to tap the wealth of the sea. I hope therefore Government would consider giving more facilities and better training to this group of our fishermen community.

Then, secondly, Sir, the off-shore fishermen who have come to tap the wealth of our seas. I believe quite a number of these fishermen are foreigners, overseas nationals, who have come to do their fishing in our waters. I hope the Government in this matter would again consider giving preference to the in-shore fishermen in view of their poverty and their poorer financial resources. In this connection, Sir, the Fisheries Training Institute which has been set up in Penang is grossly inadequate in terms of providing training for our fishermen. I think the number of graduates that come out every year is so few, out of all proportion to the size and the length of our sea-shore and the area of our territorial waters, both in West Malaysia and in East Malaysia. So I hope that the Government would quadruple its efforts to provide better marine and technical training to our fishermen, both in-shore and off-shore.

Then, Sir, the question of marine patrols. I hope, Sir, that with the claim to the Straits of Malacca as Malaysia's and Indonesia's territorial waters, joint patrols should be stepped up by the Naval authorities of the two Governments to patrol not only foreign infringement of our territorial waters, but also while they go about doing their job they should keep an eye on the marauding pirates who terrorise our fishermen and I suppose Indonesian fishermen have also been terrorised. We do not know who these pirates are, but I hope both the Government of Indonesia and the Government of Malaysia would quickly bring these pirates to book.

Sir, the sea is a source of wealth. Like land, it is a big source of wealth, and I hope that more research and more training be

provided in order that we may be able to tap more of this wealth to benefit our people. So far efforts which have been made up-to-date are grossly inadequate; and I hope that the Government would set up, in addition to the Fisheries Training Institute in Penang, such training centres in all the centres of fishing throughout Malaysia not just in Penang alone but elsewhere in other parts of West Malaysia, the western coastline of Malaysia, our Eastern States, Kelantan, Trengganu and so on and also in Sabah and Sarawak. We have not really begun to tap the wealth of the seas. So, I hope the Government would improve its effort in this direction.

Lastly, Sir, I hope the Government would also interest our students whilst they are still in schools—to interest more of them—to consider embarking upon a naval career. We have got a long stretch of coastline and we need more trained, able-bodied, fishermen equipped with the modern knowledge to tap the wealth of the sea, in addition to providing a naval reserve for our Navy in times of emergency, which we hope will not occur.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sa-penoh-nya Rang Undang² ini. Saya chuma hendak memberi pandangan berkenaan dengan ikan² di-laut. Ikan² ini terdiri dari bapa ikan, datok ikan, chuchu ikan dan anak ikan. Saya katakan bagitu, oleh kerana pada hari ini chichit ikan pun habis, kerana pukat² yang di-katakan pukat harimau bagaimana ikan² hendak bertelor, bagaimana ikan² ini hendak besar, sebab habis anak chuchu-nya di-ambil. Dengan sebab itu, saya fikirkan Kerajaan mesti-lah membuat satu Undang². Undang² itu nyata-lah di-buat oleh orang² yang pakar Undang². Jikalau mithal-nya ikan parang itu sudah besar, dia bertelor, beranak, tetapi bagi ikan parang kecil, habis di-pukat sahaja, bagaimana ikan² parang hendak besar atau ikan yang lain². Dengan sebab itu, saya fikirkan oleh kerana kaum nelayan akan menjadi kaum nelayan dan terus menjadi kaum nelayan dan kita terus mengambil hasil laut ini, jika ikan² sudah habis, saya perchaya pada hari yang akan datang payah betul kehidupan nelayan² kita. Dengan sebab itu, saya minta-lah pada pehak yang bertanggung-jawab menengokkan

di-atas perkara ini supaya nelayan² kita pada hari akan datang tidak-lah sengsara hidupnya.

Yang kedua, kita membuat Undang² di-atas perkara nelayan ini hendak-lah juga kita memikirkan kehidupan nelayan. Nelayan² kita ini, saya tengok di-Dungun dalam Talivishen nampak-nya rumah² nelayan akan di-buat oleh Kerajaan. Ini bagus betul, sebab Kerajaan Perikatan dalam tempoh Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini akan meninggikan taraf hidup bukan sahaja pekebun² kecil yang terdiri dari semua bangsa, tetapi termasuk juga nelayan². Oleh kerana kehidupan nelayan pada masa dahulu sampai sekarang ini tidak dapat di-bela, atau belum lagi di-bela dan pada hari yang akan datang kita akan bela kehidupan² mereka. Bot² kecil yang di-katakan sampan sekarang, Kementerian Perikanan akan memberi bot² besar 30 tan macham mana yang di-buat untuk kaum nelayan di-Jepun, di-Taiwan dan negeri² yang telah maju begitu juga barangkali saya perchaya Kementerian Perikanan akan memberi bot² ini untuk nelayan² kita. Mereka juga hendak hidup seperti mana orang² pertanian.

Nampak saya, pada hari ini terutama sa-kali dalam kawasan saya dan di-kawasan² yang lain juga, kehidupan nelayan² di-tepi laut itu rumah²-nya tidak dapat di-bela sampai sekarang. Barangkali di-Kedah saya dengar ada di-buat rumah² nelayan yang di-bantu oleh Kerajaan. Tetapi di-kawasan saya di-Kuala Selangor, tanah untuk mendirikan rumah pun tidak dapat untuk nelayan² ini. Ta' usahkan rumah, dudok di-tepi sungai pun dengan tidak mendapat tanah TOL. Mereka bila² masa boleh di-halau begitu sahaja. Dengan sebab itu, saya minta-lah kepada Kerajaan supaya menengok atau melihat kehidupan nelayan² ini.

Yang ketiga, saya berharap juga di-tengokkan jeti untuk orang² ini mengambil ikan, sebab jeti² yang di-buat oleh mereka ini—nelayan² ini sudah hendak tumbang sama sa-kali. Saya minta-lah jeti² ini dapat di-baharu dengan elok-nya.

Itu-lah sahaja. Saya ada-lah menyokong dengan sa-penoh²-nya Rang Undang² ini.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'ad (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan mengalu²kan pindaan kepada Akta Perikanan tahun 1963 yang bertujuan untuk hendak memperkemas dan memperkuatkan lagi Undang² yang ada sekarang ini.

Sa-bagaimana yang kita sedia ma'alom bahawa pertelingkahan—dan pergaduhan kerap kali berlaku di-antara nelayan² pukat tunda dan nelayan² tepi pantai. Oleh kerana nelayan pukat tunda ini tidak menghormati garisan atau Undang² yang telah pun di-tetapkan oleh pehak Kerajaan, kawasan² bagi mereka untuk menjalankan perusahaan menangkap ikan. Mereka melanggar kawasan yang biasa-nya ahli² nelayan tepi pantai ini menangkap ikan. Ini satu pencherobohan di-lakukan, maka dengan sebab itu-lah pergaduhan berlaku. Apa yang saya harap dengan ada-nya tindakan ini, saya perchaya pindaan Undang² sahaja tidak akan memberi kesan bahkan mesti-lah kuat-kuasanya di-lakukan dengan sa-penoh²-nya. Untuk melaksanakan kuat-kuasa Undang² ini manakala di-luluskan kelak ada-lah di-kehendaki alat yang cukup, pegawai² yang di-pertanggung-jawabkan untuk menjalankan kuat-kuasa ini mesti-lah pegawai² yang benar²-nya ta'at setia kepada kerja dan jawatan-nya, orang yang betul² bertanggung-jawab, orang² yang betul² memegang amanah di-atas keamanan di-antara dua² golongan nelayan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pada masa dahulu mula² pukat tunda ini di-majukan atau di-mulakan pada tahun 1962 dahulu, saya telah pun memberi fikiran saya, ia-itu jikalau kita hendak majukan nelayan kita ini dengan chara menangkap ikan chara mendapatkan alat² moden, saya telah menegaskan mesti-lah segala usaha menggunakan kepada nelayan² asli kerana mereka ini-lah yang mula² menchari makan—menchari kehidupan dan berharap kepada pencharian di-atas usaha menangkap ikan. Tetapi oleh kerana pehak Kerajaan barangkali waktu itu berkehendakkan kemajuan chepat dan tidak mengambil perhatian yang berat apa yang akan jadi pada masa hadapan. Sekarang sudah timbul, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan orang yang menangkap ikan sa-chara pukat tunda ini bukan-lah golongan atau asal-nya daripada nelayan yang asli bahkan golongan orang puak capitalist dan

orang yang tidak pernah menangkap ikan pun ada. Ini satu perkara yang saya berasa dukachita yang telah berlaku dan saya berharap pehak Kerajaan akan meneliti atas perkara ini supaya jangan berlaku lagi. Kita berkehendakkan kemajuan, kita kadang kala-nya tidak kaji apa kemungkinan akan berlaku. Jadi yang berlaku ini sudah kita korbakan nelayan asli kita.

Oleh yang demikian, saya berharap pehak Kerajaan akan memberi peluang yang lebih kepada nelayan² asli ini. Kalau kita tinjau kehidupan mereka ini pada masa sekarang, jauh daripada apa yang telah pun di-nekmati oleh nelayan² pukat tunda dan saya berharap pehak Kerajaan yang membuat ranchangan² yang sekarang ini melalui satu projek yang baharu ia-itu dengan chara Persatuan Nelayan, saya harap Kerajaan akan berusaha dengan sa-penoh-nya supaya jikalau boleh mewajibkan tiap² nelayan menjadi ahli Persatuan Nelayan ini, walau pun dia orang yang bekerja menangkap ikan di-tepi pantai atau pun orang yang bekerja menangkap ikan sa-chara pukat tunda supaya mereka ini dapat di-kawal di-dalam satu persatuan. Maka dengan chara yang demikian baharulah mereka sendiri membuat peratoran² yang tertentu mengarahkan atau membuat jadual bagi orang² yang menangkap ikan dengan pukat tunda ini keluar ka-laut dengan orang yang menangkap ikan di-tepi pantai ini supaya dapat dengan chara sendiri. Dengan chara ini, dapat kita kembalikan keamanan dan fahaman di-antara nelayan pukat tunda dengan nelayan tepi pantai. Dan sa-lagi kita tidak dapat buat sa-demikian menjadikan orang² ini dalam satu badan atau satu persatuan, sa-lama itu-lah pada pendapat saya, pertelingkahan, pergaduhan tidak persafahaman di-antara nelayan di-tepi pantai dan orang nelayan yang pukat tunda ini akan berpanjangan.

Dato' Yang di-Pertua, kita dapati khasnya di-Pulau Pinang menjadi sa-bagai satu pengkalan singgahan kapada bot² pukat tunda menangkap ikan di-lautan yang dalam daripada negeri Jepun, daripada negeri Taiwan, menangkap ikan tuna dan ada juga yang menangkap udang. Ini ada-lah satu perusahaan yang besar yang memberi keuntungan besar kapada negara masing². Sebab apa kita tidak mengambil perhatian dalam chara menangkap ikan di-lautan yang dalam. Ini saya berharap Kerajaan akan mengadakan

projek yang tertentu untuk mengadakan bot² yang besar yang 100 tan ka-atas mithal-nya sampai 200 tan boleh melateh anak² nelayan² yang asli saya katakan supaya mereka dapat di-lateh dari persekolahan nelayan atau pun sa-chara rengkas jadi kelasi kapal² ini dapat menangkap ikan di-laut yang dalam dan hasil-nya akan dapat kapada negara kita. Ini satu langkah yang saya perchaya Kerajaan kita atau pun persatuan nelayan kebangsaan pada masa akan datang di-tubuhkan akan berusaha ka-araf ini, saya perchaya masalah nelayan kita susah-nya mendapat ikan ini dapat di-kurangkan.

Dato' Yang di-Pertua, bagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat wakil Kuala Selangor tadi, masalah nelayan² yang tidak mempunyai tanah sendiri, ini ada-lah satu masalah yang besar dan saya harap pehak Kerajaan akan mengambil perhatian yang lebih dengan mengadakan perkampongan nelayan di-tempat² yang sesuai. Saya telah pun mengemukakan perkara ini kapada Yang Berhormat Menteri ia-itu di-kawasan saya sendiri, Kuala Muda, supaya di-jadikan perkampongan nelayan. Jadi saya harap Yang Berhormat akan menyiasat perkara ini sama ada boleh di-buat atau tidak untuk hendak mengatasi kesulitan penumpang² tanah orang oleh nelayan² yang di-tepi pantai. Mereka ini tidak mempunyai pendapatan yang lumayan tetapi terpaksa membayar sewa tanah orang.

Lagi satu perkara yang menjadi masalah kapada nelayan² ia-lah masalah yang mereka ini bekerja dengan taukeh² dan pendapatan mereka ini tidak-lah sa-bagitu baik atau menjamin kehidupan-nya. Jikalau kita dapat mengatasi masalah supaya mereka ini mempunyai alat penangkapan ikan sendiri mengadakan pukat, mengadakan bot, mengadatkan alat² yang perlu, saya perchaya nasib nelayan ini dapat terjamin pada masa hadapan. Oleh yang demikian saya berharap pehak yang berkenaan supaya meninjau dan menyiasat dan jika boleh mengadakan ranchangan yang prektik, supaya dapat memberi satu harapan baharu kapada nelayan² kita pada masa hadapan. Sekian-lah sahaja ucapan saya dan saya berharap pehak Kementerian ini akan mengambil perhatian yang lebih berat lagi ka-atas nasib² nelayan² yang ada sekarang. Terima kasih.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil kesempatan bersama² menyokong Rang Undang² ini.

Di-samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah mendatangkan beberapa pandangan berkenaan dengan nelayan² khasnya nelayan² di-dalam negeri Perlis. Walau pun ada beberapa orang daripada rakan saya yang telah berchakap berkenaan dengan hal ini, tetapi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, tiap² Negeri ada mempunyai masaalah² yang berlainan di-antara satu dengan lain, khasnya negeri Perlis ini. Negeri Perlis ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana sama² kita ma'alom ia-itu sa-buah negeri yang bersempadan dengan Thailand dan bagitu juga laut negeri Perlis ada-lah satu kawasan yang sangat kecil apa lagi perbatasan atau perenggan perayeran di-antara laut Perlis dengan laut Siam tidak ada mempunyai tanda² yang menentukan bahawa ini ada-lah laut Malaysia dan ini ada-lah laut Thailand. Dengan hal yang demikian kadang kala-nya ada bot² daripada Thailand yang telah melanggar masuk ka-dalam sempadan Malaysia, ka-dalam perayeran Malaysia dan boleh jadi ada pihak polis atau marine menentukan bahawa sa-nya ini ada-lah kawasan Malaysia. Maka dengan sebab itu, bot² daripada Thailand tadi di-tangkap. Tetapi akibat-nya dengan kita mengenakan peraturan yang tersebut tadi banyak pula nelayan² daripada Malaysia hanya daripada Perlis yang kadang kala-nya masuk menangkap ikan hingga ka-dalam perayeran negeri Thailand. Apabila jadi pertelingkahan yang tersebut oleh Kerajaan, boleh kata ikan² dan pulau² yang banyak di-dapati dalam Thailand, maka di-sini banyak-lah ikan dan akibat-nya nelayan² kita yang terlajak masuk ka-dalam Thailand sana akan menerima tangkapan seperti mana yang berlaku yang telah kita lakukan ka-atas nelayan² daripada Thailand. Jadi, oleh yang demikian saya sangat-lah berharap sama ada bagi pihak marine atau polis jika hendak buat satu² tangkapan, hendak-lah kita teliti dengan chara yang berperikemanusiaan supaya pertelingkahan khasnya ia-itu kami di-negeri Perlis alang-kah susah-nya ia-itu kami tinggal dalam sempadan. Jadi perbalahan kami bila kami masuk, ta' masuk pun kadang² bagi pihak marine Thai berkata yang

kamu telah melanggar sempadan dan di-tangkap. Di-tangkap itu di-bawa pergi ka-tempat-nya yang sangat jauh amat-lah susah-nya bagi nelayan² di-Malaysia ini. Kadang² di-bawa pergi sampai bukan tempat yang dekat, kalau di-kurong-nya dalam satu tempat sahaja senang-lah, kadang² di-bawa ka-tempat yang jauh seperti di-Gantang dan di-Bukit, maka terpaksa-lah menggunakan perbelanjaan yang banyak untuk hendak menebus atau hendak menjamin-nya. Saya berharap-lah apabila Rang Undang² ini di-jalankan jangan-lah sa-bagaimana kata rakan saya tadi yang mana kita mudahkan, menjalankan ikut kehendak-nya supaya tafsiran yang ada di-dalam Rang Undang² ini.

Yang kedua, saya rasa dengan undang² ini juga barangkali ada banyak nelayan² Negeri Perlis yang akan terlibat kerana di-dalam Negeri Perlis mengikut banchi saya ada lebih kurang hampir 100 buah pukat tunda yang 10 tan yang tidak mempunyai lesen. Di-dalam 100 buah itu barangkali ada lebih kurang 10 buah sahaja yang telah mendapat lesen menjalankan perusahaan ini, perusahaan ikan ini. Yang sa-lain-nya kebanyakan-nya di-jalankan sa-chara haram. Jadi apabila sudah terjadi satu² tangkapan ka-atas bot² yang 10 tan ini kebanyakan-nya ada-lah di-punyai oleh nelayan² bumiputra kerana modal-nya membuat bot ini dengan harga yang murah, ia-itu lebih kurang \$3,000 dan mereka itu dapat membuat bot² yang demikian, tetapi malang-nya di-pihak Kementerian Pertanian dan Perikanan tidak-lah sangat menggalakkan mengeluarkan lesen bagi bot yang 10 tan ini dan perusahaan² itu berjalan maseh terus juga berjalan, terkadang² di-biarkan berjalan satu bulan, dua bulan tetapi bila sampai satu masa sa-kali di-jalankan gerakan oleh pihak polis dan pihak marine di-tangkap. Manakala di-tangkap-nya bot² tadi ada sa-tengah-nya di-bawa pergi ka-Pulau Langkawi. Kalau hendak menjamin datang-lah tuan punya hendak menjamin orang² tadi. Kemudian pergi ka-Kangar, Kangar kata pergi Langkawi; pergi Langkawi, Langkawi kata pergi Kangar; pergi pula Kangar, Kangar kata pergi Kuala Kedah. Jadi bagini-lah hal-nya yang memberi gambaran yang cukup susah. Kemudian di-denda pula, bukan-lah saya hendak membangkang apa yang saya buat tafsiran oleh pihak Keadilan. Satu² buah bot yang menjalankan perusahaan itu sa-ramai 3 orang dan harga bot itu \$3,000.

Biasa-nya apabila di-bawa ka-mahkamah di-denda pada tiap² satu orang \$300. Jikalau 3 orang kira \$1,000. Kemudian bot pula di-tahan. Bot tadi di-tahan tidak boleh di-jamin melainkan dengan meletakkan wang tunai atau geran tanah sa-kurang²-nya \$5,000. Bermakna-nya bagi nelayan yang miskin yang hendak mengeluarkan \$5,000 untok bot itu sudah tentu-lah tidak dapat, maka bot itu di-tahan oleh Polis. Tahu sahaja-lah 3 bulan bot itu di-tahan—hanchor, habis-lah ta' dapat di-gunakan lagi dan hendak menchari geran tanah pun bagitu juga.

Oleh kerana itu, saya merayu-lah kapada Menteri yang berkenaan supaya menchari jalan bagaimana dapat kita menolong puak² yang miskin ini supaya dapat mereka juga menchari makan kerana dengan kita galakkan pada masa sekarang ini chara² tangkapan ikan yang moden dan saya tahu dalam Negeri Perlis ini ada penuntut² yang telah keluar daripada sekolah perikanan daripada Pulau Pinang. Mereka itu pergi membuat satu jalan pukut. Dahulu di-panggil rawa dengan menggunakan pukut di-hadapan perahu. Sekarang mereka itu menggunakan meshen injin. Dengan pukut tunda ini menggunakan pukut yang di-sabelah belakang. Pukut ini dia mahu menggunakan sa-belah hadapan untok menangkap udang. Dengan perusahaan yang bagini mereka beritahu saya mereka boleh dapat untok sa-malam \$100, \$200 dengan tangkapan udang ini. Ini ada-lah satu perusahaan yang sangat baik tetapi malang-nya ta' tahu-lah apa sebab-nya di-pehak Kementerian pun ta' hendak menggalakkan perbuatan yang demikian dan di-pehak marine pun banyak telah menangkap mereka itu dan merampas segala alat²-nya. Dengan hal yang demikian, kita dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini hendak meninggikan taraf hidup ra'ayat supaya mendapat mata pencharian yang lebeh dan ini ada-lah satu jalan terutama sa-kali bagi nelayan² yang boleh mendapat mata pencharian yang lebeh tetapi sayang-nya di-pehak Kementerian sendiri belum dapat menchari satu jalan keluar bagaimana dapat menolong mereka itu supaya mereka itu juga dapat hidup sa-bagai sa-orang manusia yang akan memelihara anak isteri kerana mereka itu tidak ada jalan yang lain lagi bagi nelayan ini melainkan kerja-nya hanya-lah menangkap ikan sahaja. Sekarang ini chorak² mereka itu sudah berubah daripada menggunakan perahu dan motor

sangkut, sekarang ini mereka menggunakan dengan injin² kechil yang boleh mendatangkan perolehan yang lebeh.

Maka saya sangat-lah berharap di-pehak Kementerian supaya menchari satu jalan tidak lagi mendatangkan kebebanaan dan kesusahan yang besar ka-atas kebanyakan nelayan² tadi.

Sa-lain daripada yang tersebut itu, saya juga sa-kali lagi merayu banyak kali-lah saya sudah berchakap dalam Dewan ini berkenaan dengan pukut tunda di-dalam Negeri Perlis dan saya maseh ingat lagi barangkali saya-lah orang yang pertama sa-masa beberapa tahun yang telah lalu yang telah memberi sokongan berkenaan dengan pukut tunda ini tetapi malang-nya dalam Negeri Perlis hingga sampai hari ini belum lagi mendapat peruntukan lesen berkenaan dengan menjalankan pukut tunda di-dalam Negeri Perlis walau pun saya telah beberapa kali merayu dan macham² chara-nya supaya di-pehak Kementerian Pertanian dan Perikanan supaya dapat membenarkan lesen² ini di-jalankan dalam Negeri Perlis supaya dengan ada-nya pukut tunda ini dapatlah menghapuskan penganggoran dan penyeludupan yang sedang merebak berlaku, khas-nya di-Kuala Perlis pada hari ini kerana pemuda² kita ta' ada pekerjaan, Dato' Yang di-Pertua, kerja ta' ada, hendak menjalankan pukut tunda lesen pun ta' dapat. Sekarang pula hendak menjalankan penyeludupan beras sudah di-tangkap, buang negeri pula lagi. Kalau sa-takat tangkap ta' apa, dia buang negeri. Jadi apa hal hendak hidup, pada hal manusia hendak makan, hendak minum.

Saya berharap-lah kalau kita hendak tegah satu² perkara kita mesti jalankan-lah apa chara hendak menggantikan-nya. Saya ber-simpati, sunggoh pun saya ta' suka, Dato' Yang di-Pertua, berkenaan dengan penyeludupan ini tetapi apa chara, apa jalan hendak menggantikan-nya supaya mereka itu dapat hidup sa-bagai manusia yang hendak makan, hendak pakaian, hendak keseronokan, hendak buat pukut tunda pemuda² berpakat. Mereka berpakat, Tuan Yang di-Pertua, buat satu bot macham bot rawa mereka keluarkan wang \$200, \$300 sa-orang dengan modal; \$1,000 keluar sahaja sudah di-tangkap, pada hal itu-lah perusahaan yang sa-habis senang bagi pemuda² ini, itu pun sudah di-tangkap dan sudah di-tangkap

pula di-rampas, macham saya katakan tadi ka-sana, ka-sini di-sepak jadi macham bola yang hendak masuk di-dalam jaring—Langkawi kepada Kangar, Kangar kata Kedah—bagini-lah hal-nya, maka saya berharap-lah zaman pembangunan saperti yang berjalan dengan pesat sekarang ini, saya minta-lah segala pegawai² yang menjalankan perusahaan ini hendak-lah memberi timbang rasa. Kadang² saya biasa tengok dengan mata saya sendiri, satu bot dapat tangkap udang berharga \$50—\$60, di-lelong \$10 sahaja. \$50—\$60 punya udang di-tangkap, kemudian di-lelong \$10 saya ta' tahu bagaimana boleh di-lelong begitu murah, barangkali ada ikut jalan pintu belakang, ta' tahu-lah saya. Pada hal susah payah hamba Allah ini, tiba² di-lelong dengan \$10. Jadi kalau hendak berchakap, panjang cerita-nya, Tuan Pengerusi. Ini-lah saya merayu kepada pehak pegawai perikanan yang bertempat di-Kuala Perlis tadi, saya minta selalu-lah berada di-Kuala Perlis. Sebab saya telah menerima banyak rayuan orang ramai hendak berjumpa dengan pegawai Perikanan sangat² susah.

Umpama-nya ada satu permintaan baharu² ini daripada Sharikat Kerjasama Nelayan Kuala Perlis, Yang Berhormat Menteri telah menerangkan kepada saya, dia hendak berikan 10 lesen buat permulaan. Saya jawab, terima kaseh-lah. Bila di-hantar borang lesap dengan wang²-nya. Jadi tiap² pukat tunda berkehendakkan wang simpanan sa-banyak \$1,000 lebih kurang. Dia pergi tidor di-Alor Star dua bulan, di-penyap permintaan-nya itu. Pada hal benda itu boleh di-buat dalam satu jam. Saya sendiri pun pergi ka-Pejabat, tanya: Mana permintaan itu? Baharu-lah di-bawa keluar dari lachi, sudah dua bulan dudok tidor dalam lachi. Saya bawa pula permintaan itu ka-Kuala Lumpur kepada Pegawai Kanan Perikanan, harap tolong luluskan permintaan ini dengan segera kerana Menteri telah memberitahu kepada saya untuk memberi lesen.

Maka bagini-lah hal-nya, kalau tidak ada kerjasama dari pegawai² yang bertanggungjawab tadi, tentu-lah susah bagi ra'ayat dan bagi wakil ra'ayat pun kalau wakil ra'ayat banyak berchakap dalam Parlimen banyak orang menudoh apa wakil ra'ayat itu buat, begitu bagini, saya rasa ta' bagus juga. Saya kalau boleh ta' hendak berchakap, tapi kadang² apa boleh buat, ra'ayat datang

mendesak kita, maki, apa wakil ra'ayat buat Pukol tidor-kah? Tak tengok-kah, buta-kah mata kamu, kami terseksa macham ini?

Saya berharap dengan jasa baik Yang Berhormat Menteri dan pegawai yang berkenaan supaya tolong-lah beri timbang rasa kepada ra'ayat yang miskin supaya mereka itu jangan-lah terkorban dan menderita yang lebih pahit lagi.

Pada akhir-nya, saya menyokong-lah Rang Undang² ini dan saya berharap semoga Rang Undang² ini akan dapat di-jalankan dan bagi menjalankan tafsiran-nya dan pegawai² yang akan membuat tafsiran undang² ini dengan adil dan saksama supaya dapat ra'ayat menikmati bahawa apa yang di-kehendaki oleh Kerajaan itu akan dapat di-nikmati pula oleh ra'ayat.

Dato' (Dr) Haji Abdul Aziz bin Omar (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² yang sedang di-bahathkan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun saya menyokong Rang Undang² ini, saya suka juga menarek perhatian pehak² yang berkenaan, ia-itu berkenaan dengan kesulitan yang di-hadapi oleh nelayan² khas-nya nelayan di-Pantai Timor. Sa-bahagian besar daripada nelayan² di-Pantai Timor di-beri lesen untuk menangkap udang.

Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, penangkapan udang ada-lah satu mata pencharian yang terpenting yang memberi faedah kepada nelayan² di-Pantai Timor. Sungguh pun begitu, Tuan Yang di-Pertua, lesen yang di-berikan kepada mereka itu ia-lah untuk tempoh sa-lama 8 bulan sahaja di-dalam sa-tahun, ia-itu mereka ini boleh pergi ka-laut menangkap udang hanya 8 bulan dalam sa-tahun. 8 bulan sa-tahun itu ada-lah masa yang panjang juga. Akan tetapi 8 bulan itu termasuk musim tengkujuh atau musim monsoon sa-lama 4 bulan. Di-dalam masa 4 bulan itu sangat-lah merbahaya bagi sa-siapa pun pergi ka-laut menangkap ikan, atau menangkap udang, kerana pada musim itu lautan-nya bergelora besar, angin dan ribut sangat-lah kuat. Jadi keselamatan bagi nyawa dan harta benda tidak-lah boleh di-jamin. Maka dengan sebab itu, nelayan² ini tidak-lah pergi ka-laut menjalankan pencharian mereka itu di-dalam

musim tengkujuh ini. Berma'ana-lah mereka hanya dapat pergi ka-laut di-dalam sa-tahun hanya 4 bulan, atau di-dalam sa-tahun mereka hanya boleh menchari makan sa-lama 4 bulan. Kata²-nya, di-hadkan 8 bulan untuk menangkap udang itu ia-lah kerana dalam 4 bulan lagi untuk di-beri peluang kepada anak² udang itu menjadi emak dan bapa udang pula. Baik-lah 8 bulan pun 8 bulan-lah. Akan tetapi, saya menchadangkan supaya 8 bulan yang di-benarkan kepada mereka itu pergi ka-laut jangan-lah termasuk musim tengkujuh, ia-ini walau macham mana sa-kali pun musim tengkujuh mereka ini tidak dapat pergi ka-laut. Kalau begitu berikan-lah mereka ini peluang pergi ka-laut waktu yang tidak musim tengkujuh sa-lama 8 bulan. Jikalau di-benarkan mereka itu menchari makan dalam sa-tahun hanya 8 bulan pun jadi-lah. Jikalau tidak, nelayan² yang sudah pun bernasib burok akan menjadi bertambah² burok lagi sa-kira-nya mereka yang di-benar pergi ka-laut. 8 bulan sahaja, sekarang boleh pergi ka-laut hanya 4 bulan sahaja. Maka ini-lah sa-chara rengkas-nya saya menarek perhatian pihak yang berkenaan supaya kalau boleh ubah-lah sedikit atoran² yang ada pada masa ini supaya memberi sedikit kesenangan kepada mereka yang telah pun dhaif. Barangkali kita yang bukan nelayan tidak tahu apa erti-nya kelaparan. Akan tetapi mereka ini pada masa ini juga hampir² kebuloran. Kalau begitu, saya merayu-lah kepada pihak yang berkenaan supaya menetek-beratkan sungguh² di-atas apa yang saya telah chadangkan itu supaya nasib nelayan² itu terbela.

Sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah dengan menyokong Rang Undang² ini.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu (Santubong): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut serta menyokong Undang² yang ada di-hadapan saya ini. Dan di-samping itu, saya ingin menyentoh sedikit pada Sekshen 4. Undang² ini ada-lah memberi kuasa kepada Pegawai Perikanan dan juga Pegawai Polis yang berpangkat sa-kurang²-nya corporal. Jadi dengan ada-nya pindaan Undang² ini, maka pegawai yang menjalankan tugas ini ada-lah menjalankan tugas-nya dengan chergas dan berani. Sa-kira-nya tidak ada undang² ini saya berpendapat bahawa orang yang menjalankan pekerjaan ini tidak akan menjalankan pekerjaan-nya

sa-bagaimana yang chukup memuaskan bagi pihak Kerajaan yang berkenaan dengan undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun undang² ini berbunyi atau pun dengan kehendak yang berkerasan ya'ani mereka boleh menangkap tanpa waran. Ini saya rasa, ada-lah elok, akan tetapi saya merayu juga kepada Menteri yang berkenaan supaya menjalankan undang² ini hendak-lah dengan teliti supaya jangan-lah mementingkan sangat kepada ra'ayat yang susah² seperti mana yang di-rayukan oleh sa-tengah daripada Yang Berhormat yang telah beruchap baharu sa-bentar tadi.

Undang² ini bagi negeri Sarawak yang saya ketahui ada sa-tengah daripada-nya nelayan² yang datang dari luar negeri masuk ka-dalam perayeran Malaysia kita ini di-Sarawak. Saya rasa undang² ini ada-lah betul pada tempat-nya supaya pegawai² di-sana boleh menjalankan tugas-nya untuk mengawal nelayan² yang datang dari luar negeri masuk ka-dalam perayeran negeri Malaysia ini khas-nya dalam perayeran negeri Sarawak.

Dan juga, saya suka menyentoh mengenai pukut tunda. Pukat tunda ini sa-bagaimana yang di-rayu oleh Yang Berhormat bagi pihak kawasan Kuala Selangor baharu sa-bentar tadi, pukut tunda ini boleh di-katakan mengikis segala isi² ikan yang ada di-dalam ayer itu termasuk-lah ikan yang kechil² dan ikan² yang belum lagi patut kita gunakan. Ini ada-lah merugikan kita dan ikan itu apabila tidak di-pakai tidak ada siapa yang mahu membeli-nya dan ikan itu terbuang perchuma sahaja. Dari itu, saya berharap-lah kepada Menteri yang berkenaan supaya perkara ini boleh di-beri pertimbangan dan boleh juga di-beri peringatan kepada pegawai yang menjalankan tugas itu. Dengan had ini-lah sahaja saya menyokong undang² yang ada di-hadapan saya ini.

Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this Bill, I might say, requires a great deal of modifications and adjustments. These fishermen are already facing a great deal of risk to their own life and property from pirates who are openly operating from time to time in the seas. Instead of catching the pirates who are the culprits, the Government has thought it best

to catch the fishermen who are unarmed. Of course, the pirates, as we all know, are always fully armed. Perhaps the Government feels that if those fishermen are caught, there will be no pirates.

Now, far from assisting the fishermen, this Bill places unnecessary burdens on the fishermen. Fishermen, under this Bill have to:

- (i) carry their licences, which they never did—and I do not know whether the licences are in metal plates or only pieces of paper—with them in the vessel in which they go out;
- (ii) they run the risk of their own vessels being seized and confiscated;
- (iii) they run the risk of their nets, instruments and fishing materials and other appliances being seized and confiscated together with their fish;
- (iv) they also have to pay for the cost of the seizure by the Fisheries Officer or the Police Officer in effecting such removal and destruction of their stakes; and
- (v) they have to lose their means of livelihood forever. I hope the Government will look into the plight of the fishermen and act accordingly and not, as the saying goes, kill the golden goose that lays the golden eggs.

So I would urge the Government to make the necessary adjustments and modifications to these amendments and make the livelihood of the fishermen worthwhile. Thank you.

PENANGGOHAN

(Usul)

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meniadakan supaya meshuarat ini di-tangguhkan sekarang.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCHAPAN² PENANGGOHAN

PENGECHUALIAN MENGGUNAKAN TOPI KELEDAR

Tuan Chan Fu King (Telok Anson): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I wish to bring to the attention of the Minister of Communications the request by the Sikhs and Hajis who ride motorcycles that they be exempted from the

use of crash helmets on religious grounds. It is unfair to compel them to use crash helmets when religion forbids them to do so. After all, it is unfair for us to force a man to go against his religion. I have received many representations from the Sikhs and Hajis who are very unhappy about the compulsory wearing of crash helmets for all motor-cyclists.

I am glad that the Minister of Communications has announced that a Committee has been set up to look into this problem, and I hope the Minister can announce the names of the members of this committee so that the Sikhs and the Hajis can make further representations on this matter to the Committee. I would like also to ask the Minister to tell the House as to when this Committee would draw up its recommendations.

I also urge the Minister of Communications to exempt motor-cyclists having machines below 75 c.c. from the use of crash helmets as motor-cyclists having 75 c.c. and below cannot pick up high speeds and from the figures of accidents we know that they are seldom involved in accidents. Further, serious consideration must be given to the exemption of motor-cyclists from the use of crash helmets in town areas as these areas are under the speed limit of 30 m.p.h. Thank you, Mr Speaker, Sir.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab perkara yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Telok Anson berkenaan dengan pengechualian orang² yang beragama Sikh dan Haji dari memakai topi keledar, ingin-lah saya menerangkan bahawa Kementerian saya sedang menyusun peratoran² yang berkaitan dengan undang² itu dan peratoran² itu akan di-kaji dan di-susun dengan teliti-nya dan sebelum itu di-buat keputusan yang mu'tamat, maka soal pengechualian orang² yang beragama Sikh dan lain² di-atas beberapa agama akan di-pertimbangkan juga bagaimana saya telah menjawab, kita akan mengadakan sa-buah Jawatan-kuasa.

Saya tidak mahu menggunakan alat agama di-permain²kan, kerana yang saya tahu apa agama dalam dunia ini pun menyuruh berikhtiar to find ways and means supaya menjauhi daripada mendapat kemalangan. Tetapi saya bukan hendak menidak²kan fasal agama

ini, maka dengan sebab itu kita akan dapat petua² daripada orang yang beragama Islam, ugama Sikh, tetapi Ahli Yang Berhormat itu sendiri barangkali bila dengar², tetapi ada rayuan, saya pun sudah terima.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tuan² Haji ramai yang tidak memakai serban pun ada.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya pun haji juga, tetapi tidak memakai serban. Kalau pun memakai serban bukan semua. Kita juga hendak kechualikan mereka² itu. Ini ada-lah dalam timbangan Kerajaan, jadi sabar-lah dahulu.

Berkenaan dengan motor cycle yang 75 c.c. ka-bawah, ini soal 75 c.c., 200 c.c. tetapi kalau dia ada motor yang dia boleh laju. Bukan fasal laju, dia skid 25 batu sa-jam pun dia jatuh kepala jangan pechah, sebab itu-lah kena pakai topi. Jadi soal 75 c.c., 200 c.c. tidak timbul. Kalau kita buat undang² hendak mengechualikan segala²-nya lagi baik-lah tidak ada undang², semua jatuh pechah kepala, mati, saya yang rugi, pengundi pun tidak ada pada Ahli Yang Berhormat pula nanti—jadi susah-lah. Berilah kerjasama, insha'Allah bagi pihak Kerajaan Perikatan memang menimbangkan, kalau betul dari segi ugama.

Tuan Goh Hock Guan: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: No clarification on adjournment speech.

JAMBATAN PENJALAN² KAKI UNTUK KESELAMATAN JALANRAYA

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): Tuan Yang di-Pertua, Uchapan Penanggoan saya yang bertajok ia-lah Lebih Banyak Jambatan² Pejalan Kaki di-perlukan untuk keselamatan Jalan Raya dan oleh sebab perkara ini ia-lah teknikal, saya berharap Tuan Yang di-Pertua izinkan saya berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Sir, with the accident rate in Kuala Lumpur on the increase it is essential for Government to look into ways and means of protecting the lives of the people. Organising safety campaign alone is not enough. Blaming the public for careless driving and reckless jay-walking again is also not enough. A basic cause of traffic accidents

is the failure on the part of the Government to provide sufficient pedestrian bridges conveniently located and suitably designed. Because of this inadequate provision, pedestrians in many busy streets are forced to cross the roads always in danger of their lives and limbs. Human beings, Sir, are made of flesh and blood and therefore cannot compete with cars and lorries which are made of metal. Pedestrian traffic by foot must be separated from vehicular traffic at two different levels. This is a fundamental requirement of good town planning and safe traffic engineering. I therefore call upon the Government to construct immediately pedestrian bridges and sub-ways at the following places to serve the needs of the people of Kuala Lumpur:

- (1) Ipoh Road.
- (2) Pudu Road.
- (3) Jalan Bungsar.
- (4) Sungei Besi Road.
- (5) Bukit Bintang Road.
- (6) Petaling Street.
- (7) High Street.
- (8) Jalan Silang.
- (9) Klyne Street.
- (10) Jalan Gereja.
- (11) Campbell Road.
- (12) Batu Road.
- (13) In front of the State Secretariat to link up with the Padang.
- (14) In front of the Railway Station.
- (15) In front of the multi-storey car park along Jalan Rodger to connect to the taxi stand opposite.

I urge furthermore, Sir, that a Master Plan be prepared immediately to show how the people of Kuala Lumpur can be served by a network of pedestrian walks, footpaths, promenades, pedestrian bridges, subways and plazas. I will prepare such a plan for the Minister to consider if he is prepared to accept my offer. Kuala Lumpur needs such a pedestrian movement plan very badly and if implemented could transform our Federal Capital City into a safer, more beautiful and more convenient city, the pride and symbol of what we as a nation can do. There is not a decent public square or plaza, for instance, at the moment. This is shocking, Sir, to say the least.

At present some of the existing pedestrian bridges are badly designed, located too high up and ugly and unpleasant to use. I suggest that better design is essential, and the possibility of subways be investigated to enable people to cross from one side of the road to another. Subways need not be as high as pedestrian bridges as they do not have to provide for the clearance of lorries and buses and, therefore, would be more convenient for the people to use. Secondly, to make such subways pay for themselves, shopping spaces could be introduced alongside the subway below road level. Government can by this method get back the money to build such subways by renting out the shopping space created below.

I believe that a few imaginative ideas like these can transform our city and provide better service to our people. I repeat, Sir, my offer to help the Government to work out such a plan to serve the people. Thank you.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, first of all, may I thank the Honourable Member for his suggestions and for his very kind offer to help my Ministry or the City of Kuala Lumpur to prepare plans for these pedestrian bridges and other ideas which he has put forward. I am sure the City Administration will be glad to accept his offer provided he does not send us the bill. *(Ketawa)*

The Dewan Bandaraya of Kuala Lumpur is greatly concerned, Sir, on the problem encountered by the general public when crossing busy streets in the city, and it has been contemplating to construct six bridges

for the pedestrians under the Second Five-Year Malaysia Plan. The six bridges concerned are as follows:

- (i) Jalan Bungsar near the Lever Brothers;
- (ii) Jalan Raja Laut near the Batu Road School;
- (iii) Jalan Tuanku Abdul Rahman near the junction of Jalan Broadrick;
- (iv) Jalan Pudu near the junction of Jalan Brunei;
- (v) Jalan Maxwell near the Maxwell School; and
- (vi) Jalan Pahang in the Setapak town.

Investigations will be made to determine the need for pedestrian overhead bridges based on the number of general public crossing the road, the business of the road, etc. The construction of the bridges will be made on the following priorities: roads such as Jalan Sungei Besi, which the Honourable Member has just mentioned, Jalan Klang Lama, Jalan Cheras and the Federal Highway have been earmarked for improvement and extension.

Consideration for the provision of bridges can only be made after further investigations have been completed, and I should be very glad to have the suggestions put up by the Honourable Member, which will be given the closest attention.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ini di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 7.15 malam.